RANCANGAN SELANGOR KEDUA

2026 – 2030

MEMIMPIN PERTUMBUHAN
MEMACU KEMAKMURAN
MENERAJUI ASEAN

RS2 | KITASELANGOR

Rancangan Selangor Kedua (RS–2)

Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030


HARI SUKAN NEGARA
SAVE PALESTINE
STAND FOR PALESTINE
AEROBIKTON

Isi Kandungan

Prakata
Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor 04

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 06

Yang Berbahagia Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) 08

Ringkasan Eksekutif
Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030 10

Bab 01
Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 Dalam Tinjauan 27

Bab 02
Landskap Semasa 51

Bab 03
Kerangka Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030 77

Bab 04
Misi 1 – Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor 97

Bab 05
Misi 2 – Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah 117

Bab 06
Misi 3 – Negeri Penyayang dan Berdaya Huni 135

Bab 07
Misi 4 – Modal Insan Produktif dan Inklusif 155

Bab 08
Misi 5 – Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik 175

Bab 09
Misi 6 – Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan 195

Bab 10
Pembangunan Wilayah dan Daerah di Selangor 213

Bab 11
Kerangka Tadbir Urus dan Penyampaian RS-2 243

Glosari 253

Prakata

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari

Dato' Menteri Besar Selangor



Selangor melangkah ke fasa pembangunan seterusnya dengan satu kejelasan yang tegas: kemajuan mesti diterjemahkan kepada kehidupan yang lebih baik untuk rakyat. Dalam dunia yang semakin berubah pantas, keupayaan untuk merancang dengan teliti, melaksana dengan berdisiplin dan menyesuaikan diri dengan cekap menjadi prasyarat kepada kemakmuran jangka panjang. Inilah asas yang membimbing Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030.

Sepanjang tempoh Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Selangor telah membina asas yang kukuh. Ekonomi negeri berkembang secara konsisten, pelaburan berkualiti terus diperkukuh, dan perkhidmatan awam dipermudah melalui pendigitalan yang meluas. Pencapaian ini mengukuhkan keyakinan bahawa Selangor mempunyai kapasiti institusi dan keupayaan pelaksanaan untuk menyokong pertumbuhan yang berterusan. Lebih penting, ia membuka ruang kepada peluang pekerjaan, akses perkhidmatan yang lebih cekap dan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk rakyat dan pelabur.

Pada masa yang sama, RS-1 memberikan panduan yang jelas tentang langkah penambahbaikan. Pembangunan yang hakiki bermakna menuntut fokus yang lebih tepat kepada kumpulan sasaran, penyelarasan yang lebih baik merentas agensi, serta kecekapan pelaksanaan yang sentiasa dipertingkat. Dapatan inilah yang memperkukuh pendekatan RS-2 sebagai rancangan yang berorientasikan hasil, tersusun dan berfokus kepada penciptaan nilai jangka panjang.

RS-2 digubal dalam konteks ekonomi global yang dinamik dan ekonomi serantau yang semakin bersepadu. Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara dan pintu masuk strategik ke rantau ASEAN, Selangor bersedia memanfaatkan kekuatan sedia ada, memperluas jaringan kerjasama dan mengukuhkan kedudukan negeri dalam rantaian nilai serantau dan global. Pendekatan ini memastikan Selangor kekal berdaya saing, tangkas dan relevan dalam landskap masa hadapan.

Berbeza daripada struktur terdahulu, RS-2 mengangkat pendekatan berasaskan misi. Enam misi bersepadu ini disatukan oleh satu aspirasi utama yang jelas iaitu **Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030**, demi **Kita Selangor: Maju Bersama**. Pendekatan ini menekankan kerjasama merentas kerajaan negeri, agensi, sektor swasta, masyarakat madani dan komuniti setempat, agar setiap inisiatif memberi kesan nyata dan saling menguatkan antara satu sama lain.

Pembangunan di bawah RS-2 digerakkan dengan komitmen untuk memastikan manfaat kemajuan dirasai secara menyeluruh. Setiap daerah mempunyai kekuatan dan peranan tersendiri dalam ekosistem negeri. Daripada kawasan pertanian hingga pusat perindustrian, daripada bandar utama hingga komuniti pesisir dan luar bandar, strategi wilayah seperti SABDA, Selangor Maritime Gateway dan IDRISS dirangka untuk mengaktifkan potensi tempatan, memperluas peluang ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan komuniti.

Segala perancangan ini berpaksikan satu prinsip yang dekat di hati saya: pembangunan mesti memperbaiki kehidupan seharian rakyat. Akses kepada pekerjaan yang bermakna, perkhidmatan awam yang mudah dan cekap, alam sekitar yang terpelihara, serta peluang yang saksama untuk setiap lapisan masyarakat menjadi ukuran kejayaan RS-2. Kemajuan hanya bermakna apabila ia dirasai dari segenap lapisan dan golongan masyarakat.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, penjawat awam, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, rakan industri, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik serta seluruh rakyat Selangor atas kerjasama yang berterusan. Kejayaan negeri ini adalah hasil usaha bersama dan semangat kebersamaan yang kukuh.

RS-2 adalah komitmen kolektif untuk membina Selangor yang lebih kukuh, inklusif dan bersedia menghadapi masa hadapan. Dengan perancangan yang jelas, pelaksanaan yang konsisten dan iltizam bersama, saya yakin Selangor akan terus melangkah ke hadapan sebagai negeri yang makmur dan sejahtera untuk semua.

Inilah arah yang kita tujui. Inilah masa depan yang kita bina bersama.

Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Amirudin bin Shari

Prakata

Yang Berhormat
Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



Selangor melangkah ke Rancangan Selangor Kedua (RS-2) dengan kesedaran yang lebih mendalam tentang makna berkhidmat kepada rakyat. Tahun-tahun kebelakangan ini telah menguji keupayaan kita sebagai sebuah kerajaan dan sebagai sebuah masyarakat, daripada krisis kesihatan global, ketidaktentuan ekonomi, sehinggalah cabaran terhadap kesejahteraan sosial dan kelestarian alam. Dalam saat-saat ini, rakyat memandang kepada kerajaan bukan sekadar untuk merancang, tetapi untuk hadir, bertindak dan memberi perlindungan.

Melalui RS-1, Selangor menunjukkan daya tahannya. Ekonomi berjaya dipulihkan, keyakinan pelabur diperkukuh, dan pelbagai bentuk sokongan disalurkan kepada rakyat yang terkesan. Lebih daripada pencapaian angka, tempoh ini mengajar kita bahawa kekuatan sebenar sesebuah negeri terletak pada keupayaannya untuk terus berfungsi demi rakyat, walau dalam keadaan yang mencabar. Pengalaman inilah yang menjadi asas kepada RS-2 untuk menjadi sebuah rancangan yang bukan sahaja memandang ke hadapan, tetapi berpijak pada realiti kehidupan seharian rakyat.

Sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, saya memikul amanah untuk memastikan aspirasi yang digariskan dalam RS-2 dapat diterjemahkan kepada tindakan yang nyata. Bagi jentera pentadbiran negeri, RS-2 menuntut komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan. Setiap dasar, inisiatif dan program perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, agar manfaatnya benar-benar dirasai oleh rakyat dan komuniti perniagaan di seluruh Selangor. Kejayaan RS-2 bukan diukur melalui perancangan semata-mata, tetapi melalui kualiti penyampaian dan keupayaan kita untuk menangani cabaran di lapangan.

Pendekatan *whole-of-state* menjadi teras kepada usaha ini. Berkhidmat kepada rakyat memerlukan penyelarasan yang lebih erat antara agensi kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah. Apabila perancangan dan pelaksanaan bergerak seiring, urusan rakyat dapat dipermudahkan, proses dipercepatkan dan kepercayaan terhadap kerajaan dapat diperkukuh. Kerajaan yang bersepadu adalah kerajaan yang lebih dekat dengan rakyat.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) memainkan peranan yang amat penting dalam hal ini. Merekalah wajah kerajaan yang paling hampir dengan rakyat, sama ada di kaunter perkhidmatan, di tapak pembangunan mahupun di lapangan. Melalui RS-2, usaha akan dipertingkatkan untuk memodenkan sistem penyampaian, memperkukuh keupayaan barisan hadapan dan memanfaatkan data dalam pembuatan keputusan. Matlamatnya ialah memastikan setiap urusan rakyat dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan berorientasikan penyelesaian, tanpa mengabaikan nilai ihsan dan keprihatinan.

Bagi memastikan segala usaha ini dilaksanakan dengan berdisiplin dan bertanggungjawab, kerangka Selangor Implementation and Performance (SIAP) akan terus diperkukuh. Melalui pemantauan prestasi yang lebih sistematik, penetapan pencapaian secara berperingkat dan penyelesaian masalah secara kolaboratif, SIAP membantu memastikan setiap inisiatif kekal pada landasan dan memberi impak yang dihasratkan. Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab kita untuk memastikan setiap amanah yang dipikul dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Akhirnya, RS-2 adalah usaha bersama seluruh warga Selangor. Kejayaan negeri ini tidak mungkin dicapai oleh kerajaan semata-mata. Ia menuntut kerjasama erat antara sektor awam, sektor swasta, masyarakat sivil dan rakyat. Dengan semangat tanggungjawab bersama, tadbir urus yang berasaskan data dan komitmen yang berterusan untuk berkhidmat, saya yakin Selangor akan terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah negeri yang kukuh, inklusif dan sentiasa meletakkan rakyat sebagai keutamaan.

Yang Berhormat
Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin



Prakata



Yang Berbahagia
Dato' Johary bin Anuar
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) /
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Selangor melangkah ke fasa baharu pembangunan dengan keyakinan yang dibentuk melalui pengalaman, bukti dan tindakan berterusan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negeri ini telah berdepan ketidaktentuan global yang memberi tekanan kepada ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Cabaran ini menguji keupayaan sistem sedia ada, namun pada masa yang sama mengukuhkan keazaman kita untuk menambahbaik dasar, menyesuaikan pendekatan dan memastikan kemajuan negeri kekal mampan.

Melalui pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Selangor telah bertindak secara pantas dan bersepadu untuk menstabilkan ekonomi, memulihkan keyakinan pelabur dan memperkukuh sokongan kepada rakyat. Pendekatan berasaskan data, kerjasama rentas agensi dan penglibatan rakan strategik telah membolehkan negeri ini keluar daripada fasa pemulihan dengan asas yang lebih kukuh. Kejayaan ini memberikan landasan yang jelas untuk melangkah ke peringkat seterusnya dengan lebih yakin dan terarah.

Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030 dirangka sebagai kesinambungan langsung kepada usaha tersebut. Ia diselaraskan dengan dasar Persekutuan termasuk Rancangan Malaysia Ke-13, Ekonomi MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, serta berpaksikan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan), Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5) dan Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3). Penyelarasan ini memastikan Selangor bergerak seiring dengan keutamaan nasional, memanfaatkan sinergi persekutuan dan mengukuhkan kedudukan negeri dalam sektor strategik bernilai tinggi.

RS-2 memperkenalkan pendekatan berasaskan misi yang lebih fokus dan bersepadu. Enam misi yang digariskan merentas sektor dan agensi, menggalakkan penyelesaian masalah secara menyeluruh serta pelaksanaan yang berorientasikan hasil. Kerangka ini mempercepat pelaksanaan dasar, mengurangkan pertindihan dan memperkukuh kerjasama institusi demi mencapai pertumbuhan yang saksama dan peningkatan kualiti hidup untuk semua.

Dokumen ini terhasil melalui proses libat urus yang menyeluruh melibatkan lebih 1,000 pemegang taruh daripada 171 organisasi. Input yang diperoleh melalui bengkel strategik, makmal misi dan sesi penyepaduan bersama kepimpinan negeri memastikan RS-2 bersifat praktikal, realistik dan sedia dilaksanakan. Pendekatan pengukuran prestasi turut diperkemas dengan indikator makro yang lebih sesuai, boleh dipantau dan bermakna, berasaskan pengalaman pelaksanaan RS-1 dan diselaraskan dengan rangka kerja nasional.

Dengan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh dan asas tadbir urus yang diperkasakan, Selangor kini bersedia untuk melonjak ke tahap seterusnya. RS-2 menjadi panduan pelaksanaan yang jelas untuk membina sebuah negeri yang lebih berdaya tahan, inklusif dan bersedia menghadapi masa hadapan. Saya yakin bahawa dengan komitmen berterusan semua pihak, perancangan ini akan diterjemahkan kepada hasil yang nyata dan berkekalan untuk Selangor dan rakyatnya.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penyediaan RS-2. Marilah kita terus melangkah ke hadapan dengan tekad bersama untuk memastikan setiap perancangan yang digariskan dilaksanakan dengan berkesan dan memberi manfaat yang sebenar.

Yang Berbahagia
Dato' Johary bin Anuar



Ringkasan Eksekutif

Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030

Selangor bukan sekadar jentera penggerak ekonomi negara. Ia adalah tempat rakyat membina kehidupan, mencipta peluang dan merealisasikan aspirasi. Sebagai negeri paling maju di Malaysia, Selangor sentiasa memimpin dalam pertumbuhan ekonomi, pembangunan modal insan dan peningkatan taraf hidup. Justeru, perancangan pembangunan yang teratur, bersepadu dan berpandangan jauh adalah suatu keperluan yang mustahak.

Berlandaskan keperluan ini, lahirlah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang merupakan satu langkah bersejarah menjadikan Selangor negeri pertama di Malaysia dengan pelan pembangunan lima tahun yang komprehensif. RS-1 digubal dengan visi menjadikan Selangor sebuah Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur Menjelang 2025, dengan rakyat sebagai teras setiap keputusan pembangunan.

Bagi merealisasikan visi tersebut, RS-1 disusun berteraskan empat Tema Strategik yang saling melengkapi dan bersepadu:

Tema Strategik 1: Pengukuhan Ekonomi
Mengukuhkan lagi status Selangor sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia serta di rantau Asia.

Tema Strategik 2: Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial
Menjadikan Selangor negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat secara seimbang dan inklusif.

Tema Strategik 3: Pemacuan Kelestarian
Menjadikan Selangor peneraju pembangunan lestari dalam memulihara alam sekitar demi generasi akan datang.

Tema Strategik 4: Tadbir Urus S.M.A.R.T dan Berkesan
Membina kerajaan yang moden, berwawasan dan berjiwa rakyat bagi memudahcara setiap aspek pembangunan negeri.

Sebagai hasil, RS-1 telah membawa impak pembangunan yang ketara dengan pertumbuhan KDNK negeri sebanyak 7.5% bagi tempoh 2021 hingga 2025, sekali gus mencerminkan kekukuhan ekonomi dan keyakinan pelabur terhadap Selangor, di samping memberi manfaat langsung kepada rakyat serta komuniti perniagaan.

Pertumbuhan ini bukan sekadar tercermin melalui angka, malah turut meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ekonomi negeri menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 3.85 juta tenaga kerja, dengan pendapatan median isi rumah meningkat kepada RM10,726 sebulan, manakala inisiatif kebajikan negeri telah memanfaatkan lebih 21 juta penerima sepanjang pelaksanaan RS-1.

RS-1 dilaksanakan dengan matlamat menjadikan Selangor sebuah Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur Menjelang 2025 melalui empat teras strategik pembangunan merangkumi Ekonomi, Sosial dan Kesejahteraan, Kelestarian Alam Sekitar serta Tadbir Urus.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan RS-1 telah menunjukkan pencapaian yang positif dengan sebahagian besar sasaran utama berjaya dicapai atau melepasi sasaran yang ditetapkan. Jadual Pencapaian Utama Rancangan Selangor Pertama (RS-1) berikut merumuskan pencapaian utama RS-1 yang menjadi asas kepada perancangan dan hala tuju RS-2.

Pencapaian Utama Rancangan Selangor Pertama (RS-1)

	Petunjuk Makro	Sasaran RS-1	Pencapaian Terkini
Ekonomi	Pertumbuhan KDNK	**6.5-7.0%**	**7.5%** (Purata 2021-2025)
	Nilai Pelaburan Diluluskan dalam Sektor Keutamaan dan Berkompleksiti Tinggi	**RM23-35 bilion**	**RM65.8 bilion** (Purata 2021-2025)
	Guna Tenaga	**3.5-3.8 juta orang**	**3.85 juta orang** (2025)
	Penembusan Jalur Lebar Tetap	**70%**	**64.1%** (S4 2025)
Sosial	Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan	**RM9,290**	**RM10,726** (2024)
	Kadar Kemiskinan Mutlak	**0.7%**	**0.9%** (2024)
	Kadar Kemiskinan Relatif	**11.0%**	**8.5%** (2024)
	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor)	**7.00**	**7.21** (2024)
Kelestarian	Tahap Purata Tahunan Kualiti Udara PM2.5 ($\mu g/m^3$)	**15 $\mu g/m^3$**	**21.56 $\mu g/m^3$** (Purata 2023-2024)
	Ketersediaan Air Bersih Setiap Hari	**24 jam**	**24 jam** (2025)
	Kadar Kitar Semula Sisa	**15%**	**7.7%** (Purata 2021-2025)
	Litupan Hutan Simpan Kekal	**31%**	**31.7%** (2023)
Tadbir Urus	Kemajuan Projek Pemacu Perubahan RS-1	**100%**	**67.87%** (2025)
	Pencapaian Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT ≥95%)	**Semua 12 PBT mencapai skor ≥95%**	**4 PBT** mencapai sasaran (2024)
	Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital *End-to-End*	**85%**	**33.77%** (2025)
	Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT	**85%**	**94.21%** (2024)

RS-2 memperkukuh asas kemajuan Selangor untuk memastikan pertumbuhan ekonomi diterjemahkan kepada manfaat yang dirasai oleh setiap rakyat, di setiap daerah.

Landskap Semasa Dan Potensi Masa Depan Selangor

Memperkukuh Kedudukan, Memperluas Peluang

Selangor hari ini berdiri sebagai pusat ekonomi paling dinamik di Malaysia, menjadi negeri yang menghubungkan industri, inovasi dan bakat dalam satu ekosistem yang terus berkembang. Dengan sumbangan lebih satu perempat kepada ekonomi negara, Selangor memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju pertumbuhan Malaysia. Kedudukannya sebagai hab pelaburan, logistik dan teknologi menjadikan negeri ini pusat tumpuan syarikat tempatan dan antarabangsa yang ingin berkembang di rantau ini.


Kawasan seperti Petaling, Hulu Langat, Hulu Selangor dan Kuala Langat membentuk koridor industri, manakala Klang dan Sepang berperanan sebagai gerbang logistik global. Sabak Bernam dan Kuala Selangor pula membuka peluang dalam sektor agromakanan dan keterjaminan makanan, dengan Gombak memainkan peranan penting sebagai zon ekologi dan tadahan yang melindungi sumber asli negeri.

Lebih 7.4 juta penduduk yang terdiri daripada masyarakat pelbagai latar belakang dan generasi menjadikan negeri ini sebagai kediaman, dengan majoriti menetap di kawasan bandar yang menawarkan peluang pekerjaan, pendidikan, fasiliti dan infrastruktur moden. Kepesatan urbanisasi ini mencerminkan keyakinan rakyat terhadap Selangor sebagai negeri pilihan untuk membina masa depan.

Selangor terus menjadi pusat ekonomi paling dinamik di Malaysia, digerakkan oleh aliran pelaburan berterusan, budaya inovasi serta infrastruktur moden seiring dengan pembangunan sosial dan sokongan tadbir urus bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan kelestarian negeri.



Selangor Hari Ini



Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan

RM10,726

Guna Tenaga

3.85 juta orang

Kadar Kemiskinan Mutlak

0.9%

Kadar Kemiskinan Relatif

8.5%

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor)

7.21

Ketersediaan Air Bersih Setiap Hari

24 jam

Litupan Hutan Simpan Kekal

31.7%

Landskap Global yang Sedang Berubah

Ekonomi global kini sedang mengalami perubahan struktur yang ketara, didorong oleh ketegangan geopolitik, peningkatan dasar perlindungan perdagangan, dan penstrukturan semula rantaian bekalan global. Pengenaan tarif perdagangan oleh Amerika Syarikat terhadap China sejak 2018, serta kesinambungan dasar perlindungan industri strategik oleh kuasa besar dunia, telah mendorong syarikat multinasional untuk mempelbagaikan lokasi pelaburan dan pengeluaran mereka.

Peralihan ini membuka peluang penting kepada negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, sebagai destinasi alternatif dalam rantaian bekalan global. Dengan asas industri yang kukuh, kedudukan strategik, serta ekosistem logistik dan teknologi yang matang, Selangor berada dalam kedudukan yang ideal untuk menarik pelaburan baharu dalam sektor bernilai tinggi seperti semikonduktor, aeroangkasa, ekonomi digital dan teknologi hijau.

Pada masa yang sama, peralihan global ke arah ekonomi rendah karbon dan transformasi digital mempercepat permintaan terhadap teknologi baharu, tenaga bersih dan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Perubahan ini memperkukuhkan lagi peranan Selangor sebagai hab inovasi dan pelaburan serantau, serta membuka peluang untuk negeri ini meningkatkan nilai tambah ekonominya.

Ketika RS-2 ini diterbitkan, konflik Iran-Amerika Syarikat telah mencetuskan krisis tenaga dan rantaian bekalan yang dirasai di seluruh dunia, termasuk Selangor. Dalam konteks ini, keupayaan Selangor untuk bertindak balas dengan pantas dan berdaya tahan menjadi lebih kritikal bagi menjamin kesejahteraan rakyat serta kelangsungan ekonomi negeri yang kompetitif, inklusif dan mampan.

Momentum ini menjadi asas penting kepada RS-2 yang bertujuan untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai peneraju ekonomi negara serta memanfaatkan peluang global dalam memacu pertumbuhan yang lebih saksama dan mampan.



Trend Mega di Peringkat Global dan Implikasi kepada Selangor

Keretakan perdagangan global
Peluang Selangor menarik pelaburan sebagai hab perdagangan alternatif di ASEAN.

Penstrukturan rantaian bekalan global
Memperkukuh peranan negeri dalam sektor Elektrik & Elektronik (E&E), aeroangkasa dan logistik.

Transformasi digital dan automasi
Mempercepat pembangunan ekonomi digital dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Inisiatif kelestarian dan keterjaminan sumber tenaga
Memacu teknologi hijau dan pembangunan lestari melalui peralihan tenaga karbon rendah.

Perubahan demografi dan struktur sosial
Memperkasa pembangunan bakat dan meneraju ekonomi penjagaan.



Kerangka Rancangan Selangor Kedua (RS–2) 2026–2030

Berpandukan kekuatan negeri, keperluan rakyat dan perubahan landskap global, Rancangan Selangor Kedua (RS–2) 2026–2030 dibangunkan sebagai pelan pembangunan menyeluruh untuk memandu Selangor ke arah aspirasi utama:

Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030

RS–2 berfungsi sebagai rujukan utama rakyat, agensi kerajaan dan sektor perniagaan, memastikan semua pihak bergerak selari dalam mencapai visi bersama. Kerangka ini menggunakan pendekatan berasaskan misi yang menghubungkan hala tuju strategik negeri kepada tindakan konkrit melalui:

6
Misi

25
Bidang Keutamaan

98
Jumlah Inisiatif

Kerangka RS-2

Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030

6 Misi

Misi 1	Misi 2	Misi 3	Misi 4	Misi 5	Misi 6
Ekonomi	Daerah	Kesejahteraan	Modal Insan	Kelestarian	Tadbir Urus
Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor	Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah	Negeri Penyayang dan Berdaya Huni	Modal Insan Produktif dan Inklusif	Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik	Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan

25 Bidang Keutamaan

Misi 1	Misi 2	Misi 3	Misi 4	Misi 5	Misi 6
Elektrik & Elektronik	Pembangunan Ekonomi Berasaskan Daerah	Perumahan & Komuniti	Penyertaan Tenaga Kerja	Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana	Kerajaan & Tenaga Kerja Digital
Aeroangkasa	Mobiliti	Kos Sara Hidup	Pendidikan & Latihan	Pemeliharaan & Biodiversiti	Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus Baik
Automotif		Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan Keluarga	Keusahawanan	Teknologi Hijau & Bandar Rendah Karbon	Aliran Hasil Dipelbagaikan & Mampan
Ekonomi Digital		Budaya & Warisan	Perusahaan Halal	Pengurusan Sisa & Ekonomi Kitaran	Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri
Ekonomi Kreatif		Belia & Sukan		Keterjaminan Air	
13 Jumlah Inisiatif	**10** Jumlah Inisiatif	**25** Jumlah Inisiatif	**23** Jumlah Inisiatif	**14** Jumlah Inisiatif	**13** Jumlah Inisiatif
2 Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama	**4** Inisiatif Utama	**5** Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama

Kerangka RS–2: Enam Misi

Menggerakkan Transformasi Selangor Secara Menyeluruh

Kemajuan Selangor selama ini adalah hasil perancangan strategik, pelaksanaan bersepadu dan kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan rakyat. Memasuki fasa pembangunan baharu, Selangor memperkenalkan pendekatan berasaskan enam misi di bawah RS–2 untuk memastikan setiap inisiatif pembangunan memberi impak yang jelas dan berkekalan kepada negeri dan rakyat.

Pendekatan ini mengubah cara pelaksanaan pembangunan, daripada pelaksanaan berasingan mengikut sektor kepada gerakan bersama yang menyatukan semua pihak di bawah matlamat yang sama. Setiap misi dirangka untuk memenuhi keperluan sebenar negeri, memperkukuh kekuatan sedia ada, dan membuka peluang baharu dalam bidang ekonomi, sosial, kelestarian dan tadbir urus.

Melalui pendekatan ini, RS–2 memastikan pembangunan Selangor bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi, tetapi juga meningkatkan kualiti hidup rakyat, memperkukuh daya tahan negeri dan memastikan kemajuan dapat dikongsi secara menyeluruh.

Pendekatan berasaskan enam misi memastikan setiap usaha pembangunan Selangor bergerak secara bersepadu untuk menghasilkan impak yang nyata kepada rakyat.



Enam Misi RS–2

Misi 1: Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor

Mencipta peluang pekerjaan berkualiti dan menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih berdaya tahan.

Misi 2: Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah

Memperluas akses kepada peluang ekonomi dan meningkatkan keseimbangan pembangunan antara daerah.

Misi 3: Negeri Penyayang dan Berdaya Huni

Meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mewujudkan persekitaran yang lebih selesa, selamat dan menyokong kesejahteraan keluarga.

Misi 4: Modal Insan Produktif dan Inklusif

Memperluas peluang mobiliti sosial dan ekonomi serta memperkukuh penyertaan tenaga kerja secara menyeluruh.

Misi 5: Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik

Memastikan persekitaran yang lebih selamat, sihat dan mampan untuk kesejahteraan jangka panjang rakyat.

Misi 6: Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta mewujudkan persekitaran yang lebih telus, responsif dan mesra perniagaan.

Kerangka RS-2: Dua Puluh Inisiatif Utama

Kekuatan sebuah pelan pembangunan terletak pada keupayaannya untuk diterjemahkan kepada tindakan yang memberi kesan langsung kepada rakyat.

RS-2 memperkenalkan rangka pelaksanaan bersepadu yang menyelaras peranan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, syarikat milik kerajaan dan sektor swasta. Melalui pendekatan ini, setiap inisiatif dilaksanakan secara tersusun, dipantau secara berterusan, dan diselaraskan dengan keutamaan pembangunan negeri. Pendekatan ini memastikan sumber digunakan secara optimum dan setiap inisiatif memberikan nilai yang bermakna kepada rakyat.

Bagi memastikan pelaksanaan RS-2 lebih berfokus dan berimpak tinggi, sebanyak 20 inisiatif utama telah dikenal pasti dan distrukturkan kepada tiga kategori iaitu Pemacu Perubahan *(Game Changers)*, Pemangkin *(Catalysts)*, dan Pengupaya *(Enablers)*.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan pelaburan dan peluang pekerjaan, tetapi juga memperkukuh infrastruktur, memperkasa komuniti dan menyokong pembangunan daerah secara seimbang.

Dua Puluh Inisiatif Utama RS-2

Pemacu Perubahan *(Game Changers)*

5 Inisiatif Utama yang memperkukuh pertumbuhan komersial dan ekonomi

- IC Design Park Cyberjaya (Fasa 2)
- Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis
- Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)
- Sabak Bernam Development Area (SABDA)
- Pelabuhan Carey & Carey Selangor

Pemangkin *(Catalysts)*

7 Inisiatif Utama yang mewujudkan impak sosial dan alam sekitar

- Rumah Mampu Milik
- *Skim Smart Sewa to Ownership (2STAY)*
- Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah
- Iltizam Selangor Sihat dan Inisiatif Rawatan
- Projek Infrastruktur Banjir
- Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga
- Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway

Pengupaya *(Enablers)*

8 Inisiatif Utama yang membina asas kepada Pemacu Perubahan dan Pemangkin

- Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (Selangor Kerjaya)
- Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan
- Pembangunan Bakat bagi Industri Berimpak Tinggi
- Platform Selangor (Pendigitalan Usahawan)
- Program Selangor Tech Xccelerator
- Penerimaan dan Pecutan AI
- Selangor Greater Klang Valley (SGKV)
- Reformasi Sistem Penyampaian & Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU)

Kerangka RS-2: Sasaran & Petunjuk Makro

Melalui RS-2, negeri ini menetapkan hala tuju yang jelas untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh, kesejahteraan rakyat terus meningkat, dan alam sekitar terus terpelihara.

Menjelang tahun 2030, Selangor beraspirasi untuk kekal sebagai peneraju ekonomi Malaysia, sambil memastikan kemajuan yang dicapai membawa manfaat yang nyata kepada kehidupan rakyat. Pembangunan negeri akan terus berpaksikan inovasi, bakat tempatan dan pelaburan strategik, membolehkan Selangor berkembang sebagai ekonomi bernilai tinggi yang berdaya tahan dan inklusif.

Pada masa yang sama, RS-2 memberi tumpuan kepada perkara yang paling penting, iaitu kesejahteraan rakyat. Setiap peluang pekerjaan yang diwujudkan, infrastruktur yang dibina dan dasar yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memperkukuh komuniti di seluruh negeri.

Petunjuk Makro	Sasaran
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	**6.1%** (2026-2030)
Pelaburan Diluluskan	**RM330 bilion** (kumulatif untuk 5 tahun)
Kadar Pengangguran	**2.2%** (Menjelang 2030)
Nisbah Pertumbuhan KDNK Antara Daerah	**1:2** (Menjelang 2030)

Petunjuk Makro	Sasaran
Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) Negeri Selangor	**120** (Menjelang 2030)
Pendapatan Median	**RM14,500** (Menjelang 2030)
Pewartaan Tanah Hutan Simpan	**31% Tanah Negeri** (Menjelang 2030)
Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Selangor	**Pengurangan 35%** (Berdasarkan KDNK negeri berbanding tahun asas 2005 menjelang 2035)
Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)	Semua PBT menyasarkan skor **95%** (Menjelang 2030)
Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital *End-to-End*	**85%** (Menjelang 2030)



Kesimpulan

Kejayaan RS-2 bergantung kepada usaha kerajaan, industri, komuniti dan rakyat, yang mana setiap pihak memainkan peranan penting dalam memastikan aspirasi negeri dapat direalisasikan.

Dengan asas ekonomi yang stabil, keupayaan institusi yang mantap dan sokongan rakyat yang berterusan, Selangor bersedia melangkah ke fasa pembangunan seterusnya dengan penuh keyakinan, memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju ekonomi negara serta memastikan peluang dan kesejahteraan terus dinikmati oleh semua.

RS-2 bukan sekadar pelan pembangunan. Ia adalah komitmen bersama dan langkah seterusnya dalam perjalanan Selangor sebagai negeri model ASEAN yang mengutamakan pertumbuhan saksama dan kualiti hidup untuk semua.







Bab 01

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 Dalam Tinjauan

1
Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 Dalam Tinjauan

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021–2025 menandakan langkah penting apabila Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia yang memperkenalkan pelan pembangunan lima tahun yang komprehensif di peringkat negeri.

RS-1 telah menetapkan visi untuk menjadikan Selangor sebuah Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur menjelang tahun 2025:

Pintar
Memperkasa rakyat, sektor awam dan swasta melalui penggunaan teknologi digital yang optimum dalam kehidupan seharian.

Berdaya Huni
Pertumbuhan ekonomi tinggi untuk memacu pembangunan inklusif, pembangunan masyarakat berkeupayaan, berpencerahan dan berintegriti; dan pembangunan lestari melalui penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Makmur
Hasil yang mampan dan saksama merentas negeri dan daerah; mempunyai komuniti yang terpelajar dan majmuk; kehidupan yang sejahtera serta mencukupi.



1.1
Kerangka RS-1

RS-1 dirangka dengan 4 Tema Strategik sebagai teras pencapaian visinya:

Tema Strategik 1: Ekonomi

Pengukuhan Ekonomi

Mengukuhkan lagi status sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia dan di rantau Asia.

Tema Strategik 2: Sosial

Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan secara seimbang dan inklusif.

Tema Strategik 3: Kelestarian

Pemacuan Kelestarian

Menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

Tema Strategik 4: Tadbir Urus

Tadbir Urus S.M.A.R.T dan Berkesan

Kerajaan moden, berwawasan dan berjiwa rakyat untuk memudah cara pembangunan.




1.2
Impak Keseluruhan RS-1

Sepanjang tahun 2021 sehingga 2024, Pelaksanaan Projek, Program dan Inisiatif (PPI) RS-1 telah menjana impak KDNK sebanyak RM15 bilion, sekali gus mewujudkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan Selangor.

RS-1 telah membuktikan bahawa dengan perancangan yang holistik dan pelaksanaan yang berdisiplin mampu menghasilkan impak yang nyata kepada ekonomi dan kehidupan rakyat Selangor.


Rajah 1 : Impak KDNK daripada PPI RS-1, 2021–2024
RM bilion



Sumber: RS-1, SIAP, Belanjawan 2025

Dalam tempoh 2021 hingga 2024, perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri melalui 144 PPI RS-1 berkaitan pembangunan ekonomi telah menjana impak tambahan kepada KDNK sebanyak RM15 bilion, sekali gus mendorong KDNK sebenar Selangor mencecah RM432.1 bilion menjelang 2024, melampaui unjuran senario biasa sebanyak RM414.4 bilion. Peruntukan pembangunan sebanyak RM5.8 bilion telah memudahcara pelaburan tambahan bernilai RM7.6 bilion daripada GLC, badan berkanun dan sektor swasta, menghasilkan gandaan 2.6 kali ke atas perbelanjaan awal negeri.

Rajah 2 : Perbelanjaan dan Pelaburan Dipermudahkan oleh Kerajaan untuk RS-1, 2021–Apr 2025
RM bilion



Sumber: RS-1, SIAP, Belanjawan 2025

Impak RS-1 turut dirasai secara meluas merentas pelbagai lapisan ekonomi. Sumbangan langsung sebanyak RM5.6 bilion telah mencetuskan kesan tidak langsung sebanyak RM4.9 bilion melalui aktiviti rantaian bekalan, dan kesan teraruh RM4.5 bilion hasil perbelanjaan mereka yang terlibat dalam fasa pembangunan. Hal ini memperlihatkan bagaimana pelaburan awam yang tepat sasaran boleh menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih luas dan berkekalan.

Pencapaian ini menjadi landasan kukuh kepada RS-2, membawa bersama keyakinan dan momentum untuk meneruskan perjalanan Selangor menuju sebuah negeri yang lebih makmur, inklusif dan berdaya tahan untuk semua.



1.2.1
Penilaian RS-1: Tema Strategik 1 (Ekonomi)

RS-1 telah memperkukuh kedudukan Selangor sebagai enjin ekonomi utama negara melalui pelaksanaan projek pemangkin, pelaburan dalam sektor strategik bernilai tinggi dan pembangunan ekosistem ekonomi yang lebih dinamik merentas daerah. Pendekatan ini berjaya merangsang pertumbuhan dan memperluas peluang, dengan KDNK negeri mencatatkan pertumbuhan purata 7.9% setahun antara 2021–2024, melampaui sasaran awal 6.5–7.0%, sambil menyokong pekerjaan kepada 3.85 juta rakyat Selangor.

Pelaksanaan PPI di bawah RS-1 turut menyumbang impak ekonomi yang ketara, dengan pelaburan diluluskan mencapai RM65.8 bilion, jauh melampaui sasaran RM23-35 bilion, mencerminkan keyakinan pelabur domestik dan antarabangsa terhadap ekosistem pelaburan Selangor yang terus matang dan berdaya saing.

Walaupun sasaran penembusan jalur lebar tetap 70% tidak dicapai sepenuhnya dengan kadar 64.1% menjelang S4 2025, ini bukan mencerminkan kekurangan akses. Sebaliknya, ia didorong oleh perkembangan pesat teknologi mudah alih yang telah menjadi pilihan utama ketersambungan rakyat.

Realiti ini menjadi pengajaran penting bagi RS-2 untuk merangka strategi ketersambungan yang lebih adaptif dan selari dengan evolusi teknologi serta keperluan semasa rakyat

Kad Laporan RS-1: Ekonomi

Petunjuk Makro	Sasaran RS-1	Pencapaian Terkini
Pertumbuhan KDNK	**6.5–7.0%**	**7.5%** (Purata 2021-2025)
Nilai Pelaburan Diluluskan Dalam Sektor Keutamaan dan Berkompleksiti Tinggi	**RM23–35 bilion**	**RM65.8 bilion** (Purata 2021-2025)
Guna Tenaga	**3.5–3.8 juta orang**	**3.85 juta orang** (2025)
Penembusan Jalur Lebar Tetap	**70%**	**64.1%** (S4 2025)

- Mencapai sasaran atau hampir mencapai sasaran
- Menuju ke arah yang betul, sasaran memerlukan perhatian lanjut
- Memerlukan penambahbaikan

Ringkasan Pencapaian Utama RS–1: Ekonomi

Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis

RM2.3B
GDV

3,000
pekerjaan dicipta

Zon perindustrian aeroangkasa bertaraf antarabangsa seluas 600 ekar, dibangunkan bersama MAHB dan MBI dalam kawasan KLIA Aeropolis, berhasrat menarik pemain industri global terkemuka merentas rantaian nilai aeroangkasa. Pembangunan infrastruktur seluas 200 ekar dijangka siap menjelang tahun 2027, dan baki 345 ekar seterusnya akan dibangunkan secara berfasa, tertakluk kepada kepada permintaan pasaran.

Integrated Development Region in South Selangor (IDRISS)

9
projek sedang dilaksanakan

IDRISS merupakan inisiatif peneraju negeri yang disokong oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memacu transformasi wilayah dan menarik pelaburan berimpak tinggi merentas 7 sektor utama. Dengan Invest Selangor sebagai sekretariat rasmi, IDRISS berhasrat mewujudkan ekosistem yang bersedia untuk masa depan, diperkukuh oleh infrastruktur yang mantap, bakat berkemahiran dan penyertaan strategik sektor swasta, selaras dengan agenda pembangunan Rancangan Selangor.

Sabak Bernam Development Area (SABDA)

RM1.9B
pelaburan dipangkin

3,600
pekerjaan berkemahiran tinggi

Inisiatif pembangunan ekonomi negeri untuk merealisasikan potensi penuh Sabak Bernam sebagai jelapang makanan Selangor, merangkumi pertanian moden, perikanan berteknologi tinggi, pelancongan agro dan pembangunan infrastruktur pesisir melalui enam projek pembangunan utama seluas 1,317 hektar.

Zon Pembangunan Ekonomi – Selangor Maritime Gateway (ZPE-SMG)

69,090 ekar
kawasan pelan induk

56km
Koridor Sungai klang

Koridor pelaburan pertama di Malaysia yang mengiktiraf sungai sebagai penjana ekonomi, berhasrat menjadikan Klang sebagai Eco Smart City melalui pembersihan sungai, pemulihan ekologi dan pembangunan ekonomi berasaskan maritim sepanjang koridor Sungai Klang. Dua projek pembangunan guna campuran sedang dilaksanakan di Shah Alam dan Klang, dengan Fasa 1 bermula pada 2025.

Carey Selangor

RM28B
anggaran kos pembangunan

30 juta TEU
kapasiti pengendalian kontena tahunan

Pelabuhan mega ketiga Malaysia di Pulau Carey, Kuala Langat, yang terletak di bersebelahan Westport dan Northport telah diluluskan oleh Kabinet pada Mac 2026 dan diiktiraf sebagai projek utama dalam dokumen RMK-13. Bagi menyokong pelabuhan ketiga tersebut, PNSB dan syarikat konglomerat akan membangunkan pembangunan industri bersepadu di mana SD Guthrie, IJM Corp Berhad dan Yayasan Selangor telah menandatangani MoU.

Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)

RM2.94B
nilai pembangunan

45,000
kapasiti tempat duduk stadium

Pembangunan semula Stadium Shah Alam yang ikonik menjadi kompleks sukan, komuniti dan komersial bertaraf dunia seluas 310,000 meter persegi, dianugerahkan kepada MRCB dan dijangka siap menjelang 2029.

Sumber:
Pertumbuhan KDNK: DOSM 2026, KDNK mengikut Negeri 2021–2025
Nilai Pelaburan Diluluskan Dalam Sektor Keutamaan dan Berkompleksiti Tinggi: MIDA 2026, Nilai Pelaburan Diluluskan di Selangor (2021–2025)
Guna Tenaga: DOSM 2025, Statistik Utama Tenaga Buruh 2021–2025 (Purata)
Penembusan Jalur Lebar Tetap: MCMC 2026, Komunikasi dan Multimedia: Fakta dan Angka Terpilih

1.2.2
Penilaian RS-1: Tema Strategik 2 (Sosial)

RS-1 telah memperkukuh kesejahteraan rakyat melalui pendekatan inklusif yang menumpukan kepada peningkatan pendapatan, perlindungan sosial dan akses kepada perkhidmatan asas. Sepanjang tempoh pelaksanaan, pendapatan median isi rumah mencapai RM10,726 sebulan pada 2024 telah menjadikan Selangor negeri ketiga tertinggi di Malaysia selepas Putrajaya dan Kuala Lumpur. Sementara itu, kadar kemiskinan relatif juga telah berjaya dikurangkan kepada 8.5%, mencerminkan keberkesanan program sokongan yang bersasar kepada golongan B40, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Walaupun sasaran kemiskinan mutlak masih memerlukan perhatian berterusan, dengan kadar kemiskinan mutlak pada 0.9% berbanding sasaran 0.7%, berjaya meletakkan Selangor sebagai negeri yang memastikan tiada isi rumah jatuh di bawah paras kemiskinan mutlak nasional. Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mencatatkan prestasi 7.21 pada 2024, namun aspek aktiviti budaya, pendapatan dan kesejahteraan emosi masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan di bawah RS-2.

Kad Laporan RS-1: Sosial

Petunjuk Makro	Sasaran RS-1	Pencapaian Terkini
Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan	**RM9,290**	**RM10,726** (2024)
Kadar Kemiskinan Mutlak	**0.7%**	**0.9%** (2024)
Kadar Kemiskinan Relatif	**11.0%**	**8.5%** (2024)
Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor)	**7.00**	**7.21** (2024)

- Mencapai sasaran atau hampir mencapai sasaran
- Menuju ke arah yang betul, sasaran memerlukan perhatian lanjut
- Memerlukan penambahbaikan

Ringkasan Pencapaian Utama RS-1: Sosial

Iltizam Selangor Penyayang (ISP)

RM350 juta peruntukan program kebajikan

46 program kebajikan dan bantuan

Program payung kebajikan sosial menyeluruh Kerajaan Negeri Selangor merangkumi 46 program bantuan kewangan, perkhidmatan kesihatan, sokongan pendidikan dan bantuan kos sara hidup yang menyentuh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan umur.

BINGKAS

~28,000

penerima bantuan kewangan

Iltizam Selangor Sihat

517

penerima perkhidmatan kesihatan

Skim Air Darul Ehsan

~370,000

penerima subsidi air

Saring Selangor

~2,400

saringan kesihatan dijalankan

Jelajah Ehsan Rahmah Madani

~380,000

penerima pelbagai bantuan

Iltizam Mahasiswa Selangor

3,000

penerima sokongan pendidikan

Shah Alam Contemporary and Modern Arts (SAMA)

Galeri seni kontemporari dan moden baharu Shah Alam yang dibangunkan dalam bangunan lama Bank Negara Malaysia, berhasrat menjadikan Shah Alam hab seni kreatif dan destinasi pelancongan budaya baharu di Selangor. Konseptualisasi SAMA telah disiapkan semasa Kajian Separuh Penggal RS-1 dan kini dalam proses kelulusan. Bagi memperkukuh peranannya, SAMA berpotensi dihubungkan dengan laluan budaya Shah Alam–Klang–Petaling Jaya melalui acara seni, festival kreatif dan pakej pelancongan budaya yang lebih tersusun.

Platform Pekerjaan Tenaga Kerja Warga Emas Selangor

Platform pemadanan pekerjaan khusus untuk warga emas Selangor, berhasrat menyepadukan semula mereka ke dalam pasaran tenaga kerja melalui peluang pekerjaan sambilan dan anjal. Semasa Kajian Separuh Penggal, inisiatif ini masih berada di peringkat perancangan konsep dengan program penyelidikan melalui Kolokium Kebajikan dan program penandaarasan, dijangka melancarkan program perintis pada 2025.

Sumber:
Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan: DOSM 2025, Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024
Kadar Kemiskinan Mutlak: DOSM 2025, Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024
Kadar Kemiskinan Relatif: DOSM 2025, Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2024
Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor): DOSM 2025, Laporan Indeks Kebahagiaan Malaysia (MHI) 2024



1.2.3
Penilaian RS-1: Tema Strategik 3 (Kelestarian)

RS-1 telah mengarusperdanakan kelestarian sebagai komponen penting dalam pembangunan negeri, dengan penekanan kepada pengurusan sumber, perlindungan alam sekitar dan daya tahan terhadap perubahan iklim. Litupan hutan simpan kekal berjaya dikekalkan pada 31.7%, melampaui sasaran 31%, manakala ketersediaan air bersih 24 jam turut dicapai sejajar sasaran, mencerminkan komitmen berterusan negeri terhadap pemuliharaan warisan ekologi serta pengurusan sumber yang cekap.

Namun, kadar kitar semula pada 7.7% menuntut usaha lebih mantap ke arah ekonomi kitaran. Purata tahunan PM2.5 pada 21.56 µg/m^3 melebihi sasaran 15 µg/m^3, sebahagian besarnya dipengaruhi faktor luaran seperti jerebu rentas sempadan serta peningkatan aktiviti perindustrian dan kepadatan trafik yang seiring dengan pertumbuhan pesat perbandaran di Selangor.

Walaupun cabaran berterusan dalam pengurusan rebakan bandar dan perubahan iklim, RS-1 telah berjaya meletakkan asas penting untuk fasa kelestarian seterusnya demi memastikan Selangor kekal teguh dalam melindungi aset alam sekitar, menjunjung ekuiti sosial dan memacu daya saing ekonomi melalui inovasi yang berpaksikan kelestarian.

Kad Laporan RS-1: Kelestarian

Petunjuk Makro	Sasaran RS-1	Pencapaian Terkini
Tahap Purata Tahunan Kualiti Udara PM2.5 (µg/m^3)	15 µg/m^3	21.56 µg/m^3 (Purata 2023-2024)
Ketersediaan Air Bersih Setiap Hari	24 jam	24 jam (2025)
Kadar Kitar Semula Sisa	15%	7.7% (Purata 2021-2025)
Litupan Hutan Simpan Kekal	31%	31.7% (2023)

- Mencapai sasaran atau hampir mencapai sasaran
- Menuju ke arah yang betul, sasaran memerlukan perhatian lanjut
- Memerlukan penambahbaikan

Ringkasan Pencapaian Utama RS-1: Kelestarian

Selangor Maritime Gateway (SMG)

900,000 m³
sisa dikeluarkan dari Sungai Klang

+18%
peningkatan kapasiti sungai

Projek pemulihan dan pembangunan semula Sungai Klang sepanjang 56 km yang mentransformasi sungai paling tercemar di Malaysia kepada zon ekonomi maritim baharu yang mampan, dengan kualiti air sungai meningkat daripada Kelas V kepada Kelas III dan kemunculan semula hidupan liar termasuk buaya sebagai petanda ekosistem yang pulih.

Pulau Indah Power Plant (PIPP)

3.35B
kos pembangunan

1,200 MW
kapasiti penjanaan tenaga

Loji kuasa kitaran bergabung gas asli (CCGT) di Pulau Indah, Klang, kini beroperasi sepenuhnya sejak September 2025, membekalkan tenaga yang lebih bersih dan cekap kepada grid nasional dengan kapasiti mampu mencukupi keperluan elektrik kira-kira 2.5 juta rumah.

Skim Bekalan Air Sungai Rasau

700 MLD
kapasiti rawatan air harian

8.4 juta
pengguna yang dilindungi

Projek Kemudahan Simpanan Luar Sungai (ORS) terbesar di Malaysia, mengenal pasti sumber air baharu bagi mengurangkan pergantungan kepada Skim Bekalan Air Sungai Selangor sambil turut berfungsi sebagai sistem mitigasi banjir.

Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan Loji Rawatan Sisa-ke-Tenaga (WTE)

4,700 tan
sisa diproses sehari

90 MW
tenaga dijana menjelang 2026

Kemudahan pengurusan sisa pepejal bersepadu terbesar di Malaysia, dibangunkan oleh Worldwide Holdings Berhad di tapak pelupusan Jeram dan Tanjung Dua Belas, Kuala Langat, menggabungkan teknologi WTE, loji kompos, Kemudahan Pemulihan Material dan pusat R&D.

Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) Selangor

95%
pengurangan penutupan loji rawatan

9.62 juta
pengguna dilindungi

Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan operasi berterusan loji rawatan air utama walaupun ketika berlaku pencemaran sumber air mentah, menggunakan sumber air alternatif dari HORAS 600 dan Kolam Hang Tuah yang disalurkan terus ke loji rawatan air bagi mengelak sumber sungai yang tercemar.

Pembangunan Inventori GHG dan Pembinaan Kapasiti Bandar Rendah Karbon untuk Setiap Pihak Berkuasa Tempatan

Inisiatif pembinaan kapasiti iklim untuk memastikan setiap PBT di Selangor mempunyai kerangka pelaporan dan pengiraan GHG yang kukuh bagi membolehkan penjejakan pelepasan yang tepat dan menyokong perancangan sifar bersih (*net zero*) menjelang 2050, selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan agenda bandar rendah karbon Malaysia. Negeri akan memulakan inventori GHG pada 2026.

Sumber:
Tahap Purata Tahunan Kualiti Udara PM2.5 (μg/m³): DOSM 2025, Kompendium Perangkaan Alam Sekitar
Litupan Hutan Simpan Kekal: DOSM 2025, Kompendium Perangkaan Alam Sekitar

1.2.4
Penilaian RS-1: Tema Strategik 4 (Tadbir Urus)

RS-1 telah memperkukuh kecekapan tadbir urus melalui pendekatan bersepadu yang menekankan digitalisasi, penyelarasan institusi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif kepada rakyat. Sepanjang tempoh pelaksanaan, 4 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan mencapai skor STAR melebihi 95% dengan tahap kepuasan rakyat pada 94.21%, manakala perkhidmatan kerajaan digital hanya mencapai 33.77%, masih jauh daripada sasaran 85%.

Walaupun kemajuan Pemacu Perubahan pada 67.87% menunjukkan bahawa usaha berterusan masih diperlukan, asas yang dibina di bawah RS-1 menyediakan landasan yang kukuh untuk transformasi tadbir urus yang lebih menyeluruh di bawah RS-2.

Kad Laporan RS-1: Tadbir Urus

Petunjuk Makro	Sasaran RS-1	Pencapaian Terkini
Kemajuan Projek Pemacu Perubahan RS-1	**100%**	**67.87%** (2025)
Penarafan Sistem Bintang PBT (SPB-PBT ≥95%)	**Semua 12 PBT mencapai skor ≥95%**	**4 PBT** mencapai sasaran (2024)
Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital *End-to-End*	**85%**	**33.77%** (2025)
Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Perkhidmatan PBT	**85%**	**94.21%** (2024)

- Mencapai sasaran atau hampir mencapai sasaran
- Menuju ke arah yang betul, sasaran memerlukan perhatian lanjut
- Memerlukan penambahbaikan

Ringkasan Pencapaian Utama RS-1: Tadbir Urus

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat (RMC)

Unit Pentadbiran BKP telah dilantik sebagai penyelaras Pelan Pengurusan Risiko di PSUKSEL, memusatkan perancangan, analisis dan kerjasama dalam menangani risiko merentas semua jabatan dan agensi negeri secara terselaras dan berakauntabiliti.

Penubuhan Intelligence Analytics Unit (IAU)

Pembangunan konsep, terma rujukan, garis masa dan struktur organisasi sedang berjalan, memanfaatkan data raya untuk memaklumkan keputusan dan tindakan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Selangor Government Data Exchange (SelGDX)

Platform perkongsian data raya bersepadu pertama negeri di Malaysia yang membolehkan perkongsian, capaian dan pemprosesan data yang selamat, pantas dan tepat merentas lebih 70 agensi kerajaan negeri melalui lebih 30 API, tanpa keperluan pendaftaran atau kebenaran jabatan.

Public–Private–Civil Partnership (PPCP)

Sembilan persatuan kebajikan dan NGO telah menyertai program kerjasama berasaskan kebajikan bersama Kerajaan Negeri.

Sumber:
Penarafan Sistem Bintang PBT (SPB–PBT ≥95%): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2025



1.3
Dapatan Utama RS-1

Pelaksanaan RS-1 menunjukkan bahawa Selangor mempunyai keupayaan institusi dan kerangka dasar yang kukuh untuk mengekalkan prestasi dalam persekitaran global yang sentiasa berubah.

Berdasarkan daripada asas yang terbina ini, penyediaan RS-2 telah dijalankan dengan proses libat urus yang menyeluruh bagi mengambil kira maklum balas daripada pemegang taruh dari sektor awam, swasta dan pihak NGO berkepentingan. Sepanjang tempoh penyediaan RS-2, lebih 1,000 pemegang taruh telah terlibat dalam 113 sesi perundingan yang merangkumi 171 organisasi.

Pendekatan inklusif ini telah memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keupayaan dan potensi sedia ada, di samping mengenal pasti peluang penambahbaikan serta aspek struktur yang boleh diperkasakan secara strategik.

Dapatan dan maklum balas yang diperoleh seterusnya menjadi asas penting dalam perumusan RS-2 sebagai fasa pembangunan seterusnya. RS-2 dibangunkan sebagai kesinambungan yang memperkukuh, memperhalusi dan memperdalam asas pembangunan yang telah dibina, selaras dengan aspirasi pembangunan negeri yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Prestasi yang konsisten membina keyakinan; kesinambungan dasar memperkukuh pertumbuhan jangka panjang.

1.3.1
Dapatan Utama RS-1: Ekonomi – Keperluan Penjajaran Struktur untuk Pertumbuhan Jangka Panjang

Sepanjang tempoh pelaksanaan RS-1, Selangor telah membuktikan keupayaannya sebagai peneraju ekonomi negara, namun pelaksanaannya juga mendedahkan jurang dan cabaran yang memerlukan pendekatan yang lebih fokus dan bersepadu. Dapatan ini mencerminkan kematangan sistem perancangan negeri yang sentiasa menilai, menyesuaikan dan menambah baik mencerminkan kematangan sistem perancangan negeri yang sentiasa menilai, menyesuaikan dan menambah baik untuk menjadi asas kepada pendekatan yang lebih berkesan di bawah RS-2.

1. Infrastruktur Strategik Sebagai Pemacu Ekonomi Selangor

Ekonomi Selangor terus diperkukuh oleh pelaburan domestik dan asing (DDI/FDI), serta kemajuan sektor keutamaan di bawah RS-1. Kejayaan ini membuktikan kepentingan pembangunan infrastruktur awam yang berterusan bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. **Oleh itu, RS-2 akan memberi tumpuan kepada sektor ekonomi yang berimpak tinggi melalui sistem pengangkutan bersepadu seperti LRT3, ECRL, dan Lapangan Terbang Subang bagi memastikan jaringan perhubungan yang lebih cekap.**

2. Ketersambungan dan Bakat sebagai Pemangkin Industri

Bagi mengoptimumkan perbelanjaan negeri, penyatuan sumber penyambungan digital perlu dilaksanakan bagi menggantikan kaedah pembayaran berasingan sedia ada seperti melalui platform SelGNET. Selain itu, kekurangan infrastruktur jalan raya dan tenaga kerja mahir dikenal pasti sebagai cabaran utama di kawasan perindustrian. **Justeru, RS-2 akan menumpukan usaha menambah baik akses pengangkutan antara daerah serta melahirkan lebih ramai bakat tempatan dalam sektor bernilai tinggi.**

3. Pembangunan Ekonomi Daerah Berasaskan Potensi Tempatan

Potensi ekonomi daerah dalam sektor perusahaan mikro dan pelancongan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Usahawan mikro memerlukan sokongan dari segi ruang niaga, utiliti, dan bimbingan yang lebih mantap. Selain itu, aset pelancongan seperti warisan dan eko-pelancongan perlu ditambah baik dari segi infrastruktur dan promosi agar lebih berdaya saing. **Melalui RS-2, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan identiti yang unik untuk setiap daerah bagi menjana hasil yang lebih bersasar.**

4. Memperkukuh Kesalinghubungan dan Tadbir Urus Antara Daerah

Pembangunan daerah memerlukan infrastruktur dan pengangkutan yang lebih menyeluruh. Kawasan ekonomi IDRISS memerlukan penambahbaikan jalan raya dan infrastruktur digital, manakala SABDA memerlukan akses pengangkutan yang lebih baik bagi menyokong pergerakan tenaga kerja dan logistik. **Oleh itu, RS-2 akan meningkatkan kesalinghubungan antara daerah serta mengkaji semula struktur tadbir urus bagi memastikan pengurusan kluster ekonomi yang lebih efisien.**

Secara keseluruhan, dapatan dari Tema Strategik 1 (Ekonomi) menunjukkan keperluan untuk beralih daripada pendekatan yang bersifat umum kepada intervensi yang lebih bersasar, bersepadu dan berimpak tinggi, bagi memastikan pertumbuhan Selangor bukan sahaja kukuh dari segi angka, malah benar-benar dirasai oleh rakyat dan komuniti pelabur di setiap daerah.


TOP 10 IN ASIA
KLINIK DR.KO

1.3.2
Dapatan Utama RS-1: Sosial – Peralihan Demografi dan Penambahbaikan Sistem Sokongan

Pelaksanaan RS-1 mendedahkan bahawa keperluan sosial rakyat Selangor lebih luas dan lebih rencam daripada yang dapat ditangani melalui pendekatan seragam. Walaupun pelbagai program sokongan telah memberi manfaat kepada ratusan ribu penerima, terdapat jurang yang ketara dalam penyelarasan kemahiran, perlindungan sosial bersasar dan infrastruktur komuniti. Jurang yang nyata ini kini menjadi asas kepada pendekatan sosial yang lebih menyeluruh dan inklusif di bawah RS-2.

1. Bekalan kemahiran yang tidak selari dengan keperluan industri

Pengangguran berkaitan kemahiran, ketidakpadanan kemahiran dan penghijrahan belia menunjukkan bahawa program TVET dan latihan sedia ada belum sepenuhnya memenuhi permintaan industri semasa. **RS-2 akan mengukuhkan hubungan TVET-industri, menyelaraskan latihan dengan keperluan pasaran dan membangunkan pelan peningkatan kemahiran yang lebih berstruktur.**

---

2. Keperluan sosial, terutama bagi kumpulan sasar, belum ditangani secara menyeluruh

Keperluan budaya dan warisan, penyelarasan pendidikan dengan permintaan masa depan, serta peningkatan kemahiran bagi wanita dan belia masih memerlukan perhatian yang lebih bersasar. **RS-2 akan menjadikan budaya dan warisan sebagai bidang fokus, menyelaraskan pendidikan dengan permintaan masa depan dan memperluas peningkatan kemahiran bersasar untuk wanita dan belia.**

---

3. Infrastruktur sosial yang perlu seiring dengan pembangunan fizikal

Isu keselamatan awam, anjing liar, kekurangan infrastruktur rekreasi inklusif untuk OKU dan jurang literasi digital dalam kalangan penjawat awam dan penduduk menunjukkan bahawa infrastruktur sosial perlu seiring dengan pembangunan fizikal. **RS-2 akan menyematkan pelan keselamatan dalam projek peringkat komuniti dan memperluas program literasi digital untuk penjawat awam dan ahli komuniti.**

4. Bantuan tunai dan bantuan semasa perlu beralih kepada dasar berasaskan kitaran hidup

Pendekatan bantuan tunai umum perlu berevolusi kepada sokongan yang lebih progresif dan bersasar, merangkumi perumahan mampu milik, perkhidmatan kesihatan mental, hab budaya komuniti dan saringan kesihatan mampu milik. **RS-2 akan menubuhkan skim sokongan berasaskan kitaran hidup, infrastruktur penjagaan yang menyeluruh, perkhidmatan kesihatan mental dan saringan, serta memperluas perumahan mampu milik dan ruang seni inklusif.**

---

5. Pertumbuhan gaji yang perlahan walaupun berkelayakan tinggi

Pelaburan dan kerjasama dalam industri bernilai tinggi dan pertumbuhan tinggi perlu dipertingkat bagi memacu pertumbuhan kerjaya yang lebih baik, terutama untuk graduan TVET dan profesional yang memerlukan peningkatan kemahiran. **RS-2 akan menumpukan kepada industri berimpak tinggi sebagai laluan kerjaya utama untuk graduan TVET.**

---

6. Peningkatan pekerja tidak formal, terutama dalam kalangan belia

Pemerkasaan pekerja tidak formal, termasuk wanita dan OKU, melalui pembangunan kapasiti dan advokasi dasar, serta pembangunan pelajar yang melampaui prestasi akademik, menunjukkan keperluan kepada pendekatan pembangunan bakat yang lebih menyeluruh. **RS-2 akan menubuhkan Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor untuk menyelaraskan usaha membangunkan asas bakat yang produktif dan inklusif.**

Secara keseluruhan, dapatan dari Tema Strategik 2 (Sosial) menunjukkan bahawa manfaat pembangunan perlu sampai kepada setiap lapisan masyarakat dan bukan sekadar melalui bantuan, tetapi melalui sistem sokongan yang membina keupayaan, melindungi maruah dan membuka peluang yang saksama untuk semua.



1.3.3
Dapatan Utama RS-1: Kelestarian – Infrastruktur Asas dan Pengukuhan Sistemik

RS-1 telah meletakkan asas penting dalam agenda kelestarian Selangor, namun pelaksanaannya mendedahkan jurang ketara dalam penyelarasan, penguatkuasaan dan pendekatan jangka panjang. Cabaran iklim, pengurusan sisa dan daya tahan banjir memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu, proaktif dan berakar di peringkat tempatan untuk menjadi panduan kepada strategi kelestarian yang lebih menyeluruh di bawah RS-2.

1. Daya tahan iklim yang memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu dan menyeluruh

Penyepaduan daya tahan iklim, infrastruktur air dan penguatkuasaan pembangunan mampan ke dalam perancangan masih memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh, dengan tindakan tempatan yang perlu diperkukuh secara lebih konsisten. **RS-2 akan menyertakan tindakan iklim dan perancangan daya tahan di peringkat negeri dan tempatan (PBT) secara serentak.**

---

2. Usaha tindakan iklim yang perlu diperluas dan diperkukuh di peringkat tempatan

Pelan Tindakan Iklim Selangor perlu di peringkat PBT, untuk memperkuat penyelesaian tempatan selaras dengan dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor 2024. **RS-2 akan melokalisasikan pelan tindakan iklim di peringkat PBT melalui pemerkasaan pengurusan melaui penubuhan unit khas.**

---

3. Risiko banjir dan pengurusan sisa yang memerlukan sistem yang lebih bersepadu

Banjir kekal sebagai cabaran merentas daerah akibat saliran yang memerlukan naik taraf, sistem yang perlu diselaraskan dan aliran balik pasang surut pesisir. **RS-2 akan menyepadukan data pengurusan banjir untuk amaran awal dan mitigasi, serta memperluas projek WTE dan kemudahan kitar semula bagi menambah baik pengurusan sisa.**

4. Keperluan untuk strategi daya tahan iklim jangka panjang yang lebih proaktif dan terancang

Penetapan sasaran dan pemantauan perlu mengambil kira garis masa, had pelaksanaan dan cabaran pelaporan yang lebih realistik. Keperluan kepada sumber hasil baharu yang inovatif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber berasaskan tanah turut menjadi keutamaan.

Secara keseluruhan, dapatan dari Tema Strategik 3 (Kelestarian) menunjukkan bahawa komitmen terhadap alam sekitar memerlukan lebih daripada sekadar inisiatif yang berasingan. Ia menuntut penyelarasan yang menyeluruh, penguatkuasaan yang konsisten dan pendekatan yang berakar kukuh di setiap peringkat pentadbiran. RS-2 bergerak ke hadapan dengan azam untuk memastikan kelestarian bukan lagi agenda sampingan, tetapi teras kepada setiap keputusan pembangunan Selangor.

1.3.4
Dapatan Utama RS-1: Tadbir Urus – Kecekapan Melalui Penyelarasan Sistem

RS-1 telah membuktikan bahawa kerajaan yang berkesan memerlukan lebih daripada sekadar dasar yang baik. Ia menuntut sistem penyelarasan yang kukuh, alatan digital yang bersepadu dan keupayaan tenaga kerja awam yang sentiasa dipertingkat. Dapatan daripada pelaksanaan RS-1 mendedahkan jurang dalam mekanisme pemantauan, penyelarasan antara agensi dan kepelbagaian hasil, jurang yang kini menjadi panduan kepada transformasi tadbir urus yang lebih menyeluruh di bawah RS-2.

1. Penyelarasan antara agensi yang memerlukan mekanisme pemantauan dan akauntabiliti yang lebih kukuh

Mekanisme pemantauan yang perlu dipertingkat untuk menjejaki kemajuan sektoral, keperluan penyelarasan yang lebih baik merentas agensi dan pentingnya sistem penyampaian yang bersepadu dan berakauntabiliti telah dikenal pasti sebagai bidang yang memerlukan perhatian segera. **RS-2 akan menubuhkan kerangka penjejakan berstruktur untuk memantau petunjuk prestasi dan mengukuhkan penyelarasan antara agensi dalam semua inisiatif RS-2.**

2. Alatan digital, latihan dan sistem yang memerlukan penyepaduan yang lebih menyeluruh

Latihan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan membolehkan penjawat awam memanfaatkan digitalisasi masih perlu diperkukuh, manakala penyatuan dan penyepaduan struktur tadbir urus perlu dipertingkat untuk meningkatkan penyelarasan antara entiti persekutuan dan negeri. **RS-2 akan memperluas inisiatif digitalisasi, menyepadukan sistem tadbir urus dan melaksanakan program latihan perkhidmatan awam yang lebih berstruktur.**

---

3. Keperluan untuk mempelbagaikan sumber hasil negeri

Pergantungan kepada sumber hasil berasaskan tanah mendedahkan had struktur fiskal yang memerlukan pendekatan baharu. **RS-2 akan mempelbagaikan sumber hasil negeri melalui pemanfaatan aset negeri dan GLC bagi membina asas kewangan yang lebih kukuh dan mampan.**

---

4. Kemajuan teknologi yang beralih ke arah kecerdasan buatan (AI)

Negeri sedang giat mengejar inisiatif untuk meningkatkan pengurusan dan perkongsian data, serta penggunaan dan pelancaran AI dalam pentadbiran awam sekali gus menandakan peralihan yang jelas ke arah tadbir urus yang lebih berasaskan data dan berdaya tindak. **RS-2 akan mempercepatkan penggunaan teknologi dalam Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.**

Secara keseluruhan, dapatan dari Tema Strategik 4 (Tadbir Urus) menunjukkan bahawa kerajaan yang berkesan memerlukan ekosistem yang menyeluruh, di mana penyelarasan, teknologi dan keupayaan tenaga kerja bergerak seiring. RS-2 bergerak ke hadapan dengan komitmen untuk memastikan setiap dasar yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap, telus dan memberi impak yang nyata kepada rakyat dan pelabur Selangor.

1.4
Kesimpulan Dapatan Utama RS-1



Tema Strategik 1 (Ekonomi)
Pertumbuhan perlu diperkukuh melalui keseimbangan daerah dan peningkatan produktiviti.



Tema Strategik 2 (Sosial)
Sistem sosial perlu diperkukuh secara menyeluruh bagi memastikan kesejahteraan yang inklusif dan berkekalan.



Tema Strategik 3 (Kelestarian)
Kelestarian perlu diintegrasikan sebagai agenda teras pembangunan, merentas semua peringkat perancangan daripada negeri hingga ke PBT.



Tema Strategik 4 (Tadbir Urus)
Tadbir urus memerlukan penyepaduan institusi, pengukuhan keupayaan digital dan kepelbagaian sumber hasil untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan mampan.

Dengan asas yang telah dibina, Selangor kini bersedia memasuki fasa pembangunan seterusnya yang lebih tersusun, berdaya tahan dan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat.




SELANGOR

Bab 02

Landskap Semasa

2
Landskap Semasa

Di bawah RS-1, Selangor telah membina asas pembangunan yang kukuh merentasi empat tema strategik iaitu pengukuhan ekonomi, peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial, pemacuan kelestarian serta tadbir urus S.M.A.R.T dan berkesan. Pencapaian seperti pertumbuhan KDNK 7.5% CAGR, pendapatan median isi rumah yang melepasi sasaran, dan kepuasan penduduk hampir 95% membuktikan keupayaan negeri untuk merancang dan menyampaikan hasil. Namun, landskap semasa turut mendedahkan cabaran yang menuntut tindakan susulan, daripada produktiviti yang tidak sekata dan jurang antara daerah, kepada tekanan kos sara hidup, kekangan sumber asli dan jentera kerajaan yang perlu diperkemas.

Cabaran dalaman ini tidak wujud secara berasingan, malah ia berlaku dalam persekitaran global yang bergolak dan berubah dengan pantas. Bab ini juga mengimbas empat trend mega utama yang membentuk semula landskap dunia dan membawa implikasi langsung kepada Selangor: peralihan geopolitik dan dasar perlindungan, peralihan demografi dan kos sara hidup, perubahan iklim dan bencana alam, serta gangguan teknologi. Memahami trend ini penting bagi memastikan strategi RS-2 bukan sahaja menangani realiti dalaman, tetapi juga bersedia menghadapi tekanan dan peluang dari luar.


TEAM
Selangor

2.1
Ekonomi: Penjana Utama, Cabaran Baharu

RM460.1 bilion

KDNK Selangor pada 2025, menyumbang 26.5% kepada KDNK nasional


4.9% CAGR

Kadar pertumbuhan tahunan kompaun KDNK per kapita Selangor, 2015–2025

4.21 juta

Jumlah tenaga kerja Selangor pada S3 2025, mewakili 24% daripada tenaga kerja nasional


Rajah 3 : KDNK Sebenar, 2015–2025
RM Bilion



Sumber: DOSM

Selangor kekal sebagai penjana ekonomi terbesar Malaysia, dengan KDNK berjumlah RM460.1 bilion pada tahun 2025, jauh mengatasi negeri-negeri lain termasuk W.P. Kuala Lumpur (RM265.1 bilion) dan Johor (RM170.9 bilion). Kedudukan ini diperkukuh oleh struktur ekonomi yang matang dan seimbang: sektor Perkhidmatan menyumbang 60.8% kepada KDNK manakala sektor Pembuatan menyumbang 28.5%,masing-masing berkembang pada CAGR 5.5% dan 5.7% antara 2015 hingga 2025.

Rajah 4 : KDNK per Kapita di Selangor, 2015–2025
RM '000



Sumber: DOSM

Pada masa yang sama, pertumbuhan ini turut dipaparkan dalam KDNK per kapita Selangor. Ia menunjukkan peningkatan berterusan dari RM43.5 ribu kepada RM70.3 ribu antara tahun 2015 dan 2025, dengan kadar CAGR sebanyak 4.9%. Walaupun berlaku sedikit penurunan semasa pandemik, KDNK per kapita telah kembali pulih dengan peningkatan yang ketara bermula dari tahun 2021, sekali gus menyerlahkan daya tahan ekonomi negeri serta peranannya sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

2.1.1
Asas Penambahbaikan

Keperluan Menangani Produktiviti Rendah dalam Sektor Utama

Sektor Perkhidmatan yang menggaji 72% tenaga kerja hanya mencatatkan pertumbuhan produktiviti 2.2% CAGR (2015–2024), jauh di bawah purata negeri 2.6%. Kekangan tanah dengan hanya 6.33% tanah kosong untuk pembangunan menuntut penggunaan sumber sedia ada secara lebih optimum.

Peluang untuk Meningkatkan Rantaian Nilai dalam Sektor E&E dan Aeroangkasa

Pergantungan kepada aktiviti bernilai tambah yang rendah mengehadkan potensi pertumbuhan. Prestasi nilai tambah sektor Pembuatan merosot dalam kebanyakan subsektor antara 2020–2022, manakala 72% firma E&E berhadapan dengan kekurangan bakat bagi jawatan bernilai tinggi.

Cabaran Geopolitik Menuntut Tindak Balas yang Kukuh dan Strategik

Tarif AS yang dikenakan ke atas barangan Malaysia, serta perang Iran–AS yang menyebabkan penutupan Selat Hormuz menuntut tindak balas strategik yang bersifat proaktif.

Pertumbuhan Tidak Seimbang Antara Daerah Menuntut Intervensi yang Bersasar

Pertumbuhan tertumpu di Lembah Klang manakala daerah seperti Kuala Selangor mencatatkan CAGR hampir sifar antara 2019–2021. Sabak Bernam mempunyai populasi warga emas tertinggi pada 8.5%.



2.1.2
Implikasi kepada Selangor dan Hala Tuju

Selangor kekal sebagai penjana ekonomi terbesar Malaysia dengan KDNK RM460.1 bilion dan pertumbuhan CAGR 5.5% (2015–2025). Di bawah RS-1, pencapaian makro melampaui sasaran dengan pertumbuhan KDNK 7.5% CAGR, purata pelaburan RM65.8 bilion setahun serta tenaga kerja sebanyak 3.85 juta (tahun 2025), membuktikan asas yang kukuh untuk lonjakan seterusnya. Kini, RS-2 berperanan membawa ekonomi Selangor ke tahap yang lebih tinggi:

Memacu produktiviti merentas sektor, terutamanya sektor Perkhidmatan yang menggaji 72% tenaga kerja, melalui peningkatan kemahiran dan pendigitalan.

Melonjak dalam rantaian nilai E&E dan Aeroangkasa bertitik tolak daripada aset RS-1 seperti IC Design Park dan Selangor Aero Park ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi seperti reka bentuk IC dan R&D.

Memanfaatkan peluang global dalam ekonomi digital, automotif dan ekonomi kreatif, sambil memperkukuh daya tahan terhadap tekanan geopolitik.

Memastikan pertumbuhan dirasai di setiap daerah melalui pengelompokan industri bersasar dan kesalinghubungan yang lebih baik antara daerah.

Asas telah dibina. Kini, Selangor bergerak daripada pertumbuhan berasaskan saiz kepada pertumbuhan berasaskan kecanggihan untuk memastikan kemakmuran bukan sahaja berkembang, tetapi meresap ke setiap lapisan ekonomi dan setiap pelosok negeri.




2.2
Sosial: Kemakmuran yang Perlu Dirasai Semua

RM10,726/bulan	Pendapatan median isi rumah Selangor pada 2024, melampaui sasaran RS-1 sebanyak ~RM1400
67.9%	Kadar pemilikan rumah Selangor, antara yang terendah di Malaysia berbanding 85.5% di Kelantan
7.21	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (Selangor) pada 2024, melampaui sasaran

Walaupun Selangor merupakan negeri paling maju dari segi ekonomi, ia turut berhadapan dengan tekanan sosial yang semakin kompleks. Pendapatan median isi rumah yang melampaui sasaran RS-1 dan peningkatan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia tidak menafikan hakikat bahawa cabaran kos sara hidup, ketidaksamaan pendapatan, kesesakan bandar, kesihatan mental, dan penuaan penduduk terus membebankan daya tahan isi rumah serta melemahkan kesepaduan sosial. Dalam pada itu, kadar kemiskinan mutlak telah menurun kepada 0.9%, namun masih belum mencapai sasaran 0.7%, memberikan petanda bahawa pertumbuhan ekonomi mula diterjemahkan secara lebih saksama kepada semua lapisan masyarakat.

Rajah 5 : Peratusan Jenis Pemilikan Isi Rumah, 2022

%



Sumber: DOSM

Di sebalik pencapaian ini, jurang struktural yang lebih mendalam turut terdedah, antaranya guna tenaga tidak penuh yang meningkat walaupun kadar pengangguran rendah pada 1.7%, minat belia terhadap pendidikan tinggi yang semakin menurun, serta PMKS yang menyediakan hampir separuh pekerjaan negara namun menyumbang hanya 39.1% kepada KDNK. Justeru, RS-2 perlu bertindak balas dengan agenda yang berpaksikan rakyat, merangkumi usaha memperluaskan akses kepada perkhidmatan, memperkukuh sistem penjagaan dan kebudayaan, memperkasa bakat, serta membina daya tahan ekonomi bagi memastikan setiap komuniti mampu berkembang maju.

2.2.1
Asas Penambahbaikan

Kos Sara Hidup yang Meningkat dan Keterjangkauan Perumahan

Isi rumah B40 dan M40 berhadapan tekanan kewangan yang meningkat, dengan kadar pemilikan rumah hanya 67.9% dan harga median rumah RM440,000. Daerah bandar matang seperti Klang dan Petaling mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang perlahan manakala ketidaksamaan kekal tinggi di Petaling dan Gombak.

Kesejahteraan Masyarakat di Bandar

Dengan trafik di Lembah Klang mencatatkan 524 kereta bagi setiap 1,000 penduduk dengan tahap kesesakan yang tinggi, isu tekanan dan kesejahteraan masyarakat bandar menjadi satu keutamaan. Indeks Budaya Sukan Selangor (49.3) berada di bawah purata nasional, manakala sektor kebudayaan kekal kurang disokong.

Perubahan Demografi Menuntut Ekonomi Penjagaan yang Responsif

Populasi berusia 65+ meningkat daripada 6.9% (2020) kepada 8.1% (2024), dengan tiga daerah Selangor termasuk dalam 11 daerah paling tua di Malaysia. Selangor turut mencatatkan kes kanak-kanak memerlukan perlindungan tertinggi negara (1,652 kes) dan bilangan OKU tertinggi (123,392 individu).

Cabaran Pengukuhan Modal Insan dan PMKS

Kadar tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran terus meningkat dan ramai graduan bekerja di bawah kelayakan, walaupun kadar pengangguran di Selangor antara terendah pada 1.7%. Pada masa yang sama, sektor PMKS di Selangor menghadapi cabaran keuntungan dan daya tahan yang berterusan.

2.2.2
Implikasi kepada Selangor dan Hala Tuju

Landskap sosial Selangor mencerminkan sebuah negeri yang telah mencapai kemajuan bermakna dengan pendapatan median isi rumah melampaui sasaran, Indeks Kebahagiaan meningkat, dan program seperti Iltizam Selangor Penyayang yang berjaya mengurangkan kemiskinan tegar. Di bawah RS-1, 98 PPI sosial telah dilaksanakan dengan 81 daripadanya masih aktif atau berulang. Kini, RS-2 berperanan membawa dimensi sosial Selangor ke tahap yang lebih tinggi:

Memastikan setiap isi rumah mampu tinggal dengan bermaruah melalui perumahan mampu milik, perlindungan sosial bersasar dan mobiliti bandar yang bersepadu.

Membina ekonomi penjagaan yang responsif, daripada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan kepada warga emas yang memerlukan sokongan yang berpandukan Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor.

Memperkukuh kesihatan pencegahan dan kesejahteraan mental, terutamanya dalam kalangan belia, melalui pendekatan yang mengutamakan pencegahan.

Memperkasa modal insan melalui penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi, pengukuhan laluan pendidikan dan TVET, serta ekosistem keusahawanan yang lebih berdaya tahan.


Selangor yang maju bukan sekadar negeri yang kaya, tetapi yang juga merupakan negeri di mana setiap rakyat mempunyai peluang untuk hidup sihat, bermaruah dan bermakna, tanpa mengira latar belakang atau lokasi.



2.3
Kelestarian: Mengimbangi Pertumbuhan dengan Tanggungjawab Alam

38%	Sumbangan Selangor kepada jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) Malaysia pada 2019, tertinggi di peringkat nasional
8,430 tan/hari	Jumlah sisa pepejal yang dijana Selangor, tertinggi di Malaysia, dengan kadar kitar semula hanya 7.7% berbanding purata nasional melebihi 30%
107 kejadian	Bilangan insiden banjir di Selangor pada 2022, ke-3 tertinggi di Semenanjung Malaysia

Rajah 6 : Kejadian Banjir di Selangor
Bilangan Kejadian



Sumber: Laporan Banjir Tahunan 2017–2022, DOSM, KSP RS-1

Landskap alam sekitar Selangor dibentuk oleh pertumbuhan bandar yang pesat, perindustrian yang rancak dan kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Faktor-faktor ini secara kolektif menyumbang kepada tekanan alam sekitar yang ketara, termasuk penjanaan sisa yang tinggi, pelepasan GHG yang meningkat, tekanan ke atas sumber air dan kerentanan terhadap risiko berkaitan iklim seperti banjir dan kejadian cuaca ekstrem. Di bawah RS-1, 2 daripada 4 penunjuk makro kelestarian telah melampaui sasaran: bekalan air bersih 24 jam dicapai dan litupan hutan simpan pada 31.7%, melebihi sasaran 31%.

Namun, kejayaan ini tidak bermakna cabaran telah teratasi. Sumber air Selangor, yang 98% bergantung kepada air permukaan, berhadapan dengan tekanan daripada pencemaran, infrastruktur yang usang, dan permintaan yang terus meningkat. Pengurusan sisa pepejal pula kekal terhad akibat pergantungan kepada tapak pelupusan dan aktiviti kitar semula tidak rasmi yang tidak didokumenkan. Pelepasan GHG pula sukar dikurangkan memandangkan bidang kuasa tenaga berada di peringkat persekutuan. Justeru, RS-2 perlu menangani cabaran yang saling berkait ini secara bersepadu, berpandukan Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor 2024 yang merangkumi 10 teras strategik.

2.3.1
Asas Penambahbaikan

Impak Banjir Telah Berkurangan, Namun Selangor Belum Sepenuhnya Berdaya Tahan

Insiden banjir menunjukkan trend penurunan, tetapi masih memerlukan usaha mitigasi khusus berikutan impak yang lebih ketara. Kerugian banjir direkodkan sebanyak RM22.6 juta pada tahun 2024, menjadi pemangkin kepada penambahbaikan sistem pengurusan data banjir kilat secara lebih bersepadu merentas agensi.

Ketidakjaminan Air Menjejaskan Kestabilan Ekonomi dan Sosial

12.37% keluasan tanah Selangor mengalami gangguan bekalan air pada 2023, dengan Klang (34.75%) dan Petaling (29.80%) paling terjejas. Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) kekal tinggi pada 27.8%, dan Selangor menyumbang 62.4% daripada gangguan bekalan air nasional.

Kedudukan Selangor sebagai Kuasa Ekonomi Menjadikan Laluan ke Sifar Bersih Lebih Rumit

Selangor menyumbang 38% pelepasan GHG Malaysia (2019), didorong oleh sektor tenaga (17,771 Gg CO_2eq) dan pengangkutan (9,929 Gg CO_2eq). Pemilikan kenderaan pada 1,100 bagi setiap 1,000 penduduk memburukkan lagi pelepasan dan kualiti udara.

Kitar Semula Tidak Rasmi Menghalang Potensi Ekonomi Kitaran

Kadar kitar semula Selangor hanya 7.7% berbanding purata nasional melebihi 30%, sebahagian besarnya kerana aktiviti kitar semula berlaku di luar saluran rasmi. Pasaran ekonomi kitaran Malaysia dijangka berkembang daripada RM3.91 bilion (2023) kepada RM7.36 bilion (2050).

2.3.2
Implikasi kepada Selangor dan Hala Tuju

Di bawah RS-1, kesemua 4 penunjuk makro kelestarian telah dicapai dan 39 PPI kelestarian dilaksanakan, termasuk projek penting seperti pembersihan Sungai Klang menerusi ZPE-SMG, Skim Bekalan Air Sungai Rasau, Stesen Janakuasa Pulau Indah dan pembangunan inventori GHG. Pencapaian ini telah membentuk asas kelestarian yang kukuh untuk Selangor dan kini, RS-2 berperanan membawa agenda kelestarian negeri ke tahap seterusnya:

Beralih daripada pengurusan banjir yang reaktif kepada sistem ramalan bersepadu yang menghubungkan PBT, JPS dan MetMalaysia.

Memperkukuh jaminan air melalui kepelbagaian sumber, pengurangan NRW dan perlindungan sumber air permukaan daripada pencemaran.

Mengurangkan jejak pelepasan GHG secara aktif melalui kecekapan tenaga, penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan tadbir urus iklim yang mantap.

Membuka potensi ekonomi kitaran dengan merasmikan kitar semula, memperluaskan infrastruktur pemulihan bahan dan menjejak data sisa secara berpusat.

Kelestarian bukan pengorbanan kepada pertumbuhan, ia adalah syarat mutlak agar pertumbuhan Selangor dapat bertahan merentasi generasi.




AIR
SELANGOR

2.4
Tadbir Urus: Memperkukuh Jentera Kerajaan untuk Rakyat

110+ entiti dan agensi

Bilangan entiti dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor termasuk agensi persekutuan, menjadikannya antara yang paling besar dan kompleks di Malaysia


94.21%

Kadar kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan kerajaan pada 2024, melampaui sasaran RS-1

48%

Sumbangan premium tanah kepada jumlah hasil negeri pada 2024, menandakan pergantungan tinggi kepada sumber berasaskan tanah

Rajah 7 : Hasil Kerajaan Negeri Selangor, 2015–2024
RM juta, %



Sumber: DOSM, Belanjawan Selangor 2022–2025

Kerajaan Negeri Selangor beroperasi melalui struktur pentadbiran yang luas, merangkumi 15 jabatan negeri, 10 badan berkanun, 9 pejabat daerah dan tanah, 12 pihak berkuasa tempatan (PBT), 20 perbadanan negeri dan 46 agensi persekutuan.

Di bawah RS-1, hanya 1 daripada 4 penunjuk makro tadbir urus telah melampaui sasaran: kepuasan penduduk pada 94.21%. SGKV yang merangkumi 4 majlis bandaraya, menempatkan hampir separuh penduduk negeri dan menyumbang 66% kepada KDNK Selangor sekali gus menjadikan penyelarasan tadbir urus dalam kawasan ini amat kritikal.

Namun, prestasi fiskal yang kukuh dan asas digital yang semakin matang ini disertai oleh cabaran yang perlu ditangani: pertindihan mandat dan tanggungjawab antara entiti negeri berisiko menyebabkan ketidakcekapan; hanya 4 daripada 12 PBT mencapai skor 95% dalam Penarafan Bintang SPB-PBT; dan hampir 75% hasil negeri bergantung kepada pembangunan tanah (48% premium tanah + 27% cukai tanah). Satu risiko ialah ketepuan dan kepadatan yang semakin ketara memandangkan sumber tanah yang terhad.

2.4.1
Asas Penambahbaikan

Keperluan Memperkukuh Penyelarasan Tadbir Urus untuk Memaksimumkan Penyampaian

Lebih 110 entiti dan agensi beroperasi dengan mandat yang kadang-kala bertindih, menyebabkan perancangan yang bersilo dan penyampaian perkhidmatan yang berpecah. Hanya 4 daripada 12 PBT mencapai sasaran skor 95% SPB-PBT, dan skor hampir semua PBT menurun sejak 2022.

Peluang Meningkatkan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan Awam melalui Teknologi, Inovasi dan Kemahiran

Selangor sedang membangunkan model AI sendiri, melaksanakan Teraju AI (pelaburan RM5 juta selama 3 tahun) merentas 11 agensi, dan menubuhkan Pusat Inkubator AI di bawah SLIICE. Pelancaran SelGDX pada Oktober 2023 menyediakan asas perkongsian data merentas agensi.

Pergantungan kepada Sumber Hasil Terhad Menuntut Kepelbagaian untuk Mengurangkan Kerentanan Fiskal

Premium tanah menyumbang 48% hasil negeri (RM1,048.6 juta) pada 2024, dengan cukai tanah menambah 27% lagi. Tanah kosong hanya tinggal 6.33% daripada guna tanah, menjadikan pergantungan ini tidak mampan. Sehingga November 2024, GLC negeri telah menyumbang RM30 juta daripada sasaran dividen RM40 juta.

2.4.2
Implikasi kepada Selangor dan Hala Tuju

Di bawah RS-1, 52 PPI tadbir urus telah dilaksanakan, termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat, pelancaran SelGDX, pembangunan Kerjasama Awam-Swasta-Sivil (PPCP) dan pelaporan berpusat RS-1. Kepuasan penduduk pada 89.94% membuktikan kesan dasar yang dirasai rakyat. Kini, RS-2 berperanan memperkemas jentera kerajaan Selangor untuk masa depan:

Memperkukuh penyelarasan antara entiti negeri, agensi dan perbadanan bagi menghapuskan pertindihan dan memaksimumkan kecekapan penyampaian.

Memanfaatkan AI dan teknologi sebagai pengupaya utama perkhidmatan awam yang lebih pantas, tepat dan mesra rakyat.

Mempelbagaikan sumber hasil negeri daripada pergantungan kepada tanah kepada aliran pendapatan yang lebih mampan dan inovatif.

Tadbir urus yang cemerlang merupakan tulang belakang kepada setiap misi RS-2. Tanpanya, tiada dasar yang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan tiada kemakmuran yang dapat dirasai secara menyeluruh.



2.5
Dunia Sedang Berubah, dan Selangor Perlu Bersedia

Sebagai penyumbang KDNK terbesar Malaysia dengan kedudukan strategik di persimpangan perdagangan antarabangsa, negeri ini terdedah secara langsung kepada arus perubahan global yang semakin pantas dan tidak menentu. Empat trend mega utama sedang membentuk semula landskap ekonomi, sosial dan alam sekitar dunia:

Peralihan Geopolitik

Perubahan Demografi

Perubahan Iklim

Gangguan Teknologi

Setiap satu membawa cabaran, tetapi juga peluang yang boleh dimanfaatkan oleh negeri yang bersedia. Memahami trend ini adalah prasyarat untuk memastikan dasar dan strategi RS-2 kekal relevan, berdaya tahan dan berpandangan jauh.



2.5.1
Dinamik Geopolitik dan Pelaburan Strategik



Peningkatan dasar perlindungan dan perubahan asas dalam lingkungan pengaruh kuasa besar. Antara tahun 2000 hingga 2020, penguasaan Barat tradisional semakin beralih kepada landskap dunia yang lebih pelbagai kuasa, dengan China, Rusia serta kuasa baharu lain memperluaskan pengaruh serantau masing-masing.

- Perang tarif dan dasar perlindungan mengubah rantaian bekalan dan corak perdagangan global yang telah lama bertapak.
- Konflik Iran-Amerika Syarikat yang bermula pada Februari 2026 telah mengganggu laluan perdagangan kritikal melalui Selat Hormuz yang membawa 20% minyak global dan satu pertiga bekalan baja dunia. Gangguan ini memberi kesan langsung kepada kos tenaga, rantaian bekalan pembuatan dan harga makanan.
- Pembentukan blok serantau yang semakin pesat telah mengurangkan kebergantungan terhadap rakan dagang tunggal
- China sedang memperkukuh hubungan dengan Asia Tenggara dan Timur Tengah, membuka laluan kepada pakatan serantau baharu.

Implikasi kepada Selangor:

Sebagai hab perdagangan utama dengan Pelabuhan Klang yang berhubung dengan lebih 120 negara, Selangor perlu memanfaatkan hubungan ASEAN untuk mengemudi peralihan geopolitik ini. Peningkatan proteksionisme bermakna negeri ini tidak boleh bergantung kepada laluan perdagangan tradisional sahaja. Sebaliknya, ia perlu memperdalam integrasi rantaian nilai dalam sektor seperti semikonduktor, automotif dan logistik, serta memperkukuh daya tahan melalui kepelbagaian pasaran dan kesejahteraan serantau.

Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor



Sebagai respons kepada tekanan global yang semakin meningkat, Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor bernilai RM130.42 juta bagi memperkukuh jaminan bekalan makanan, meringankan beban kos sara hidup rakyat dan menyokong golongan yang paling terjejas akibat konflik berterusan di Timur Tengah.

Kesejahteraan Rakyat

JUALAN EHSAN RAHMAH (JER)

RM5 Juta

168,000 Isi Rumah

BAUCAR KITASELANGOR

RM30 Juta

50,000 Penerima

SUBSIDI TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM

RM5.4 Juta

30,000 Orang

BANTUAN SARAPAN PERCUMA SEKOLAH MELALUI PBT

RM9.6 Juta

873 Sekolah

Industri dan Keselamatan

BANTUAN SOKONGAN SEKTOR PERTANIAN

RM25 Juta

Pesawah, Nelayan, Petani, Penternak, Akuakultur

PEMERKASAAN USAHAWAN KOPERASI SELANGOR

RM6 Juta

Usahawan Koperasi

GUDANG MAKANAN SELANGOR

RM25 Juta

Rakyat Selangor

SESI LIBAT URUS INDUSTRI

Pemain Industri

PEMERKASAAN PERNIAGAAN KOMUNITI MELALUI PLATS

Peniaga Tempatan

Penerokaan Peluang Baharu


PERALIHAN TENAGA

KETERJAMINAN MAKANAN

KECEKAPAN LOGISTIK

2.5.2
Peralihan Demografi dan Kos Sara Hidup

Rajah 8 : Nisbah Kebergantungan Warga Emas
Bilangan orang berumur 65+ bagi setiap 100 orang dalam lingkungan umur bekerja (berumur 20–64), negara terpilih



Sumber: United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2019). World Population Prospect, DOSM 2019

Populasi global sedang menua pada kadar yang belum pernah terjadi, mewujudkan tekanan yang meningkat ke atas sistem kebajikan sosial di seluruh dunia. Negara maju berhadapan cabaran yang amat besar, dengan Jepun, Jerman dan Korea Selatan menyaksikan peningkatan mendadak dalam nisbah kebergantungan warga emas. Pada masa yang sama, kesan perubahan iklim dan gangguan rantaian bekalan dirasai di peringkat individu melalui kenaikan kos sara hidup.


- Usia median penduduk meningkat di hampir semua negara, tetapi pada kadar dan titik permulaan yang berbeza.
- Stagnasi gaji buruh dan kenaikan kos perumahan menyumbang kepada jurang kekayaan dan penghakisan kelas pertengahan.
- Semakin sedikit individu usia bekerja perlu menanggung bilangan warga emas yang semakin ramai, mengekang potensi pertumbuhan ekonomi.
- Krisis tenaga semasa telah mempercepatkan tekanan ini menyebabkan harga minyak melonjak daripada ~US$70 kepada lebih US$100 setong, manakala harga LNG Asia meningkat lebih 140%. Kesan ini dirasai terus oleh isi rumah Selangor melalui kenaikan harga makanan, pengangkutan dan barangan harian.

Implikasi kepada Selangor:

Selangor dijangka mencapai status "Masyarakat Menua" menjelang 2030, dengan 9.9% penduduk berusia 65 tahun ke atas. Tekanan ini menuntut pengukuhan sistem penjagaan kesihatan dan kebajikan, sambil menangani tekanan kelas pertengahan yang berhadapan stagnasi gaji dan ketidakmampuan perumahan. Tanpa tindakan, jurang kekayaan berisiko melebar dan kepaduan sosial boleh terjejas, sekali gus mempengaruhi agenda kebolehdiaman dan ekonomi penjagaan di bawah RS-2 yang semakin mendesak.

2.5.3
Perubahan Iklim dan Bencana Alam

Rajah 9 : Suhu di sesetengah kawasan akan meningkat lebih cepat berbanding kawasan lain
Perubahan suhu purata tahunan (°C) berbanding 1850–1900
Perubahan simulasi pada pemanasan global 1.5°C



Sumber: Panel (b) from IPCC, 2021: Summary for Policymakers

Perubahan iklim menimbulkan ancaman yang semakin teruk kepada bandar dan negara di seluruh dunia, dengan kenaikan suhu dan paras laut mewujudkan cabaran besar kepada pusat bandar utama. Menjelang 2030, hampir separuh penduduk dunia dijangka tinggal dalam keadaan tekanan air yang teruk, menunjukkan kemerosotan yang mendadak daripada keadaan semasa.


- Kenaikan suhu berlaku secara tidak sekata, dengan beberapa daerah mengalami pemanasan yang lebih ketara.
- Sumber seperti tenaga, air dan unsur nadir bumi semakin terhad, sekali gus meningkatkan kos dan menekankan kepentingan tenaga boleh baharu untuk daya tahan negeri.
- Pengguna semakin menuntut pertanggungjawaban organisasi dan kerajaan terhadap pelepasan karbon dan amalan kelestarian.
- Gangguan bekalan baja global mengancam keselamatan makanan, menjadikan Gudang Makanan Selangor dan zon pertanian strategik semakin penting sebagai penampan bekalan dan harga.

Implikasi kepada Selangor:

Selangor sudah berhadapan dengan realiti ini, dengan banjir yang kerap mencatatkan kerugian RM22.6 juta pada 2024, pergantungan 98% kepada air permukaan yang terdedah kepada pencemaran dan kemarau, serta pelepasan GHG tertinggi negara pada 38%. Kegagalan bertindak akan menambah kos bencana, mengganggu bekalan air, dan menjejaskan daya tarikan pelaburan. Justeru, RS-2 perlu menjadikan penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim sebagai teras kepada perancangan pembangunan negeri, bukan sekadar pelengkap semata-mata.

2.5.4
Gangguan Teknologi

Rajah 10 : Kadar inovasi teknologi semakin meningkat
Masa yang diambil untuk mencapai 50 juta pengguna produk dan teknologi terpilih



Sumber: Visual Capitalist

Kepantasan inovasi teknologi semakin meningkat dengan tempoh penggunaan teknologi baharu untuk mencapai 50 juta pengguna telah dimampatkan daripada beberapa dekad kepada beberapa bulan sahaja (syarikat penerbangan: 64 tahun; Facebook: 4 tahun; Pokemon Go: 19 hari). Teknologi juga menjadi prasyarat untuk menangani cabaran daripada trend mega lain, terutamanya perubahan iklim, dengan pelaburan ke dalam teknologi iklim melonjak secara mendadak antara 2013 dan 2021.

- Teknologi baharu seperti rantaian blok, sains bahan, penyimpanan tenaga dan kecerdasan buatan menghampiri titik kritis apabila penurunan kos mewujudkan permintaan merentas sektor.
- Perniagaan yang gagal bertransformasi secara digital berisiko ketinggalan dan kehilangan daya saing.
- Namun, teknologi juga membawa kesan yang tidak diingini dengan peningkatan mendadak episod kemurungan besar dalam kalangan belia berkait rapat dengan penggunaan media sosial yang meluas.

Implikasi kepada Selangor:

Penggunaan teknologi akan menentukan sama ada Selangor mengekalkan kepimpinan ekonominya atau ketinggalan. Inisiatif seperti Teraju AI, SelGDX dan Pusat Inkubator AI menunjukkan komitmen yang jelas. Namun, pada masa yang sama, kesan teknologi terhadap kesihatan mental belia, dengan 16.3% pelajar sekolah menengah melaporkan pemikiran membunuh diri, sekali gus menuntut pendekatan yang seimbang: memanfaatkan inovasi sambil melindungi kesejahteraan rakyat, terutamanya generasi muda.

2.6
Kesimpulan: Dari Landskap Semasa ke RS–2

Empat teras landskap semasa Selangor, iaitu ekonomi, sosial, kelestarian, dan tadbir urus, mendedahkan sebuah negeri yang berprestasi tinggi namun perlu membuat keputusan strategik yang akan menentukan hala tuju pertumbuhannya. Di sebalik kekuatan makro yang ketara, Selangor masih berdepan cabaran struktural yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Dalam masa yang sama, empat trend mega global iaitu peralihan geopolitik, perubahan demografi, perubahan iklim dan gangguan teknologi terus menambah kerumitan serta meningkatkan kedesakan dalam menangani cabaran domestik tersebut.

RS–2 dirangka sebagai tindak balas langsung kepada kedua-dua realiti ini. Setiap misi dalam RS–2, daripada memacu kecanggihan ekonomi dan membuka potensi daerah, kepada membina masyarakat yang penyayang dan berdaya tahan, memperkukuh kelestarian alam sekitar, dan mentransformasi tadbir urus, direka untuk menangani cabaran dalaman sambil bersedia menghadapi ketidaktentuan luaran. Inilah nilai teras RS–2: bukan sekadar bertindak balas kepada apa yang berlaku hari ini, tetapi membina asas bagi Selangor yang berdaya tahan, canggih, dan inklusif untuk dekad yang mendatang.

RS–2 bukan sekadar sebuah pelan pembangunan; ia merupakan perancangan strategik Selangor terhadap status dinamik global yang terus berkembang, berasaskan pengalaman RS–1 dan berpandukan realiti dunia yang semakin kompleks.







Bab 03

Kerangka Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030

3

Kerangka Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030

Pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) telah menyediakan asas pembangunan yang kukuh bagi Selangor merangkumi pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar dan tadbir urus negeri.

Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, pendekatan perancangan berasaskan sektor dan fungsi telah membolehkan kestabilan dan kesinambungan pembangunan dicapai. Pada masa yang sama, dapatan pelaksanaan RS-1 turut menunjukkan bahawa cabaran pembangunan semasa semakin bersifat kompleks, saling berkait dan merentas bidang, sekali gus memerlukan tahap penyelarasan dasar dan pelaksanaan yang lebih komprehensif.

Berpandukan dapatan ini, Rancangan Selangor Kedua (RS-2) dibangunkan sebagai kesinambungan yang terancang kepada RS-1, dengan tumpuan khusus kepada penyelarasan keutamaan, pengukuhan mekanisme pelaksanaan dan pemfokusan kepada hasil.

RS-2 berpaksikan prinsip penambahbaikan berterusan bagi memastikan pembangunan Selangor kekal relevan, berdaya tahan dan selari dengan perubahan persekitaran ekonomi, sosial dan teknologi.

RS-1 membina asas yang kukuh. RS-2 memperhalusi kesinambungan asas tersebut agar diterjemahkan kepada tindakan dan impak.

3.1
Pendekatan Berasaskan Misi

Dalam fasa pembangunan seterusnya, Selangor memperkukuh pendekatan perancangannya dengan memperkenalkan pendekatan berasaskan misi sebagai prinsip pendekatan utama Rancangan Selangor Kedua (RS-2).



Dapatan utama pelaksanaan RS-1 menunjukkan bahawa isu-isu utama negeri saling bergantung antara satu sama lain. Pendekatan berasaskan misi membolehkan hubungan ini ditangani secara lebih sistematik, merentas sektor dan merentas peringkat pentadbiran.

Pendekatan berasaskan misi bermula dengan mengenal pasti cabaran strategik berskala besar yang memberi kesan langsung kepada rakyat dan masa depan negeri. Cabaran-cabaran ini kemudiannya diterjemahkan kepada misi yang jelas, boleh diukur dan berfokus kepada impak jangka panjang.

Pendekatan ini merupakan evolusi terancang daripada kerangka RS-1 yang berasaskan tema dan sektor. Walaupun pendekatan sektoral telah menyokong kestabilan dan penyampaian program, dapatan pelaksanaan menunjukkan bahawa cabaran pembangunan semasa semakin kompleks, saling berkait dan merentas bidang.

Pendekatan berasaskan misi membolehkan penyelarasan dasar dan pelaksanaan dipacu oleh hasil yang disasarkan dengan memacu kerjasama sesama agensi.

3.1.1
Nilai-nilai Bersama

Misi-misi ini dirumuskan dalam bentuk enam matlamat berasingan, namun saling berkait dan saling menguatkan antara satu sama lain. Kesemuanya dibina berasaskan tiga nilai utama yang menjadi teras perubahan yang ingin dicapai oleh Selangor:



Saksama
Memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara saksama merentas daerah dan kumpulan masyarakat.



Penyertaan
Menggalakkan penglibatan aktif rakyat, industri dan organisasi masyarakat sivil (CSO) dalam menjayakan agenda pembangunan.



Pemilikan Bersama
Menegaskan bahawa pembangunan negeri adalah tanggungjawab bersama semua pihak.

3.1.2
Pendekatan Seluruh Kerajaan (*Whole-of-Government*)

Pelaksanaan pendekatan berasaskan misi memerlukan penyelarasan menyeluruh merentas kerajaan, dengan sokongan aktif sektor swasta dan rakan pelaksana lain. Pendekatan ini menuntut:

- Penjajaran dasar antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Penyelarasan pelaksanaan antara agensi negeri dan PBT
- Kerjasama strategik dengan sektor swasta sebagai pemangkin pertumbuhan dan inovasi

Pendekatan seluruh kerajaan ini membolehkan Selangor memanfaatkan sepenuhnya kekuatan sedia ada, termasuk modal insan, kepelbagaian bakat dan ekosistem pengetahuan, bagi membina ekonomi berasaskan inovasi dan nilai tambah tinggi.

Kerangka RS-2

Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030.

6 Misi

Misi 1	Misi 2	Misi 3	Misi 4	Misi 5	Misi 6
Ekonomi	Daerah	Kesejahteraan	Modal Insan	Kelestarian	Tadbir Urus
Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor	Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah	Negeri Penyayang dan Berdaya Huni	Modal Insan Produktif dan Inklusif	Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik	Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan

25 Bidang Keutamaan

Misi 1	Misi 2	Misi 3	Misi 4	Misi 5	Misi 6
Elektrik & Elektronik	Pembangunan Ekonomi Berasaskan Daerah	Perumahan & Komuniti	Penyertaan Tenaga Kerja	Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana	Kerajaan & Tenaga Kerja Digital
Aeroangkasa	Mobiliti	Kos Sara Hidup	Pendidikan & Latihan	Pemeliharaan & Biodiversiti	Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus Baik
Automotif		Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan Keluarga	Keusahawanan	Teknologi Hijau & Bandar Rendah Karbon	Aliran Hasil Dipelbagaikan & Mampan
Ekonomi Digital		Budaya & Warisan	Perusahaan Halal	Pengurusan Sisa & Ekonomi Kitaran	Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri
Ekonomi Kreatif		Belia & Sukan		Keterjaminan Air	
13 Jumlah Inisiatif	**10** Jumlah Inisiatif	**25** Jumlah Inisiatif	**23** Jumlah Inisiatif	**14** Jumlah Inisiatif	**13** Jumlah Inisiatif
2 Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama	**4** Inisiatif Utama	**5** Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama	**3** Inisiatif Utama

3.2
Enam Misi RS-2

Selangor sebagai Negeri Model ASEAN bagi Pertumbuhan Saksama dan Kualiti Hidup untuk Semua Menjelang 2030

Visi ini meletakkan Selangor pada trajektori baharu yang menggabungkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara seimbang dan bersepadu, sekali gus memperkukuh aspirasi negeri untuk menjadi penanda aras pembangunan menyeluruh, terancang dan lestari di rantau Asia Tenggara.

Pertumbuhan yang dijana melalui RS-2 pula akan memberi manfaat secara adil dan saksama kepada seluruh lapisan masyarakat merentas bandar dan luar bandar serta semua peringkat generasi. Pada masa yang sama, pembangunan tidak diukur semata-mata melalui pertumbuhan ekonomi, tetapi turut merangkumi akses kepada pendidikan berkualiti, perkhidmatan kesihatan yang terjangkau, persekitaran yang bersih dan selamat serta peluang yang terbuka luas bagi setiap warga Selangor tanpa mengira latar belakang.

Seiring dengan visi ini, RS-2 akan dilaksanakan melalui enam misi:

Misi 1: Ekonomi

Misi 2: Daerah

Misi 3: Kesejahteraan

Misi 4: Modal Insan

Misi 5: Kelestarian

Misi 6: Tadbir Urus

Misi 1: Ekonomi

(Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor)

Objektif misi ini adalah untuk memperkukuh kedudukan Selangor sebagai hab industri maju, inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, selaras dengan keperluan meningkatkan produktiviti dan kompleksiti ekonomi bagi menjamin kemakmuran jangka panjang.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Meningkatkan Produktiviti melalui Rangsangan Inovasi, Pemerkasaan Penggunaan Sumber dan Penciptaan Persekitaran yang Dinamik

Strategi 2: Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi Melalui Sokongan Strategik kepada Syarikat Tempatan

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat mencipta peluang pekerjaan berkualiti dan menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih berdaya tahan.

Misi 2: Daerah

(Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah)

Objektif misi ini adalah untuk membuka potensi ekonomi setiap daerah dan memastikan pengagihan peluang serta infrastruktur yang lebih seimbang agar semua kawasan dapat menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan Selangor.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Mewujudkan Koridor dan Hab Berpotensi Melalui Pengukuhan Kelompok Industri

Strategi 2: Meningkatkan Mobiliti Antara Daerah Melalui Pengukuhan Kesalinghubungan

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat memperluas akses kepada peluang ekonomi dan meningkatkan keseimbangan pembangunan antara daerah.

Misi 3: Kesejahteraan
(Negeri Penyayang dan Berdaya Huni)

Objektif misi ini adalah untuk memastikan kualiti hidup rakyat terus menjadi keutamaan melalui persekitaran yang mampu milik, selamat, sihat dan menyokong kesejahteraan komuniti.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Meningkatkan Keterjangkauan dan Kebolehdiaman Bandar

Strategi 2: Memajukan Komuniti Inklusif dan Kesejahteraan Menyeluruh

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mewujudkan persekitaran yang lebih selesa, selamat dan menyokong kesejahteraan keluarga.

Misi 4: Modal Insan
(Modal Insan Produktif dan Inklusif)

Objektif misi ini adalah untuk membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran, inklusif dan adaptif bagi menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan serta memastikan semua lapisan masyarakat berpeluang menyumbang dan berkembang.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Membangunkan Tenaga Kerja Berkualiti dan Inklusif yang Selari dengan Keperluan Industri

Strategi 2: Membina Ekosistem untuk Usahawan Berkembang Secara Mampan

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat memperluas peluang mobiliti sosial dan ekonomi serta memperkukuh penyertaan tenaga kerja secara menyeluruh.

Misi 5: Kelestarian

(Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik)

Objektif misi ini adalah untuk memastikan pembangunan negeri dilaksanakan secara mampan dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim, dengan menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Memperkukuh Daya Tahan, Penyesuaian dan Pengurangan Risiko Perubahan Iklim Selangor bagi Mengurangkan Impak Bencana Akibat Perubahan Iklim

Strategi 2: Meningkatkan Pengurusan Sumber Selangor untuk Kualiti Hidup yang Lebih Tinggi

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat memastikan persekitaran yang lebih selamat, sihat dan mampan untuk kesejahteraan jangka panjang rakyat.

Misi 6: Tadbir Urus

(Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan)

Objektif misi ini adalah untuk membangunkan tadbir urus yang cekap, telus dan responsif melalui pendigitalan, inovasi dasar dan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Dua strategi telah dikenal pasti bagi mencapai objektif misi ini:

Strategi 1: Melaksanakan Penambahbaikan Strategik Dasar Kerajaan dan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Strategi 2: Memperkukuh Pengurusan Fiskal, Mekanisme Pembiayaan dan Hasil yang Optimum

Melalui strategi-strategi ini, misi ini dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta mewujudkan persekitaran yang lebih telus, responsif dan mesra perniagaan.

3.3
Senarai Bidang Keutamaan & Inisiatif RS-2

Bagi merealisasikan aspirasi keenam-enam misi RS-2, setiap bidang keutamaan disokong oleh inisiatif yang direka bentuk secara khusus untuk menghasilkan impak yang nyata dan berkekalan. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi pelbagai bentuk intervensi, daripada projek infrastruktur dan program pembangunan modal insan, kepada skim kebajikan, pembaharuan dasar dan pelaburan strategik, yang secara keseluruhannya menterjemahkan hala tuju RS-2 kepada tindakan yang dirasai oleh rakyat dan pelabur di seluruh Selangor.

98
Jumlah Inisiatif

Termasuk
20
Inisiatif Utama

98 Inisiatif

Inisiatif adalah projek dan program yang akan memacu objektif setiap misi ke arah pencapaian Misi keseluruhan. Inisiatif-inisiatif ini memastikan laluan pelaksanaan yang jelas, pemilikan institusi yang kukuh dan hasil transformatif jangka panjang yang berterusan.

20 Inisiatif Utama

Inisiatif Utama adalah inisiatif yang berimpak tinggi, kesediaan pelaksanaan yang kukuh, menyokong pembangunan jangka panjang dan memacu.

3.3.1
Senarai Inisiatif Utama RS-2

Inisiatif Utama merupakan teras pelaksanaan RS-2. Sebanyak 20 projek berimpak tinggi telah dikenal pasti untuk mencetuskan gelombang perubahan baharu bagi Selangor dalam mencapai visi RS-2.

Inisiatif-inisiatif ini dibahagikan kepada tiga kategori yang saling melengkapi:

Pemacu Perubahan *(Game Changers)*

Mempercepatkan pengembangan ekonomi bernilai tinggi melalui pertumbuhan KDNK, pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi dan tarikan pelaburan.

Pemangkin *(Catalysts)*

Menumpukan kepada manfaat sosial dan alam sekitar bagi memastikan keselamatan, kualiti hidup dan akses kepada sumber untuk rakyat.

Pengupaya *(Enablers)*

Membina asas kepada inisiatif di bawah Pemacu Perubahan dan Pemangkin.



1. Pemacu Perubahan *(Game Changers)*

Pemacu Perubahan yang memperkukuh pertumbuhan komersial dan ekonomi	
IC Design Park Cyberjaya (Fasa 2)	Mewujudkan 200 pekerjaan berkemahiran tinggi dan bergaji tinggi (>RM5,000 sebulan) menjelang 2030.
Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis	Pembangunan infrastruktur dijangka siap dibina pada tahun 2027, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2.3 bilion.
Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	Hab pengangkutan dan pembangunan komersial untuk mentransformasi kawasan KSSA menjelang 2029.
Sabak Bernam Development Area (SABDA)	Memangkin RM1.9 bilion pelaburan dan mewujudkan 3,600 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2030.
Pelabuhan Carey & Carey Selangor	Penyiapan pelan induk kawasan pembangunan Carey Selangor seluas 4,200 ekar menjelang 2030, termasuk pembangunan kira-kira 1,700 ekar milik PNSB yang melibatkan *Edu-Tech Park*, *Food Security Hub* dan pelabuhan.



2. Pemangkin *(Catalysts)*

Pemangkin yang mewujudkan impak sosial dan alam sekitar	
Rumah Mampu Milik	200,000 unit rumah mampu milik akan dibina menjelang 2030.
Skim Smart Sewa To Ownership (2STAY)	Sasaran 3,000 unit di bawah skim ini menjelang 2026.
Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah	Memberi manfaat kepada 300,000 isi rumah berpendapatan rendah setiap tahun.
Iltizam Selangor Sihat dan Inisiatif Rawatan	Skim bantuan kewangan bagi perkhidmatan kesihatan, dengan sasaran 550,000 penerima manfaat di bawah ISS.
Projek Infrastruktur Banjir	Projek yang menyasarkan 354 kawasan berisiko banjir, melindungi 120,000 penduduk.
Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga	WTE Tanjung Dua Belas akan memproses 1,800 tan sisa sehari (tpd) dan menjana 38 MW tenaga elektrik.
Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway	Membekalkan air kepada kira-kira 2.1 juta isi rumah setiap hari serta melaksanakan penyelenggaraan sungai.

3. Pengupaya *(Enablers)*

Pengupaya yang membina asas kepada Pemacu Perubahan dan Pemangkin	
Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (Selangor Kerjaya)	Mewujudkan 100,000 peluang pekerjaan menjelang 2030 serta memformalkan perlindungan keselamatan sosial.
Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan	Menyumbang kepada sasaran 75% kadar penyertaan tenaga kerja wanita menjelang 2030.
Pembangunan Bakat bagi Industri Berimpak Tinggi	Agensi-agensi bekerjasama untuk menghasilkan latihan dan kolaborasi bersama ahli industri merentas sektor berimpak tinggi.
Platform Selangor (Pendigitalan Usahawan)	Menyasarkan 20,000 usahawan di Platform Selangor (PLATS) dan tambahan 20,000 usahawan di platform lain.
Program Selangor Tech Xccelerator	Melengkapkan PKS berpotensi tinggi dengan teknologi terkini, menjana RM50 juta GMV tahunan.
Penerapan dan Pemecutan AI	Inisiatif Teraju AI dan Pusat Inkubasi AI bagi membangunkan ekosistem AI, dengan 10 agensi membangunkan *minimum viable products* (MVP) untuk kegunaan.
Selangor Greater Klang Valley (SGKV)	Menubuhkan entiti SGKV dan melaksanakan empat (4) projek flagship Pembaharuan Semula Bandar (PSB) dan satu (1) projek flagship pengangkutan bersepadu. SGKV akan menjadi pusat rujukan untuk projek-projek PSB dan projek-projek berimpak tinggi yang berpandukan Blueprint SGKV yang disediakan.
Reformasi Sistem Penyampaian & Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU)	Reformasi perkhidmatan awam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, kemudahan menjalankan perniagaan dan tadbir urus.

3.4
Sasaran & Petunjuk Makro

Bagi memastikan pelaksanaan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) kekal fokus kepada hasil sebenar, sebanyak 10 petunjuk makro telah dikenal pasti sebagai ukuran utama kemajuan negeri bagi mencapai objektif dan aspirasi RS-2.

Petunjuk Makro	Sasaran Tahun 2030
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	**6.1%** (2026-2030)

Pertumbuhan KDNK mencerminkan tahap kesihatan ekonomi Selangor secara keseluruhan. Pertumbuhan yang mampan menunjukkan keberkesanan usaha meningkatkan produktiviti, nilai tambah dan keupayaan ekonomi negeri untuk berkembang secara berdaya tahan.

Pelaburan Diluluskan	**RM330 bilion** (kumulatif untuk 5 tahun)

Pelaburan diluluskan menggambarkan daya tarikan Selangor sebagai destinasi pelaburan serta keyakinan pelabur terhadap persekitaran ekonomi negeri. Ia juga mencerminkan potensi aktiviti ekonomi masa hadapan yang menyokong kedudukan Selangor sebagai peneraju ekonomi nasional.

Kadar Pengangguran	**2.2%** (Menjelang 2030)

Kadar pengangguran menunjukkan sejauh mana pertumbuhan ekonomi dapat diterjemahkan kepada peluang pekerjaan. Ia juga menilai tahap padanan antara tenaga kerja, keperluan industri dan keberkesanan sistem pendidikan serta latihan.

Petunjuk Makro	Sasaran Tahun 2030



Nisbah Pertumbuhan KDNK Antara Daerah

1:2
(Menjelang 2030)

Indikator ini mengukur jurang pertumbuhan antara daerah paling pesat dan paling perlahan berkembang. Nisbah yang lebih seimbang menandakan pembangunan daerah yang lebih inklusif dan usaha berterusan untuk mengangkat daerah yang ketinggalan.



Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) Negeri Selangor

120
(Menjelang 2030)

IKRM memberi gambaran menyeluruh tentang kualiti hidup rakyat merangkumi perumahan, pendapatan, kesihatan, penyertaan sosial, budaya dan kesejahteraan keluarga. Peningkatan Mata IKRM mencerminkan bandar yang lebih berdaya huni dan masyarakat yang lebih sejahtera.



Pendapatan Median

RM14,500
(Menjelang 2030)

Pendapatan median mencerminkan kualiti pekerjaan dan tahap keterangkuman ekonomi. Ia menunjukkan sejauh mana pembangunan bakat, dasar tenaga kerja dan sokongan keusahawanan memberikan manfaat nyata kepada majoriti rakyat.



Pewartaan Tanah Hutan Simpan

31% Tanah Negeri
(Menjelang 2030)

Keluasan hutan simpan menggambarkan komitmen Selangor terhadap kelestarian alam sekitar dan daya tahan iklim. Pemeliharaan kawasan ini penting untuk perlindungan biodiversiti, perkhidmatan ekosistem dan keseimbangan pembangunan jangka panjang.

Petunjuk Makro	Sasaran Tahun 2030

Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Selangor

Pengurangan 35%
(Berdasarkan KDNK negeri berbanding tahun asas 2005 menjelang 2035)

Pemantauan pelepasan GHG penting bagi menilai kemajuan Selangor ke arah ekonomi rendah karbon. Pengurangan pelepasan menunjukkan keberkesanan langkah adaptasi dan mitigasi perubahan iklim.

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

Semua PBT menyasarkan skor
95% (Menjelang 2030)

Penarafan SPB-PBT menilai prestasi PBT dari segi pengurusan, penyampaian perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti. Ia mencerminkan kecekapan tadbir urus tempatan dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital *End-to-End*

85%
(Menjelang 2030)

Indikator ini mengukur tahap penyepaduan dan perkongsian perkhidmatan kerajaan digital secara menyeluruh (*end-to-end*) di peringkat negeri. Aspirasi ini bagi meneruskan usaha pendigitalan perkhidmatan kerajaan yang berfungsi sebagai platform bersepadu bagi membolehkan perkongsian data secara digital ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, responsif dan berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik.



3.5 Kesimpulan

Pelaksanaan RS-1 telah meletakkan asas pembangunan yang kukuh bagi Selangor. RS-2 dibangunkan sebagai fasa seterusnya untuk menyelaraskan keutamaan, memperkukuh pelaksanaan dan memastikan penambahbaikan berterusan selaras dengan prinsip perancangan nasional.

Dengan kerangka yang lebih tersusun, misi yang jelas dan pendekatan berasaskan data, RS-2 memastikan Selangor terus maju secara berdaya tahan, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

RS-2 mencerminkan komitmen Selangor untuk merancang dengan lebih baik, melaksana dengan lebih berkesan, dan membina masa depan secara bersama.





Bab 04

Misi 1

Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor

4

Misi 1: Memacu Kepimpinan Ekonomi Selangor

Selangor perlu melangkah melangkaui kekuatan tradisinya serta memperkukuh kedudukannya sebagai hab industri maju, inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Walaupun negeri ini telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kemakmuran masa hadapan bergantung kepada peningkatan tahap kecanggihan serta produktiviti industri tempatan.

Berasaskan premis ini, Misi 1 menumpukan usaha ke arah mengekalkan momentum pertumbuhan sedia ada sambil mendorong industri tempatan ke arah aktiviti yang lebih canggih dan bernilai tinggi.

Selangor berada pada fasa penting pembangunan. Kekuatan ekonominya telah terbukti, namun potensinya belum direalisasikan sepenuhnya. Misi ini meletakkan lima sektor teras sebagai tunggak transformasi: Elektrik & Elektronik, Aeroangkasa, Automotif, Ekonomi Digital dan Ekonomi Kreatif. Melalui sektor-sektor ini, Selangor mengekalkan kepimpinan ekonominya di peringkat nasional. Pada masa yang sama, tumpuan terhadap keseluruhan rantaian bekalan membuka peluang pertumbuhan baharu dan mengukuhkan daya tahan negeri dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Transformasi ini disokong oleh sasaran yang jelas dan boleh diukur. Menjelang 2030, Selangor beriltizam untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang teguh, menarik pelaburan bernilai tinggi secara berterusan, dan memastikan rakyat memperoleh manfaat langsung melalui penurunan kadar pengangguran kepada 2.2%, mencerminkan kejayaan dalam mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk semua lapisan masyarakat.

Misi 1 menjadi tulang belakang kepada visi RS-2 yang lebih luas, bahawa kemajuan ekonomi Selangor mesti diterjemahkan kepada manfaat yang dirasai secara saksama, merentasi setiap daerah dan setiap lapisan masyarakat. Dengan ekosistem industri yang lebih canggih dan berdaya tahan, Selangor membuktikan bahawa kejayaan hadir dalam pelbagai bentuk, dan peluang untuk meraihnya terbuka luas bagi setiap rakyat.

Misi 1 bertujuan memacu kepimpinan ekonomi Selangor, memastikan kemakmuran dikongsi di seluruh negeri.

4.1
Gambaran Keseluruhan Misi 1

Selangor akan terus menjadi penjana ekonomi utama Malaysia sepanjang tempoh RS-2, memacu produktiviti dan kerencaman ekonomi dengan sokongan strategik kepada industri tempatan yang menggalakkan inovasi.

5 Bidang Keutamaan:

- Elektrik & Elektronik (E&E)
- Aeroangkasa
- Automotif
- Ekonomi Digital
- Ekonomi Kreatif

13 Jumlah Inisiatif

2 Inisiatif Utama:

- IC Design Park Cyberjaya (Fasa 2)
- Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis

3 Sasaran:

- Pertumbuhan KDNK (CAGR) Dipertingkat
- Pelulusan Pelaburan Diperluaskan
- Pengurangan Kadar Pengangguran

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



4.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai penyumbang ekonomi terbesar negara dengan sumbangan sebanyak 26.5% kepada KDNK nasional pada tahun 2024, memacu pertumbuhan merentas sembilan sektor teras termasuk aeroangkasa, E&E dan ekonomi digital.

Kemajuan kita kini berada di landasan yang kukuh dengan impak positif yang mula melonjakkan sektor pelancongan, industri halal, serta infrastruktur penyelidikan dan pembangunan. Melangkah ke hadapan, kajian separuh penggal ini membuka peluang keemasan untuk kita memacu struktur ekonomi negeri ke tahap yang lebih tinggi melalui aktiviti bernilai tinggi.

Pengalaman ini menjadi asas kepada Misi 1 RS-2, yang bergerak daripada sekadar mengekalkan pertumbuhan kepada memacu kecanggihan dan produktiviti industri demi kemakmuran Selangor yang lebih mampan dan berdaya saing.

4.1.2
Peralihan kepada RS-2

Berlandaskan daripada sektor teras RS-1, struktur ekonomi Selangor kekal kukuh dan menjadi asas kepada lonjakan baharu. Misi 1 berhasrat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang teguh berasaskan kekuatan sedia ada, sambil memacu kecanggihan dan produktiviti industri dalam sektor tumpuan, membuka ruang kepada sektor pertumbuhan tinggi baharu dan memastikan daya tahan negeri dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Misi ini berpaksikan kepada lima sektor teras iaitu E&E, Aeroangkasa, Automotif, Ekonomi Digital dan Ekonomi Kreatif yang dijangka menjadi tunggak kepada kepimpinan ekonomi Selangor di peringkat nasional. Misi ini dilaksanakan melalui dua strategi utama: meningkatkan produktiviti melalui pemupukan inovasi, penggunaan sumber yang optimum dan penciptaan persekitaran yang dinamik; serta meningkatkan kepelbagaian ekonomi melalui sokongan strategik kepada syarikat tempatan bagi memperkasa integrasi rantaian bekalan dan memupuk kesejahteraan global, termasuk ketahanan rantaian bekalan bagi input kritikal seperti bahan mentah E&E dan komponen pembuatan.

Bersama-sama, kedua-dua strategi ini meneruskan trajektori Selangor sebagai peneraju kemajuan ekonomi yang bersedia untuk terus berkembang dalam menghadapi transformasi global.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 1

Pertumbuhan KDNK (CAGR)

6.1% (2026–2030)

Selangor menyasarkan pertumbuhan ekonomi yang teguh dan berterusan bagi mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju ekonomi negara.

Pelaburan Diluluskan

RM330 bilion (Kumulatif untuk 5 tahun)

Selangor menyasarkan untuk menarik pelaburan bernilai tinggi secara berterusan, memperkukuh keyakinan pelabur terhadap ekosistem industri negeri.

Kadar Pengangguran

2.2% (Menjelang 2030)


Pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor teras akan memastikan pertumbuhan ekonomi memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Menjelang 2030, Selangor akan menjadi hab industri maju dan inovasi. Peningkatan produktiviti melalui automasi akan memastikan daya saing kos dan pertumbuhan upah yang mampan. Sokongan strategik kepada syarikat tempatan akan memperdalam hubungan rantaian bekalan, mempelbagaikan pengeluaran bernilai tinggi dan mengurangkan kebergantungan kepada import, sekali gus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.



4.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 1

Misi ini merangkumi 5 Bidang Keutamaan, bagi memacu Selangor sebagai hab ekonomi bernilai tinggi yang berdaya saing di peringkat serantau.



4.2.1
2 Strategi Utama Misi 1

Strategi 1: Meningkatkan Produktiviti melalui Rangsangan Inovasi, Pemerkasaan Penggunaan Sumber dan Penciptaan Persekitaran yang Dinamik

Selangor berhadapan dengan tekanan sumber yang semakin meningkat dan jurang produktiviti merentas sektor, dan jika tidak ditangani, boleh menjejaskan daya saing industri dan mengakibatkan penggunaan sumber asli yang tidak mampan.

Strategi ini berhasrat menangani cabaran tersebut secara langsung melalui pembangunan ekosistem yang menyokong inovasi, pemerkasaan penggunaan sumber dan penciptaan persekitaran perniagaan yang dinamik, disokong oleh sokongan fiskal dan bukan fiskal yang menyeluruh.

Tumpuan diberikan kepada dua bidang keutamaan, iaitu Pembuatan Termaju dan Perkhidmatan. Sektor ini menjadi tonggak ekonomi Selangor yang paling berpotensi untuk dipertingkatkan melalui pendekatan inovatif.

Automasi, transformasi digital dan peningkatan kemahiran menjadi penggerak utama, memastikan sektor-sektor teras kekal berdaya saing dari segi kos sambil memacu pertumbuhan upah yang mampan.

Dengan mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik dan mesra pelaburan, Selangor berada di landasan terbaik bagi mengekalkan kedudukannya sebagai hab ekonomi yang bersedia menghadapi transformasi global, di samping menitikberatkan kelestarian alam sekitar.

Strategi 2: Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi Melalui Sokongan Strategik kepada Syarikat Tempatan

Dalam menghadapi kemajuan teknologi yang pesat dan evolusi pasaran global, Selangor harus memperkukuh penglibatan di dalam industri bernilai tinggi yang mempunyai daya saing yang utuh, bagi meningkatkan potensi pembangunan negeri yang lebih mampan, luas dan kompetitif.

Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi Selangor melalui kepelbagaian asas industri, dengan sokongan bersasar kepada syarikat tempatan bagi memperkukuh kedudukan mereka di pasaran global serta menyokong pelaburan asing yang beroperasi di negeri ini.

Strategi ini memberi tumpuan kepada bidang Pembuatan Maju dengan penekanan khusus kepada pendalaman integrasi rantaian bekalan tempatan dan pelaksanaan strategi kandungan tempatan *(local content strategy)* bagi mengurangkan kebergantungan kepada import dan memperkukuh ketahanan rantaian bekalan terhadap gangguan global.

Pendekatan ini secara langsung memupuk pembangunan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang pelbagai, sekali gus membina daya tahan industri tempatan dengan memperkukuh keseimbangan antara pelaburan domestik dan asing.

Selaras dengan aspirasi RS-2 untuk memperkasa modal insan dan iklim pelaburan yang mesra perniagaan, strategi ini memastikan pembentukan ekosistem menyeluruh yang menyokong perkembangan syarikat tempatan. Langkah proaktif ini bakal mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai pusat industri utama yang kompetitif dan mampan di peringkat global pada jangka masa panjang.

4.2.2
5 Bidang Keutamaan Misi 1



Elektrik & Elektronik (E&E)

Membangunkan keupayaan tempatan dan meningkatkan daya saing syarikat semikonduktor tempatan merupakan langkah penting bagi menarik pelaburan awam dan swasta, seterusnya memacu kompleksiti ekonomi Selangor dan mengukuhkan kedudukan negeri dalam rantaian nilai global.



Aeroangkasa

Meningkatkan ekosistem aeroangkasa yang lebih kukuh merupakan keutamaan strategik negeri, dengan tumpuan kepada penyediaan pembangunan industri yang mencukupi dan peluang latihan yang berkesan untuk menarik pelabur baharu serta menggalakkan pertumbuhan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor ini.



Automotif

Meningkatkan keupayaan dan produktiviti industri automotif, dengan tumpuan kepada penyediaan pembangunan industri yang kondusif, menarik pelaburan modal swasta tempatan dan antarabangsa serta memupuk kerjasama strategik yang memperkukuh kedudukan Selangor dalam sektor ini.

Ekonomi Digital

Pengukuhan kualiti infrastruktur digital sedia ada menjadi teras kepada usaha meningkatkan produktiviti, sekali gus menyokong industri Selangor untuk berinovasi dan bersaing di peringkat global.

Ekonomi Kreatif

Pembangunan Hab Kreatif sebagai pusat tumpuan industri kreatif menyediakan pembangunan kapasiti, inkubator idea, akses kepada pembiayaan dan harta intelek. Hab ini akan merangsang industri budaya tempatan, menjana pekerjaan, meningkatkan daya tarikan pelancongan dan menterjemahkan bakat kreatif kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.



4.3
Senarai Inisiatif Misi 1

13
Jumlah Inisiatif

Termasuk
2
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Elektrik & Elektronik (E&E)	
Projek Pembangunan Semikonduktor	Membangunkan pusat semikonduktor bertaraf antarabangsa di Sepang yang melibatkan segmen bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu bagi menjana lebih 10,000 pekerjaan berkemahiran tinggi dan menarik pelaburan bernilai RM15 bilion menjelang 2030.
Dana Semikonduktor Selangor (Pelaburan VC)	Inisiatif modal teroka bernilai RM100 juta ini melabur dalam syarikat semikonduktor tempatan dari peringkat Siri A hingga Pra-IPO, bagi memperkukuh kedudukan Selangor sebagai hab teknologi bernilai tinggi dan membantu syarikat tempatan di pasaran global.
IC Design Park Cyberjaya (Fasa 2)	Inisiatif pembangunan ini menyasarkan perkembangan industri reka bentuk litar bersepadu Malaysia dan melengkapkan bakat tempatan dengan keupayaan reka bentuk cip, serta dijangka menjana 500 pekerjaan berpendapatan tinggi dan melahirkan sekurang-kurangnya 5 syarikat bernilai melebihi RM500 juta.

Nama Inisiatif	Butiran
Aeroangkasa	
Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis	Hab perindustrian bertaraf antarabangsa ini menyasarkan pelaburan langsung bernilai tinggi dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam sektor aeroangkasa, E&E dan sains hayat, sekali gus menjadikan Selangor hab aeroangkasa utama rantau ini.
Subang *Airport Regeneration Plan* (SARP)	Inisiatif ini bertujuan memaksimumkan nilai ekonomi Lapangan Terbang Subang dan kawasan sekitarnya melalui pelbagai strategi pembangunan yang bersepadu bagi memperkukuh ekosistem aeroangkasa Selangor dan meletakkan Malaysia sebagai hab aeroangkasa dan penerbangan perniagaan pilihan di rantau ini.
Automotif	
Green Industrial Park (GRIP)	Kelompok pembuatan komponen automotif dan EV Tier 2–3 seluas 3,200 ekar di Bernam Jaya ini bertujuan untuk meningkatkan Selangor dalam rantaian nilai automotif, menarik pelaburan langsung daripada pemain EV global dan dijangka menjana sehingga 30,000 pekerjaan.
Lembah Beringin High Tech Auto Valley	Hab automotif bertaraf tinggi di Hulu Selangor ini bertujuan untuk menarik pelaburan modal swasta dan pemerkasaan kerjasama strategik tempatan dan antarabangsa, di samping menghidupkan semula aktiviti ekonomi daerah dengan fasa pertama dijangka menjana 300 pekerjaan, dengan penyerahan tanah kepada Chery sebagai langkah awal pelaksanaan.

Nama Inisiatif	Butiran
Ekonomi Digital	
Selangor Digital Future Action Plan 2026–2030	Kerangka transformasi digital negeri ini bertujuan untuk memposisikan Selangor sebagai peneraju ekonomi digital serantau melalui pengukuhan infrastruktur, tadbir urus digital dan keupayaan perkhidmatan generasi baharu.
Ekonomi Kreatif	
Selangor Creative Economy Advancement Hubs (SEL-CREATE Hubs)	Platform kreatif bersepadu ini bertujuan memperkukuh ekonomi kreatif Selangor sebagai penyumbang kepada KDNK, pelaburan dan pekerjaan, dengan menyasarkan penubuhan 4 hingga 6 hab menjelang 2028 bagi membangunkan ekosistem industri kreatif yang berdaya saing di peringkat serantau.
Inisiatif Pengupaya Merentas Sektor	
Managed Industrial Park (MIP)	Inisiatif ini membangunkan taman perindustrian generasi baharu yang diurus secara profesional, merangkumi Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja 4 dan Compass @ Kota Seri Langat, di samping menyediakan ekosistem perniagaan bertaraf tinggi yang sejajar dengan piawaian ESG, dijangka menjana sekurang-kurangnya 16,500 pekerjaan menjelang 2030 termasuk 4,500 pekerjaan berkemahiran tinggi.
Program Kepimpinan Ekonomi ASEAN	Melalui *Selangor International Business Summit* (SIBS) dan *Selangor Aerospace Summit* (SAS), inisiatif ini mempamerkan kelebihan daya saing Selangor kepada pelabur dan pemain industri global, menyasarkan realisasi purata 30% nilai transaksi berpotensi SIBS dan 20% bagi SAS setiap tahun.

Nama Inisiatif	Butiran
Program Penggalakan dan Fasilitasi Pelaburan	Melalui tiga program utama iaitu SCOUT, Selangor Soft Landing dan Selangor Lab Partnership, inisiatif ini menyediakan sokongan menyeluruh kepada pelabur baharu daripada akses bakat hingga kerjasama R&D, menyasarkan pelaburan bernilai RM3.4 bilion dan 2,000 pekerjaan baharu sepanjang tempoh RS-2.
Program Integrasi Pasaran Tempatan	Melalui *Program Mid-Tier Companies* dan *SME Business Linkage & Advancement Programme* (BLAST)*, inisiatif ini memperkukuh keupayaan syarikat tempatan untuk bersepadu dalam rantaian bekalan bernilai tinggi, menyasarkan pertumbuhan hasil sekurang-kurangnya 5% bagi setiap syarikat yang disokong pada akhir tahun 2030. **Nama baru yang dicadangkan untuk program ini di bawah Invest Selangor Berhad*



4.4
Strategi Spatial Misi 1

Memperkukuh Kluster Ekonomi Melalui Integrasi Guna Tanah Dan Rangkaian Pengangkutan

Selaras dengan trend pembangunan semasa dan permintaan spatial negeri, koridor dan hab pembangunan RS-2 perlu disepadukan secara jelas dalam dokumen spatial utama negeri dan tempatan.

Bagi Misi 1, lima strategi spatial akan dilaksanakan untuk menyokong dan memperkukuh kluster ekonomi secara menyeluruh melalui perancangan guna tanah bersepadu dan rangkaian pengangkutan yang optimum. Pendekatan ini memastikan kawasan pertumbuhan strategik lebih saling berhubung, mesra pelaburan, serta berupaya menjana limpahan ekonomi bernilai tinggi di seluruh negeri.

1. Penggunaan Tanah Secara Optimum

Mengutamakan penggunaan tanah untuk aktiviti ekonomi bernilai tinggi:

- Melindungi zon perindustrian strategik dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan (RT)
- Menggalakkan *Managed Industrial Park*, pembangunan industri berketumpatan tinggi dan menegak
- Membangunkan semula kawasan industri yang kurang dimanfaatkan


---

2. Pembangunan Bersepadu dan Padat

Menyokong hab ekonomi dengan persekitaran bandar yang lebih selesa dan mudah diakses:

- Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
- Berorientasikan Kargo (COD) berhampiran hab ekonomi
- Menyepadukan perumahan, komersial dan kemudahan awam
- Menggalakkan kawasan inovasi pembangunan guna tanah bercampur





PETUNJUK :

- Industri
- Komersial
- Kawasan Tepu Bina
- Pembangunan Berorientasikan Transit (800m)
- Gerbang Global
- Stesen Kargo ECRL

SEMPADAN

- Sempadan Negeri Selangor
- Sempadan Daerah

PENGANGKUTAN

- Lebuh Raya
- Keretapi Tanah Melayu (KTM)
- Rel Kita Selangor
- Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)
- Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Laluan Cabang Pelabuhan Barat
- Pelabuhan
- Pelabuhan Darat
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAAS)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- KL Sentral
- Terminal Bas

TBG Terminal Bersepadu Gombak

TBS Terminal Bersepadu Selatan

TBU Terminal Bersepadu Utara

TSA Terminal Shah Alam

Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)

3. Penyepaduan Logistik & Gerbang Global

Menyokong kelompok industri melalui rangkaian logistik yang cekap:

- Mengukuhkan kesalinghubungan antara Pelabuhan Klang, KLIA dan Lapangan Terbang Subang
- Membangunkan koridor penghantaran dan logistik yang menghubungkan hab industri
- Menubuhkan pusat logistik dan pengedaran berhampiran pelabuhan dan lapangan terbang

---

4. Ketersambungan Multimodal

Menyepadukan sistem pengangkutan bagi menyokong mobiliti ekonomi secara menyeluruh:

- Mengukuhkan kesalinghubungan lebuh raya–rel–lapangan terbang–pelabuhan
- Meningkatkan akses antara hab ekonomi dan koridor industri
- Menyokong pergerakan barangan dan aksesibiliti tenaga kerja


---

5. Ekonomi Kreatif

Menyokong pembangunan ekonomi kreatif melalui pengukuhan:

- Penyertaan dalam Rangkaian Bandar Kreatif UNESCO (UCCN)
- Kesalinghubungan sepanjang hab dan kelompok ekonomi kreatif
- Tumpuan Ekonomi Kreatif kepada Digital & Multimedia, Seni & Media dan Warisan Budaya





PETUNJUK :

- Industri
- Komersial
- Kawasan Tepu Bina
- Pembangunan Berorientasikan Transit (800m)
- Gerbang Global
- Stesen Kargo ECRL

EKONOMI KREATIF

- Multimedia Digital
- Seni dan Media
- Warisan Budaya

SEMPADAN

- Sempadan Negeri Selangor
- Sempadan Daerah

PENGANGKUTAN

- Lebuh Raya
- Keretapi Tanah Melayu (KTM)
- Rel Kita Selangor
- Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)
- Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Laluan Cabang Pelabuhan Barat
- Pelabuhan
- Pelabuhan Darat
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAAS)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- KL Sentral
- Terminal Bas

TBG Terminal Bersepadu Gombak

TBS Terminal Bersepadu Selatan

TBU Terminal Bersepadu Utara

TSA Terminal Shah Alam

Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)
2. Selangor Creative Economy Action Plan

4.5
Kesimpulan Misi 1

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 1

Memacu ekonomi ke arah nilai tinggi dan inovasi

Selangor memberi tumpuan kepada industri lebih kompleks, berteknologi dan bernilai tinggi bagi mengekalkan kedudukan sebagai peneraju ekonomi.

Mengukuhkan sektor teras sebagai pemacu pertumbuhan

Lima sektor utama iaitu E&E, aeroangkasa, automotif, ekonomi digital dan ekonomi kreatif akan dijadikan enjin utama untuk menarik pelaburan dan menjana pertumbuhan.

Menjamin manfaat ekonomi kepada rakyat

Pertumbuhan ekonomi diterjemahkan kepada peluang pekerjaan berkualiti, pelaburan berterusan dan kesejahteraan yang lebih seimbang di seluruh negeri.

Misi 1 berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi Selangor dengan memberi penekanan kepada integrasi industri teknologi bernilai tinggi ke dalam ekosistem pelaburan tempatan. Setiap peluang pekerjaan berimpak tinggi yang diwujudkan serta peningkatan daya saing syarikat tempatan menjadikan indikator jelas bahawa anjakan paradigma ekonomi ini mampu menjana pulangan yang inklusif, merentasi segenap lapisan masyarakat dan wilayah di Selangor.







Bab 05

Misi 2

Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah

5

Misi 2: Pembangunan Seimbang dan Peluang Saksama Merentasi Daerah

Konflik Iran–Amerika Syarikat dan kesannya terhadap laluan perdagangan utama telah mengingatkan kita bahawa pertumbuhan yang tertumpu di satu sektor sahaja adalah pertumbuhan yang rapuh. Pembangunan seimbang merentasi daerah bermatlamat untuk memberi kesaksamaan serta peningkatan daya tahan ekonomi bagi memastikan setiap daerah di Selangor berupaya untuk menghadapi tekanan global dan menyumbang kepada kestabilan negeri secara keseluruhan.

Kedudukan Selangor sebagai negeri paling maju di Malaysia membuka peluang yang luas bagi setiap daerah menjadi hab pertumbuhan baharu. Usaha mempergiatkan penyelarasan pengagihan peluang serta pemantapan infrastruktur di seluruh wilayah dapat memastikan setiap daerah menyumbang secara aktif dan seimbang kepada kecemerlangan ekonomi.

Berasaskan daripada keutamaan ini, Misi 2 beriltizam memacu pertumbuhan inklusif dengan memanfaatkan kekuatan tersendiri setiap daerah dan memperkukuh kesalinghubungan serta mobiliti antara daerah bagi memudahkan pergerakan bakat, aliran produk dan akses kepada peluang secara lebih cekap dan berkesan. Setiap daerah di Selangor mempunyai kekuatan dan potensi yang unik. Potensi ini dapat diperkasakan lagi melalui pendekatan yang lebih bersasar dan bersepadu untuk direalisasikan sepenuhnya.

Keberhasilan misi ini bakal dizahirkan melalui keseimbangan agihan ekonomi yang inklusif, melangkaui sekadar angka pertumbuhan makro negeri. Menjelang 2030, Selangor bertekad mencapai sasaran nisbah pertumbuhan KDNK antara daerah pada kadar 1:2, satu manifestasi jelas bahawa setiap wilayah merupakan pemacu kemajuan yang bergerak seiring dalam naratif pembangunan negeri.

Misi 2 mendokong prinsip bahawa kejayaan Selangor bersifat inklusif, di mana keunikan setiap wilayah diraikan melalui penyediaan peluang yang adil. Melalui pengaktifan potensi tempatan dan integrasi ekosistem daerah ke dalam trajektori pertumbuhan negeri, Selangor membuktikan bahawa pembangunan yang berwibawa adalah pembangunan yang memberi impak nyata merentasi landskap bandar mahupun luar bandar.

Misi 2 bermatlamat untuk memastikan pembangunan yang seimbang merentas semua daerah, membuka potensi tempatan dan mengurangkan jurang daerah.

5.1
Gambaran Keseluruhan Misi 2

Selangor akan mencapai pertumbuhan yang seimbang merentas semua daerah, dengan setiap kawasan menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negeri melalui pengkhususan sektor dan penyertaan ekonomi yang inklusif.

2 Bidang Keutamaan:

- Pembangunan Ekonomi Berasaskan Daerah
- Mobiliti

10 Jumlah Inisiatif

3 Inisiatif Utama:

- Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)
- Sabak Bernam Development Area (SABDA)
- Pelabuhan Carey & Carey Selangor

2 Sasaran:

- Pertumbuhan KDNK (CAGR) Dipertingkat
- Pengagihan Pertumbuhan KDNK yang Lebih Saksama Antara Daerah

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



5.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah meletakkan asas kepada pertumbuhan yang lebih saksama melalui pelaburan dalam infrastruktur peringkat daerah dan pembangunan sektor, dengan inisiatif utama seperti kelompok pertanian SABDA, koridor IDRISS dan ZPE-SMG, serta pembangunan pelancongan Geopark Gombak-Hulu Langat, di mana setiap satu direka untuk menyepadukan kekuatan ekonomi tempatan, daripada agromakanan di Sabak Bernam hingga logistik di Klang.

Meskipun terdapat kepelbagaian dalam dinamik pertumbuhan, di mana sektor pelabuhan dan pelancongan menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan, RS-1 tetap memainkan peranan kritikal dalam memperkukuh daya tahan sektor pertanian yang kini sedang melalui fasa peralihan struktural seperti keperluan peremajaan tenaga kerja dan pemodenan sistem. Keberhasilan RS-1 terbukti melalui peningkatan profil daerah serta keupayaannya dalam merangsang pelaburan setempat yang lebih inklusif.

Pengalaman tersebut kini membentuk asas kukuh bagi Misi 2 dalam kerangka RS-2, yang menandakan peralihan paradigma daripada pelaburan infrastruktur konvensional kepada pengaktifan potensi daerah secara holistik. Pendekatan bersepadu ini menjamin agar limpahan ekonomi Selangor merangkumi seluruh wilayah, sekali gus memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang tidak hanya tertumpu di pusat-pusat bandar utama.

5.1.2
Peralihan kepada RS-2

RS-2 akan terus membina asas yang telah diletakkan oleh RS-1 melalui pendalaman pengkhususan peringkat daerah dan pengukuhan ekosistem tempatan. Misi ini akan menumpukan kepada empat sektor teras, pemodenan pertanian, pelabuhan dan logistik, pelancongan serta mobiliti, yang dijangka memacu pertumbuhan inklusif dan meningkatkan kualiti hidup merentas semua daerah.

Misi ini berpaksikan kepada dua teras intervensi strategik: penyepaduan kelompok industri berdasarkan kekuatan khusus setiap daerah, serta pemantapan infrastruktur dan kesalinghubungan bagi memperkasa mobiliti bakat serta rantaian bekalan. Inisiatif bersepadu ini bertekad merapatkan jurang pembangunan wilayah, sekali gus memastikan limpahan kemakmuran ekonomi Selangor dinikmati secara inklusif di setiap pelosok negeri.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 2

Pertumbuhan KDNK (CAGR)

6.1% (2026–2030)

Selangor menyasarkan pertumbuhan ekonomi yang teguh dan berterusan, memastikan momentum pembangunan negeri memberi manfaat kepada semua daerah tanpa terkecuali.

Nisbah Pertumbuhan KDNK Antara Daerah

1:2 (Menjelang 2030)


Selangor beriltizam untuk memastikan jurang pertumbuhan ekonomi antara daerah kekal pada tahap terkawal, dengan sasaran nisbah tidak melebihi dua kali ganda antara wilayah paling maju dan wilayah sedang membangun. Sasaran ini mencerminkan komitmen negeri dalam memperkukuh pengagihan kemakmuran yang inklusif, sekali gus memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang di seluruh zon pertumbuhan utama.

Aspirasi Selangor 2030 berteraskan pengagihan ekonomi yang merata, di mana kemajuan tidak lagi terhad kepada kawasan bandar utama, malah merentasi setiap pelosok negeri. Melalui pemerkasaan kekuatan setempat dan pemantapan mobiliti strategik, misi ini menjamin akses yang inklusif kepada setiap peluang ekonomi dan seterusnya memastikan setiap rakyat Selangor menjadi sebahagian daripada arus perdana pembangunan yang saksama.



5.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 2

Pelaksanaan misi ini didukung oleh dua strategi utama, dengan setiap satu memfokuskan kepada Bidang Keutamaan yang khusus bagi menjamin setiap daerah di Selangor berkembang sejajar dengan potensi unik masing-masing. Pendekatan ini memastikan hala tuju kemajuan negeri bersifat inklusif, di mana setiap wilayah bergerak seiring serta menikmati manfaat daripada arus pembangunan.



5.2.1
Strategi 1: Mewujudkan Koridor dan Hab Berpotensi Melalui Pengukuhan Kelompok Industri

Selangor memiliki keunggulan aset ekonomi dan ruang, dengan penterjemahan potensi tersebut kepada impak nyata diperkukuh melalui integrasi holistik antara perancangan spatial dan hala tuju ekonomi yang strategik. Pendekatan bersepadu ini memastikan setiap inci ruang di Selangor menyumbang secara efektif kepada rantaian nilai ekonomi negeri.

Strategi ini bermatlamat untuk mewujudkan koridor dan hab pembangunan berpotensi secara formal dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Rancangan Tempatan yang berkaitan. Ini merangkumi Koridor Automotif, Selangor Vision City Corridor, Koridor Pulau Carey dan Hab Ekonomi Kreatif, bagi memastikan tumpuan pembangunan yang kohesif dan boleh dilaksanakan merentas semua dokumen dasar.

Penyepaduan ini membolehkan pelaburan diagihkan secara lebih strategik, menyelaraskan guna tanah dengan keperluan industri dan memastikan setiap daerah mempunyai hala tuju pembangunan yang jelas berasaskan kekuatan tempatan.

Strategi ini meletakkan pelancongan sebagai instrumen pertumbuhan yang signifikan menerusi pemanfaatan naratif budaya dan aset semula jadi setempat. Langkah ini bukan sahaja berupaya menarik pelaburan strategik, malah memperkasa pasaran kerja dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kompetitif di peringkat daerah.

Secara keseluruhan, strategi ini meletakkan asas kukuh dalam memacu keseimbangan pembangunan yang mampan merentasi landskap Selangor. Usaha ini memastikan setiap daerah memainkan peranan strategik sebagai ejen pertumbuhan, sekali gus memperkukuh sinergi antara wilayah dalam menterjemahkan visi kemakmuran bersama.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 1



Pembangunan Ekonomi Berasaskan Daerah

Strategi ini meraikan kepelbagaian potensi setiap daerah dengan menerapkan pendekatan spatial yang khusus, berbanding dasar seragam yang konvensional. Dengan mengoptimumkan kekuatan unik serta menukar kekangan menjadi peluang, kita berupaya memacu pertumbuhan yang lebih saksama dan berdaya tahan di seluruh Selangor. Pendekatan ini mengalihkan strategi pembangunan daripada pendekatan "satu saiz untuk semua" kepada pertumbuhan yang lebih bersasar dan berasaskan keunikan setempat, sekali gus memastikan setiap daerah memberikan sumbangan bermakna terhadap daya saing keseluruhan Selangor.

5.2.2
Strategi 2: Meningkatkan Mobiliti Antara Daerah Melalui Pengukuhan Kesalinghubungan

Keberkesanan kelompok ekonomi berpotensi tinggi akan mencapai tahap optimum menerusi kelancaran mobiliti bakat dan rantaian bekalan merentas daerah. Dalam konteks ini, kesalinghubungan diangkat sebagai nadi strategik yang mendasari pertumbuhan inklusif, memastikan setiap peluang ekonomi dapat diakses dan dimanfaatkan sepenuhnya di seluruh Selangor.

Projek rel utama seperti Jajaran Rel dan East Coast Rail Link (ECRL) akan memainkan peranan penting dalam menghubungkan pelbagai daerah, mewujudkan pembangunan berorientasikan transit (TOD) yang menyepadukan ruang kediaman, komersial dan rekreasi yang membolehkan pergerakan barangan yang lebih lancar dan memberi penduduk akses yang lebih pantas kepada peluang pekerjaan.

Perluasan perkhidmatan Pengangkutan Responsif Permintaan (DRT) merupakan langkah strategik dalam memperkasa komuniti di wilayah membangun melalui ketersambungan jitu ke rangkaian utama seperti bas Smart Selangor. Inisiatif ini menjamin akses mobiliti yang saksama, sekali gus membolehkan setiap lapisan masyarakat melibatkan diri secara aktif dan bermakna dalam arus perdana ekonomi negeri.

Melalui pemantapan infrastruktur dan kesalinghubungan merentas wilayah, strategi ini membuka peluang yang luas kepada setiap individu untuk meraih kerjaya bernilai tinggi, tanpa mengira lokasi geografi mereka. Inisiatif ini membuktikan bahawa mobiliti yang efisien adalah pemangkin utama kepada transformasi kualiti hidup yang lebih mampan buat seluruh rakyat Selangor.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 2



Mobiliti

Inisiatif rel strategik seperti Jajaran Rel dan ECRL bertindak sebagai nadi penggerak dalam memacu mobiliti bakat serta rantaian bekalan merentas wilayah, sekali gus memperkukuh integrasi ekonomi Selangor. Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) yang menyepadukan zon kediaman, komersial, dan rekreasi, dapat manjadi kapitalis kepada pembangunan di kawasan pertumbuhan baharu. Sinergi ini diperkasakan lagi dengan perluasan perkhidmatan DRT yang dapat memperluaskan akses pengangkutan, menghubungkan komuniti kepada rangkaian Smart Selangor demi memacu produktiviti serta melonjakkan aktiviti ekonomi di segenap pelosok negeri.


60
60

5.3
Senarai Inisiatif Misi 2

10
Jumlah Inisiatif

Termasuk
3
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Pembangunan Ekonomi Berasaskan Daerah	
Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	Inisiatif ini adalah untuk membangunkan semula Kompleks Sukan Shah Alam seluas 156 ekar menjadi kompleks sukan bersepadu bertaraf antarabangsa yang dibiayai oleh mekanisme pertukaran tanah bernilai RM200 juta dan pembiayaan terjamin RM2.74 bilion, dijangka menjana pekerjaan pelbagai sektor dan meningkatkan nilai hartanah sekitar kawasan KSSA.
Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Selangor	Melalui Pelan Induk Pelancongan Selangor 2026–2030 dan enam projek pelancongan utama termasuk pemulihan *Gap Rest House*, naik taraf Taman Eko Rimba Kanching, sukan ekstrem Bukit Takun dan transformasi budaya Lorong Gopeng Klang, inisiatif ini bertujuan menjadikan Selangor antara tiga negeri pelancongan lestari teratas di Malaysia menjelang 2030, dengan sumbangan pelancongan menyasarkan 15% daripada KDNK negeri menjelang 2035.
Pelancongan Sukan Permotoran	Memanfaatkan kehadiran Sepang International Circuit dan Litar Rakyat Kuala Selangor, inisiatif ini memacu ketibaan pelancong melalui acara sukan permotoran seperti RXZ Gathering yang dijangka menjana RM50 juta hasil tahunan kepada peniaga kecil dan memperkukuh kedudukan Selangor sebagai destinasi pelancongan sukan permotoran.

Nama Inisiatif	Butiran
Kluster Eko-Pelancongan	Inisiatif ini membangunkan Geopark Gombak-Hulu Langat seluas 112,955 hektar yang merangkumi 20 geotapak sebagai kelompok pelancongan warisan dan eko-pelancongan utama Selangor. Inisiatf ini menyasarkan pengekalan pengiktirafan UNESCO, pertumbuhan ketibaan pelancong geopelancongan sebanyak 10% setahun dan hasil kumulatif RM50 juta menjelang 2030.
Sabak Bernam Development Area (SABDA)	• Pembangunan Anjung Utara Selangor melalui Sabak Bernam Development Area (SABDA) merupakan satu pendekatan pembangunan wilayah yang mengintegrasikan sektor pertanian, perikanan, pelancongan, logistik dan pemuliharaan alam sekitar bagi mewujudkan sebuah koridor ekonomi yang mampan, berdaya saing dan inklusif. Pemangkin utama kepada transformasi ini ialah Anjung Utara Selangor Biosphere Reserve (AUSBR) yang merangkumi keseluruhan Daerah Sabak Bernam serta sebahagian Daerah Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Berlandaskan pendekatan UNESCO Man and the Biosphere (MAB), AUSBR mengimbangi usaha pemuliharaan biodiversiti dengan pembangunan sosioekonomi, sekali gus meningkatkan nilai strategik Anjung Utara Selangor sebagai destinasi pelaburan, pelancongan dan pembangunan lestari bertaraf antarabangsa. • Pelaksanaan inisiatif strategik seperti Pelabuhan Pendaratan Bersepadu Sekinchan, Zon Industri Perikanan Sungai Lang, Pusat Pengumpulan Hasil Tani, Eko Pelancongan Ban Canal, Pembangunan Semula Rumah Rehat Sabak Bernam, R&R Air Manis dan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam, serta Jambatan Sungai Air Tawar – Hutan Melintang akan saling melengkapi dalam membentuk rantaian nilai ekonomi yang menyeluruh.
Integrated Development Region in South Selangor (IDRISS)	• Objektif IDRISS adalah untuk memacu pertumbuhan dua daerah di selatan Selangor, iaitu Sepang dan Kuala Langat, melalui pengelompokan industri serta memanfaatkan kedudukannya yang berdekatan dengan Carey Port dan KLIA. Lima projek utama menjadi teras pelaksanaan, iaitu Amverton Cove Eco-Integrated seluas 1,500 ekar, Sepang Gold Coast Global Village seluas 850 ekar, Hab AgTech dan Sains Hayat Bersepadu bagi penyelidikan agriteknologi dan keselamatan makanan, Able Global Complex sebagai pembangunan perindustrian bersepadu, dan NCT Smart Industrial Park. • Secara kolektif, projek ini bertujuan menjana pertumbuhan KDNK daerah, mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi, menarik pelaburan dalam sektor industri, logistik dan agriteknologi. Inisiatif ini juga menyokong usaha meletakkan selatan Selangor sebagai zon pertumbuhan ekonomi baharu yang berdaya saing dan bersepadu.

Nama Inisiatif	Butiran
Pelabuhan Carey & Carey Selangor	• Carey Port dan Carey Selangor dirangka untuk menjadikan kawasan Pulau Carey sebagai hab pelabuhan dan logistik bertaraf antarabangsa melalui pembangunan pelabuhan baharu dengan kapasiti 30 hingga 36 juta TEU setahun serta Pelan Induk Carey Selangor yang menyatukan pembangunan di sekitar pelabuhan tersebut bagi menarik pelaburan ke daerah Kuala Langat. • Bagi melengkapkan usaha ini, naik taraf Terminal Cruise Pelabuhan Klang akan menjadikannya terminal *Roll-on/Roll-off* (RoRo) pertama di Malaysia yang mampu menempatkan dua kapal persiaran secara serentak, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan baharu, memacu pertumbuhan ekonomi tempatan dalam sektor logistik, makanan dan hospitaliti, serta mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai pintu masuk utama ke Malaysia dan ASEAN.
Zon Pembangunan Ekonomi – Selangor Maritime Gateway (ZPE-SMG)	• ZPE SMG bertujuan menjadikan koridor Sungai Klang sebagai zon pertumbuhan ekonomi bersepadu yang menggabungkan pembangunan tepi sungai, eko pelancongan dan pelaburan swasta melalui tiga projek utama, iaitu pembangunan semula Kampung Fajar, peningkatan Taman Rekreasi Mangrove Point (Magika Studios) sebagai destinasi edutainment yang berinspirasikan warisan Melayu, serta rehabilitasi tapak bekas pelupusan Teluk Kapas dengan cadangan pembangunan ladang solar sebagai langkah interim. • Usaha ini dibangunkan untuk menghasilkan pembangunan tepi sungai yang mampan, perumahan mampu milik, penambahbaikan kualiti persekitaran sungai serta mitigasi banjir, sekali gus menjadikan koridor Sungai Klang sebagai aset pembangunan yang memberikan manfaat nyata kepada komuniti setempat.
Mobiliti	
Selangor *Mobility*	Melalui perluasan zon DRT ke semua 12 PBT serta pelaksanaan sistem pengurusan tempat letak kereta pintar Selangor Intelligent Parking (SIP), inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesalinghubungan jarak terakhir dan mobiliti bandar melalui penyelesaian pengangkutan fleksibel berasaskan teknologi, sekali gus mengurangkan kesesakan, memperluas akses kepada pengangkutan awam, dan menyokong matlamat mewujudkan bandar yang berdaya huni di Selangor.
Pelaksanaan Pelan Induk Mobiliti Negeri Selangor	Inisiatif ini menyediakan pelan tindakan pengangkutan bersepadu dan berasaskan data merentas semua 12 PBT yang menekankan pengurusan kesesakan, penyelesaian jarak terakhir yang lancar, serta peningkatan infrastruktur pejalan kaki dan hab pertukaran mod pengangkutan, bagi memastikan sistem mobiliti Selangor kekal berdaya saing dan inklusif selaras dengan visi Bandar Pintar negeri.

Nama Inisiatif	Butiran
Inisiatif Strategik Lain	
Jajaran Rel Selangor	Jajaran Rel Kita Selangor bertujuan menghubungkan daerah utara Selangor seperti Sabak Bernam dan Hulu Selangor ke kawasan selatan negeri melalui landasan standard yang serasi dengan ECRL bagi mengurangkan masa perjalanan secara ketara, menyokong pembangunan ekonomi melalui pengangkutan bakat dan barangan, serta membuka potensi kawasan yang selama ini kurang mendapat akses daripada arus pertumbuhan negeri.
Anjung Utara Selangor (dahulunya KUSDEZ)	Inisiatif ini bertujuan menjadikan Anjung Utara Selangor sebagai hab pertumbuhan ekonomi serantau baharu di Kuala Selangor dan Sabak Bernam sekali gus memanfaatkan kedudukannya yang strategik berhampiran Pelabuhan Klang, Pulau Carey dan hab automotif untuk menarik pelaburan dalam sektor logistik, agriteknologi dan industri hijau, serta mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.
Pelaksanaan Pelan Induk Jaringan Jalan dan Lebuhraya (JALUR)	Pelan induk ini menyediakan hala tuju strategik yang komprehensif untuk pembangunan jaringan jalan raya dan lebuh raya di Selangor, yang merangkumi naik taraf jalan sedia ada, pembinaan sambungan jalan baharu serta pengenalpastian koridor pengangkutan alternatif, bagi meningkatkan tahap perkhidmatan jalan raya, mengurangkan kesesakan dan menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan.



5.4
Strategi Spatial Misi 2

1. Pembangunan Ekonomi Berasaskan Tempat yang Strategik

Memacu pertumbuhan melalui zon pembangunan utama:

- IDRISS – *Integrated Development Region in South Selangor*
- Anjung Utara Selangor (dahulunya KUSDEZ)
- SABDA – Sabak Bernam *Development Area*
- ZPE-SMG – Zon Pembangunan Ekonomi – Selangor Maritime Gateway

---

2. Destinasi Pelancongan & Rekreasi

Membangunkan hab pelancongan berasaskan tempat merentas Selangor:

- Sukan & Acara: Shah Alam
- Pelancongan Sukan Permotoran: Sepang, Kuala Selangor
- Eko-Pelancongan: Gombak, Hulu Langat
- Pelancongan Pesisir & Agro: Sabak Bernam, Kuala Langat
- Pelancongan Maritim: Port Klang

---

3. Mobiliti Bersepadu & Kebolehcapaian Pelancongan

Mengukuhkan perhubungan antara destinasi pelancongan melalui:

- Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di sekitar stesen rel berhampiran destinasi pelancongan
- Menyepadukan kemudahan pelancongan, runcit dan ruang awam
- Mewujudkan persekitaran yang mesra pejalan kaki dan pelawat
- Meningkatkan perhubungan pengangkutan awam melalui proses peluasan perkhidmatan *Demand-Responsive Transit* (DRT)

---


4. Kelompok Pelancongan Bersepadu

Mengukuhkan hubungan antara destinasi pelancongan melalui koridor pelancongan:

- Koridor Sukan & Acara (Shah Alam – Petaling – Klang)
- Koridor Pelancongan Sukan Permotoran & Pesisir (Sepang – Carey – Port Klang)
- Koridor Agro-Pelancongan Utara (Sabak Bernam – Sekinchan – Kuala Selangor)

Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Berasaskan Tempat Melalui Mobiliti Bersepadu

Memperkukuh pembangunan ekonomi melalui pembangunan destinasi sukan, pelancongan dan rekreasi berasaskan kelompok tempat yang strategik. Inisiatif ini disokong oleh rangkaian mobiliti bersepadu, kesalinghubungan rel dan pembangunan berorientasikan transit bagi memastikan kebolehcapaian yang lebih baik untuk penduduk tempatan dan pelawat antarabangsa.



TBG Terminal Bersepadu Gombak

TBS Terminal Bersepadu Selatan

TBU Terminal Bersepadu Utara

TSA Terminal Shah Alam

Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)

5.5
Kesimpulan Misi 2

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 2

Memastikan pembangunan yang lebih seimbang merentas semua daerah

Memberi fokus kepada pengagihan peluang ekonomi dan infrastruktur secara lebih adil agar semua kawasan, termasuk bandar dan luar bandar, dapat berkembang seimbang.

Memanfaatkan potensi ekonomi setiap daerah berdasarkan kekuatan tempatan

Memanfaatkan pengkhususan sektor seperti pertanian, logistik, pelancongan dan mobiliti bagi mengaktifkan pertumbuhan inklusif di setiap kawasan.

Memperkukuh kesalinghubungan untuk merapatkan jurang antara daerah

Meningkatkan mobiliti dan akses antara daerah bagi memudahkan pergerakan bakat, barangan dan peluang ekonomi secara lebih menyeluruh.

Dengan memanfaatkan potensi setiap daerah serta menghubungkan ekosistem tempatan kepada peluang yang lebih meluas, Misi 2 memastikan pertumbuhan Selangor tidak hanya tertumpu di pusat-pusat bandar utama, malah turut dirasai hingga ke seluruh pelosok negeri. Setiap koridor yang dibangunkan, setiap jaringan yang diperkasa, dan setiap komuniti yang diperkasa mencerminkan iltizam bahawa kemajuan Selangor hanya benar-benar bermakna apabila kemakmuran dapat dinikmati secara inklusif oleh seluruh rakyat di setiap daerah.


AJ2A
SRI NILAM
TAMAN CAHAYA
WB 4472 S



Bab 06

Misi 3

Negeri Penyayang dan Berdaya Huni

6
Misi 3: Negeri Penyayang dan Berdaya Huni

Seiring dengan arus pembandaran yang semakin pesat, kualiti hidup rakyat mesti kekal sebagai keutamaan negeri. Kejayaan Selangor tidak harus diukur semata-mata melalui pertumbuhan ekonomi, tetapi juga melalui kesejahteraan sebenar rakyatnya menerusi kehidupan yang mampu milik, komuniti yang kukuh, serta persekitaran yang selamat dan sihat.

Berteraskan keutamaan ini, Misi 3 digubal bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, dengan memastikan setiap individu tanpa mengira latar belakang dapat menikmati kehidupan yang bermakna.

Pada masa kini, Selangor berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial yang semakin kompleks termasuk populasi yang semakin menua, peningkatan penyakit kronik tidak berjangkit, tekanan terhadap kesihatan mental, kesesakan bandar dan keterjangkauan perumahan. Misi ini dirangka untuk menangani cabaran-cabaran ini secara bersepadu melalui usaha memperluaskan jaringan perlindungan sosial kepada golongan yang memerlukan, memperkukuh akses kepada perkhidmatan kesihatan pencegahan, menggalakkan gaya hidup aktif merentas semua peringkat usia, serta meningkatkan mobiliti bandar dan penglibatan komuniti. Dalam konteks negeri yang semakin berbilang generasi, tahap daya huninya bergantung kepada jumlah sejauh mana setiap lapisan masyarakat merasa disokong, terhubung dan terpelihara.

Kesejahteraan rakyat bukan sesuatu konteks yang abstrak, ia boleh diukur melalui indikator yang jelas. Menjelang tahun 2030, Selangor beriltizam mencapai kedudukan yang lebih baik dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), mencerminkan komitmen negeri bahawa kemajuan yang sebenar adalah kemajuan yang dapat dirasai dalam kehidupan seharian rakyat.

Misi 3 mencerminkan teras RS-2 yang paling hampir dengan kehidupan rakyat bahawa kesejahteraan adalah hak sejagat yang mesti dapat dinikmati oleh rakyat di setiap pelosok negeri. Dengan membina komuniti yang inklusif, berdaya tahan dan sihat, Selangor membuktikan bahawa pembangunan yang bermakna bukan sekadar diukur melalui infrastruktur yang dibina, tetapi melalui kehidupan yang diperbaiki.

Misi 3 berhasrat meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pemerkasaan keterjangkauan dan kebolehdiaman, serta memajukan kesejahteraan secara menyeluruh.

6.1
Gambaran Keseluruhan Misi 3

Membina Selangor sebagai negeri yang penyayang, berdaya tahan dan berdaya huni, dengan memastikan setiap penduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, komuniti yang inklusif serta menikmati kehidupan yang berkualiti di setiap peringkat usia.

5 Bidang Keutamaan:

- Perumahan & Komuniti
- Kos Sara Hidup
- Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan Keluarga
- Budaya & Warisan
- Belia & Sukan

25 Jumlah Inisiatif

4 Inisiatif Utama:

- Rumah Mampu Milik
- *Skim Smart Sewa to Ownership (2STAY)*
- Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah
- Iltizam Selangor Sihat dan Inisiatif Rawatan

1 Sasaran:

- Kenaikkan Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



6.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah meletakkan asas pembangunan sosial Selangor melalui pelaksanaan program kesejahteraan utama seperti Iltizam Selangor Penyayang, inisiatif kesihatan mental dan sokongan perumahan yang memberikan manfaat bersasar kepada kumpulan berpendapatan rendah, kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Walaupun kemajuan secara umumnya konsisten, kajian separuh penggal mendedahkan bahawa cabaran baharu seperti penuaan populasi, peningkatan penyakit kronik dan tekanan kehidupan bandar memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu.

Pengalaman ini menjadi asas kepada penggubalan Misi 3 RS-2, yang melangkaui pendekatan yang menyokong golongan yang memerlukan dalam membina ekosistem kesejahteraan yang inklusif dan berdaya tahan untuk semua lapisan masyarakat Selangor.

6.1.2
Peralihan kepada RS-2

Selaras dengan perubahan demografi dan trend kesihatan yang semakin ketara, RS-2 memperluas skop sistem sokongan sosial negeri bagi menangani cabaran penuaan populasi, peningkatan prevalens penyakit kronik tidak berjangkit, serta tekanan kehidupan di bandar termasuk kesesakan, isu kesihatan mental dan keterjangkauan perumahan.

Seiring dengan perkembangan Selangor sebagai sebuah negeri yang pesat membangun dan merentas berbilang generasi, Misi 3 berhasrat menjadikan negeri ini lebih berdaya huni melalui pembentukan komuniti yang inklusif, terhubung dan berdaya tahan melalui pengukuhan akses kepada perkhidmatan kesihatan pencegahan dan kesejahteraan mental, penggalakan gaya hidup aktif dan sihat merentas semua peringkat usia, sokongan kepada komuniti terdedah serta pengukuhan sistem perlindungan sosial, di samping peningkatan mobiliti bandar, kualiti perumahan dan penglibatan komuniti.

Keseluruhannya, Misi 3 menjadi tonggak kepada aspirasi RS-2 untuk memastikan kemajuan Selangor benar-benar dirasai dalam kehidupan seharian rakyat.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 3

Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) Negeri Selangor

120 (Menjelang 2030)

Selangor menyasarkan peningkatan kedudukan dalam Mata Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) sebagai cerminan komitmen negeri untuk memastikan kemajuan diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan dalam kehidupan seharian rakyat.

Menjelang tahun 2030, Selangor akan meningkatkan kualiti hidup melalui penyediaan persekitaran hidup yang mampu milik, hubungan komuniti yang kukuh dan persekitaran yang selamat. Perumahan mampu milik akan menyokong komuniti yang berkembang maju, manakala inisiatif menangani kos sara hidup akan membantu meringankan beban golongan rakyat yang memerlukan. Akses kepada perkhidmatan kesihatan, pengukuhan kesejahteraan keluarga serta pemupukan penglibatan komuniti yang kukuh melalui sukan dan budaya akan menyumbang kepada kesejahteraan yang menyeluruh dan berterusan.



6.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 3

Misi ini dilaksanakan melalui 2 strategi utama. Strategi 1 yang merangkumi 2 Bidang Keutamaan dan Strategi 2 yang merangkumi 3 Bidang Keutamaan, bagi mewujudkan Selangor sebagai negeri penyayang, berdaya huni dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.



6.2.1
Strategi 1: Meningkatkan Keterjangkauan dan Kebolehdiaman Bandar

Selangor sedang berhadapan dengan tekanan urbanisasi yang pesat, yang memberi kesan kepada golongan B40 dan M40 bawahan. Antara cabaran utama termasuklah akses mendapatkan perumahan mampu milik, menampung kos sara hidup, dan mengakses sistem pengangkutan yang boleh dipercayai.

Strategi ini digubal bagi membina Selangor menjadi negeri yang lebih inklusif dan berdaya huni melalui pendekatan yang berteraskan rakyat bagi mengurangkan beban isi rumah, meningkatkan kualiti hidup dan menangani ketidaksamaan ruang melalui perancangan serta pelaburan yang lebih bersasar.

Tumpuan diberikan kepada empat paksi utama. Pertama, meringankan kos sara hidup melalui bantuan berasaskan kitaran hidup dan akses kepada barangan serta perkhidmatan mampu milik. Kedua, mengukuhkan akses perumahan melalui bekalan perumahan mampu milik, model sewa-ke-milik dan pembaharuan flat bandar. Ketiga, memperluas pilihan mobiliti yang saksama termasuk pengangkutan responsif permintaan dan kesalinghubungan jarak pertama. Keempat, menaik taraf infrastruktur bandar dan kemudahan sosial di kawasan yang kurang mendapat perhatian.

Melalui pengukuhan pengawasan pintar dan penyelarasan penguatkuasaan undang-undang, bagi memastikan persekitaran kehidupan bandar yang selamat, teratur dan bermartabat.

Secara keseluruhannya, keempat-empat paksi ini bertujuan menjadikan bandar-bandar di Selangor lebih mampu milik, terhubung dan layak didiami oleh semua lapisan masyarakat.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 1



Perumahan & Komuniti

Perumahan mampu milik dan selamat akan diperluas melalui pengukuhan bekalan Rumah Mampu Milik, penyediaan model sewa-ke-milik yang inovatif, serta peningkatan kebolehdiaman bandar melalui naik taraf dan pembaharuan perumahan strata dan flat awam yang semakin uzur, bagi memastikan setiap rakyat Selangor mempunyai tempat tinggal yang selamat dan bermartabat.



Kos Sara Hidup

Intervensi bersasar dan bersepadu akan dilaksanakan bagi meringankan beban kewangan isi rumah melalui sokongan berasaskan kitaran hidup, pengukuhan akses kepada perkhidmatan asas mampu milik, serta keterjaminan bekalan makanan, dan inisiatif komuniti seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

6.2.2
Strategi 2: Memajukan Komuniti Inklusif dan Kesejahteraan Menyeluruh

Kemajuan ekonomi Selangor perlu seiring dengan komitmen yang teguh terhadap kesejahteraan sosial rakyat, kerana kemajuan sesebuah masyarakat tidak hanya diukur melalui pendapatan dan infrastruktur, tetapi juga melalui kualiti hidup, kesinambungan budaya dan rasa kekitaan yang dirasai oleh setiap individu.

Strategi ini mengiktiraf bahawa keluarga dan komuniti merupakan tunjang kepada negeri yang berdaya tahan dan inklusif. Dengan mengukuhkan dasar mesra keluarga, memperkasa infrastruktur komuniti dan memperluas sistem sokongan sosial, Selangor komited memastikan tiada rakyat yang tercicir dalam arus kemajuan negeri.

Strategi ini dilaksanakan melalui tiga bidang keutamaan yang menawarkan intervensi berimpak tinggi melalui kerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan dan rakan strategik negeri.

Kesejahteraan dalam strategi ini ditakrifkan secara menyeluruh, merangkumi akses kepada penjagaan kesihatan, program kesihatan mental, infrastruktur gaya hidup aktif dan penyertaan inklusif merentas semua peringkat usia dan latar belakang.

Dengan memupuk perpaduan sosial dan solidariti antara generasi, Selangor komited membina asas kemakmuran jangka panjang yang bukan sahaja kukuh dari segi ekonomi, tetapi juga diperkaya dengan nilai kekitaan dan kesinambungan budaya sebagai identiti negeri.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 2

Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan Keluarga

Program saringan mampu milik, peluasan inisiatif kesihatan kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan, serta sokongan perkhidmatan kesihatan yang disesuaikan untuk belia dan keluarga akan diperkukuh bagi membina ekosistem kesihatan yang menyeluruh, merangkumi keseimbangan antara kesihatan fizikal dengan kesejahteraan rakyat.

Budaya & Warisan

Ruang seni yang inklusif, pendidikan dan kesedaran budaya, serta inisiatif warisan berasaskan komuniti yang meraikan tradisi kaya Selangor menjadi asas kepada pembinaan rasa keterikatan dan identiti bersama, seterusnya melahirkan masyarakat yang lebih padu, prihatin dan saling menghormati.

Belia & Sukan

Infrastruktur sukan dan rekreasi yang diperluas, bersama sokongan pembangunan bakat dan kepimpinan, serta pengaktifan program berasaskan belia menjadi pelaburan strategik dalam membangunkan potensi generasi muda Selangor melalui pembentukan watak, semangat berpasukan dan daya tahan.



6.3
Senarai Inisiatif Misi 3

25
Jumlah Inisiatif

Termasuk
4
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Perumahan & Komuniti	
Rumah Mampu Milik	Inisiatif ini menyediakan pilihan perumahan mampu milik yang berpatutan dan strategik untuk isi rumah B40 dan M40 melalui Rumah Selangorku dan Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik dengan sasaran pembinaan sebanyak 200,000 unit menjelang 2029. Selain itu, Projek Rumah Idaman turut diusahakan oleh PNSB bagi memperluas penawaran perumahan berkualiti kepada rakyat.
Skim Smart Sewa To Ownership (2STAY)	Inisiatif ini menyediakan laluan anjal ke arah pemilikan rumah melalui skim sewa berstruktur berkonsepkan sewa-ke-milik bagi keluarga muda dan pekerja bandar di samping memperkukuh kestabilan perumahan sambil membina kapasiti kewangan untuk pemilikan masa hadapan.
Naik Taraf dan Penyelenggaraan Rumah	Inisiatif ini memberi tumpuan kepada naik taraf infrastruktur perumahan awam yang uzur melalui Skim Ceria dan program pembangunan kapasiti JMB/MC bagi mewujudkan persekitaran kediaman yang lebih selamat, bersih dan bermartabat di kawasan berpenduduk padat.

Nama Inisiatif	Butiran
Peningkatan Kebolehhidupan Bandar Strata	Inisiatif ini mempercepatkan pengeluaran hak milik strata dan menghidupkan semula semangat gotong-royong dalam komuniti perumahan bertingkat melalui Dana Strata Selangor dan Program Rewang Komuniti Strata sekali gus memperkukuh jaminan hak milik pemilik rumah serta perpaduan komuniti setempat.
Projek Pembaharuan Semula Bandar dan Pengangkutan Bersepadu	Inisiatif ini mentransformasikan kawasan bandar usang dan berpotensi tinggi di SGKV melalui pembaharuan bandar dan pembangunan pengangkutan bersepadu bagi meningkatkan nilai hartanah, kualiti hidup dan peluang ekonomi setempat.
Pendigitalan Masjid	Inisiatif ini memodenkan infrastruktur masjid Selangor melalui penyepaduan teknologi digital untuk keselamatan, tadbir urus dan penyampaian kandungan agama sekali gus memperkukuhkan peranan masjid-masjid di Selangor sebagai pusat keagamaan yang progresif, inklusif dan telus.
Gagasan Rumpun Selangor 2.0	Inisiatif ini memperkukuh perpaduan dan jati diri Selangor melalui penglibatan komuniti merentas sembilan daerah, dengan menonjolkan kepelbagaian budaya, memperkasa kepimpinan tempatan serta memupuk identiti negeri yang bersatu padu.
Program Kampung Baru Maju 2030	Inisiatif ini memacu pemodenan 20 Kampung Baru terpilih secara bersepadu menjelang 2030 melalui pelan induk pembangunan, penaiktarafan infrastruktur asas, pembangunan *Smart Kampung Hub*, pengukuhan ekonomi komuniti serta pemeliharaan warisan dan budaya bagi membentuk komuniti yang mampan, berdaya huni dan inklusif.

Nama Inisiatif	Butiran
Program Pembangunan Orang Asli	Inisiatif ini melengkapkan usaha JAKOA dalam membangunkan komuniti Orang Asli Selangor secara menyeluruh melalui pengukuhan infrastruktur, pendidikan, kesihatan, keusahawanan serta pemeliharaan warisan budaya.
Indeks Pelbagai Dimensi untuk Kemiskinan Bandar	Inisiatif berasaskan data ini membangunkan indeks kemiskinan bandar yang komprehensif untuk komuniti PPR Selangor bagi menyediakan asas pengukuran yang kukuh dalam memandu dasar dan program pengurangan kemiskinan secara lebih tepat dan berkesan.
Kos Sara Hidup	
Program Bantuan dan Sokongan Isi Rumah	Inisiatif ini menyediakan sokongan kewangan langsung kepada isi rumah B40 dan komuniti terdedah melalui program seperti BINGKAS+, TUNAS dan TAWAS bagi mengukuhkan daya tahan isi rumah terhadap tekanan kos sara hidup.
Program Akses Komuniti Makanan	Inisiatif ini memperkukuh keselamatan makanan dan keterjangkauan barangan keperluan asas untuk isi rumah berpendapatan rendah melalui *Food Bank Selangor*, Jualan Ehsan Rahmah Madani dan Jom Shopping Perayaan bagi memastikan isi rumah berpendapatan rendah dapat memenuhi keperluan harian dengan mampu milik dan mencukupi.
Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan Keluarga	
Iltizam Selangor Sihat dan Inisiatif Rawatan	Inisiatif ini memperluas akses kepada rawatan kesihatan yang mampu milik dan berkualiti untuk golongan B40 melalui pelaksanaan skim perlindungan kesihatan seperti Iltizam Selangor Sihat, Bantuan Sihat Selangor, Iltizam Sihat Selangor Penjawat Awam, Skim Rawatan Jantung dan Skim Rawatan Tuberculosis, mengurangkan beban kewangan kesihatan dan memperkukuh ekuiti penjagaan kesihatan di seluruh negeri.

Nama Inisiatif	Butiran
Selangor Keluarga Sejahtera	Inisiatif ini memperkukuh institusi keluarga melalui program PEKERTI, Kasih Keluarga Ceria, Pemerkasaan Bapa serta pendidikan perkahwinan dan keibubapaan, bagi membina unit keluarga yang lebih berdaya tahan di samping memupuk keibubapaan bertanggungjawab, komunikasi keluarga yang sihat dan kesejahteraan mental di peringkat isi rumah.
Tadbir Urus dan Peraturan Ekonomi Penjagaan	Inisiatif ini mewujudkan rangka kerja undang-undang dan tadbir urus sektor penjagaan melalui *Selangor Care Services Enactment*, sistem akreditasi QIAS dan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Perkhidmatan Penjagaan, bagi memastikan standard perkhidmatan yang berkualiti, telus, selamat dan tanggungjawab bagi pembekal dan penerima perkhidmatan penjagaan di Selangor.
Pelaburan dan Perkongsian Ekonomi Penjagaan	Inisiatif ini mewujudkan mekanisme pembiayaan penjagaan jangka panjang yang mampan melalui Tabung Ehsan Penjagaan, Skim Perlindungan Takaful Am Keluarga dan Dasar Tempat Kerja Mesra Keluarga, bagi memastikan keluarga yang menjaga warga emas, OKU dan pesakit kronik mendapat perlindungan kewangan yang mencukupi.
Program Mental Sihat Selangor	Inisiatif ini bertujuan memperkukuh daya tahan kesihatan mental rakyat Selangor melalui talian hotline kesihatan mental, kempen kesedaran awam dan perkhidmatan sokongan psikososial berasaskan komuniti, bagi mengurangkan stigma, meningkatkan literasi kesihatan mental dan memastikan intervensi awal yang lebih mudah diakses.
Inisiatif Saringan Kesihatan	Inisiatif ini memperluas akses kepada saringan kesihatan awal bagi penyakit kronik tidak berjangkit dan risiko berkaitan penuaan melalui Program Selangor Saring dan Saringan Kesihatan Warga Emas, bagi menggalakkan pengesanan awal, pengubahsuaian gaya hidup dan pengurusan kesihatan jangka panjang.

Nama Inisiatif	Butiran
Pencegahan Penyakit dan Kawalan Vektor	Inisiatif ini mengukuhkan pengawasan, pengesanan awal dan kawalan vektor secara bersepadu melalui Program Kawalan dan Pencegahan Denggi, bagi mengurangkan insiden penyakit bawaan vektor seperti denggi melalui penguatkuasaan aktif dan penglibatan komuniti di kawasan berisiko tinggi.
Selangor Mesra Warga Emas	Inisiatif ini memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk warga emas Selangor melalui Khairat Darul Ehsan, Skim Mesra dan Iltizam Emas Selangor, bagi menyediakan perlindungan kewangan, perkhidmatan penjagaan berasaskan komuniti dan sokongan psikososial bagi memastikan penuaan yang bermartabat dan aktif.
Inisiatif Kesejahteraan Inklusif	Inisiatif ini memperkukuh pengesanan awal, intervensi terapeutik dan pembangunan inklusif untuk kanak-kanak kurang upaya melalui Cerebral Palsy Care Unit, Saringan Anis, Bantuan Khas dan Pusat ANIS, bagi memastikan setiap kanak-kanak mempunyai peluang yang saksama untuk berkembang tanpa mengira keupayaan.
Budaya & Warisan	
Pemeliharaan Budaya dan Warisan	Inisiatif ini memelihara dan menghidupkan semula warisan sejarah dan budaya Selangor melalui Muzium Setem Selangor, Shah Alam *Contemporary and Modern Art*, Muzium Tekstil dan pemulihan Istana Bandar Kuala Langat, bagi memperkukuh identiti komuniti, menggalakkan pelancongan budaya dan memastikan warisan negeri terus diwarisi oleh generasi akan datang.

Nama Inisiatif	Butiran
Belia & Sukan	
Inisiatif Belia Inklusif	Inisiatif ini membangunkan kepemimpinan belia melalui platform Penggerak Belia Selangor (PeBS) dengan melahirkan pemimpin belia merentas daerah sebagai agen perubahan komuniti yang menyasarkan lebih 200 program tahunan.
Inisiatif Sukan Inklusif	Inisiatif ini membangunkan ekosistem sukan Selangor secara menyeluruh merangkumi program atlet berprestasi tinggi yang mengekalkan kedudukan tiga negeri teratas di SUKMA dan Para SUKMA, pengenalan sukan baharu di sekolah dan penganjuran acara sukan komuniti berskala besar yang menyatukan semua lapisan masyarakat.
1 Sukan 1 PBT	Inisiatif ini memformalisasikan pembangunan sukan komuniti di peringkat PBT dengan memastikan setiap pihak berkuasa tempatan menerajui sekurang-kurangnya satu sukan sekali gus memperluas akses kepada gaya hidup aktif, membina laluan sukan inklusif untuk OKU dan memperkukuh ekosistem sukan akar umbi secara bersepadu.



6.4
Strategi Spatial Misi 3

1. Pembangunan Perumahan Inklusif

Mengukuhkan perumahan mampu milik dan selamat terutama di kawasan Metropolitan SGKV:

- Rumah Mampu Milik
- Smart Sewa to *Ownership* (2STAY)
- Naik taraf & penyelenggaraan perumahan
- Transformasi kampung

---

2. Peningkatan Kejiranan Berdaya Huni

Meningkatkan kualiti persekitaran kediaman:

- Peningkatan kebolehhidupan strata
- Ruang komuniti dan keselamatan
- Program pembaharuan semula bandar
- Inisiatif kampung pintar

---

3. Penjagaan Kesihatan & Kesejahteraan yang Mudah Diakses

Memastikan akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan:

- Iltizam Selangor Sihat
- Program kesihatan mental
- Inisiatif saringan kesihatan
- Sokongan keluarga dan warga emas

---

4. Kesejahteraan Komuniti

Memperkukuh penyediaan kemudahan komuniti bersepadu dalam kejiranan:


- Kemudahan penjagaan kesihatan
- Pusat komuniti
- Kemudahan keagamaan
- Perkhidmatan sokongan sosial

Memperkasa pembangunan komuniti merentas kumpulan sasaran:

- Orang asli
- Komuniti belia
- Komuniti warga emas
- Komuniti rentan

Memperkukuh Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni Melalui Pembangunan Kejiranan Bersepadu

Meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan perumahan inklusif, penjagaan kesihatan yang mudah diakses dan kemudahan komuniti yang mencukupi yang dilaksanakan melalui perancangan kejiranan bersepadu dan pengagihan perkhidmatan yang saksama merentas seluruh Selangor.



Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)
2. DOSM 2025

6.5
Kesimpulan Misi 3

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 3

Meningkatkan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh

Fokus kepada kesejahteraan rakyat merangkumi kesihatan, perumahan, keselamatan dan kehidupan yang lebih bermakna untuk semua lapisan masyarakat.

Menjadikan bandar lebih mampu milik dan selesa didiami

Usaha tertumpu kepada penyediaan perumahan mampu milik, pengurangan kos sara hidup, peningkatan mobiliti bandar serta kemudahan awam yang lebih berkualiti.

Membina komuniti inklusif dan berdaya tahan

Memperkukuh sokongan sosial, kesihatan, budaya, pembangunan belia dan komuniti bagi memastikan tiada rakyat yang tercicir dalam arus pembangunan negeri.

Kemajuan yang sebenar dirasai dalam kehidupan seharian melalui penyediaan rumah yang mampu dimiliki, komuniti yang saling menyokong serta perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Misi 3 memastikan Selangor bukan sahaja maju dari segi ekonomi, tetapi juga menjadi negeri yang penyayang, berdaya huni dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.







Bab 07

Misi 4

Modal Insan Produktif dan Inklusif

7
Misi 4: Modal Insan Produktif dan Inklusif

Ekonomi berteraskan kemahiran dan pengetahuan memerlukan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir, tetapi juga serba boleh, berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan. Seiring aspirasi ke arah pertumbuhan mampan, Selangor komited untuk mengoptimumkan keseluruhan spektrum bakat negeri melalui pendekatan yang inklusif, berasaskan merit dan berpaksikan peluang saksama. Pendekatan ini memastikan setiap individu, tanpa mengira latar belakang, diberi ruang dan peluang untuk menyumbang secara bermakna serta berkembang dalam ekosistem ekonomi negeri.

Misi 4 mengangkat iltizam untuk memastikan tiada bakat tercicir. Penekanan diberikan kepada pembinaan ekosistem modal insan yang inklusif, penyediaan pendidikan berkualiti bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja, serta pengembangan kapasiti keusahawanan merentas semua segmen masyarakat. Pendekatan ini turut disokong oleh prinsip keterangkuman sosial bagi memastikan tiada kelompok bakat yang terpinggir daripada arus pembangunan ekonomi negeri.

Selangor memiliki asas modal insan yang kukuh, namun potensinya masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Misi ini penting kerana ia menangani jurang yang nyata antara keperluan industri dan kemahiran sedia ada, serta antara peluang yang tersedia dengan akses yang tidak saksama terhadap peluang tersebut. Dengan menyelaraskan pendidikan dan latihan kepada keperluan sektor masa depan, di samping memperkasa usahawan khususnya daripada kelompok yang kurang terwakili, Misi 4 membuka laluan yang lebih luas dan adil ke arah penyertaan ekonomi yang bermakna merentasi bidang keusahawanan, perusahaan halal dan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Kejayaan misi ini akan dirasai secara langsung dalam kehidupan rakyat. Menjelang 2030, Selangor menyasarkan pendapatan median isi rumah mencecah RM14,500 sebulan, sebagai penanda aras yang mencerminkan bukan sahaja pertumbuhan ekonomi, tetapi juga peningkatan taraf hidup yang nyata dan dinikmati secara meluas oleh seluruh masyarakat.

Sejajar dengan semangat RS–2, Misi 4 memperkukuh keyakinan bahawa kemajuan sebenar hanya bermakna apabila manfaatnya dirasai secara menyeluruh merentasi setiap daerah dan lapisan masyarakat. Melalui pelaburan berterusan dalam pembangunan bakat tempatan serta perluasan akses kepada peluang, Selangor menegaskan komitmennya untuk memacu pertumbuhan yang inklusif, progresif dan berdaya saing di peringkat nasional dan global.

Misi 4 memberi fokus kepada melahirkan tenaga kerja yang produktif, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan melalui akses saksama kepada pendidikan, latihan dan keusahawanan.

7.1
Gambaran Keseluruhan Misi 4

Selangor akan melahirkan tenaga kerja yang produktif dan inklusif tanpa mengira jantina, usia atau latar belakang agar dapat menyumbang semula kepada kemajuan ekonomi dan menikmati peningkatan kualiti hidup melalui pekerjaan yang mampan dan pembangunan keusahawanan yang berdaya saing.

4 Bidang Keutamaan:

- Penyertaan Tenaga Kerja
- Pendidikan & Latihan
- Keusahawanan
- Perusahaan Halal

23 Jumlah Inisiatif

5 Inisiatif Utama:

- Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (Selangor Kerjaya)
- Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan
- Pembangunan Bakat bagi Industri Berimpak Tinggi
- Platform Selangor (Pendigitalan Usahawan)
- Program Selangor Tech Xccelerator

3 Sasaran:

- Peningkatan Pendapatan Median
- Pengurangan Kadar Pengangguran
- Pertumbuhan KDNK (CAGR) Dipertingkat

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



7.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah membina ekosistem modal insan Selangor yang kukuh melalui program pendidikan, kemahiran dan keusahawanan seperti IKTISASS, Hijrah Selangor dan ILSC, berhasrat meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan menyokong pertumbuhan usahawan tempatan.

Namun, kajian separuh penggal mendedahkan jurang yang masih ketara, yang mana masih ramai graduan masih terjebak dalam pekerjaan tidak setara kelayakan, manakala penyertaan belia dalam sektor tidak formal berterusan. Ini menunjukkan bahawa akses kepada peluang sahaja tidak mencukupi tanpa penyelarasan yang lebih erat antara pendidikan, industri dan keusahawanan.

Realiti ini menjadi asas kepada Misi 4 RS-2, yang bergerak ditambah baik sekadar memperluas akses kepada memastikan setiap lapisan masyarakat benar-benar bersedia dan berupaya menyumbang secara bermakna kepada ekonomi masa depan Selangor.

7.1.2
Peralihan kepada RS-2

Berdasarkan asas yang telah dibina oleh RS-1, RS-2 berhasrat meningkatkan pembangunan modal insan Selangor dan mengukuhkan ekosistem bakat negeri secara menyeluruh.

Misi 4 menumpukan kepada empat bidang keutamaan iaitu penyertaan tenaga kerja, pendidikan dan latihan, keusahawanan serta PKS Halal, yang dijangka boleh meningkatkan kebolehpasaran, mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti dan memacu penyertaan ekonomi yang lebih saksama merentas semua lapisan masyarakat.

Pelaksanaannya berpaksikan kepada dua bidang intervensi: menyelaras pendidikan dan latihan dengan keperluan industri bagi membina tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan, dan memperkasa usahawan terutama daripada kelompok yang kurang mendapat perhatian untuk mengembangkan dan mengekalkan perniagaan mereka secara kukuh dan berdaya tahan.

Secara kolektif, usaha ini berhasrat membuka sepenuhnya potensi bakat Selangor dan memastikan setiap individu berupaya menyumbang semula kepada kemakmuran jangka panjang negeri.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 4

Pendapatan Median

RM14,500 (Menjelang 2030)

Selangor menyasarkan peningkatan pendapatan median isi rumah bagi mewujudkan pekerjaan berkualiti tinggi yang memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat.

Kadar Pengangguran

2.2% (Menjelang 2030)

Penyelarasan pendidikan dan latihan mengikut keperluan industri, Selangor beriltizam memastikan setiap individu mempunyai akses kepada peluang pekerjaan yang berkualiti.

Pertumbuhan KDNK (CAGR)

6.1% (2026–2030)


Pembangunan modal insan yang inklusif dan berdaya saing akan menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi Selangor yang mampan dan berterusan.

Menjelang 2030, Selangor berhasrat membina tenaga kerja yang dinamik, inklusif dan bersedia menghadapi masa hadapan bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pengukuhan penjajaran antara pendidikan, latihan dan keperluan industri serta perluasan akses kepada peningkatan kemahiran dan keusahawanan bagi memperkasa belia, wanita, orang kurang upaya dan pekerja tidak formal untuk menyertai ekonomi secara bermakna dan menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang.



7.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 4

Misi ini dilaksanakan melalui 2 strategi utama. Setiap strategi merangkumi 2 Bidang Keutamaan, bagi memastikan setiap individu di Selangor mempunyai peluang yang saksama untuk berkembang dan menyumbang kepada ekonomi masa hadapan.



7.2.1
Strategi 1: Membangun Tenaga Kerja Berkualiti dan Inklusif yang Selari dengan Keperluan Industri

Daya saing Selangor pada masa hadapan bergantung kepada keupayaannya membangunkan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir secara teknikal, tetapi juga tangkas, inovatif dan sentiasa selari dengan keperluan industri yang terus berkembang pesat.

Namun, trend pasaran buruh semasa mendedahkan cabaran yang semakin ketara termasuk peningkatan Pengangguran Berkaitan Kemahiran (PBK), iaitu fenomena yang mana graduan bekerja tidak setaraf dengan kelayakan mereka, peningkatan upah yang perlahan dengan kelayakan, penurunan penyertaan belia dalam pendidikan lanjutan, serta peningkatan pekerjaan tidak formal yang kurang perlindungan sosial. Cabaran-cabaran ini mengancam mobiliti sosioekonomi individu dan keupayaan jangka panjang negeri dalam mengekalkan pertumbuhan inklusif yang dipacu inovasi yang berterusan.

Strategi ini berhasrat mengalihkan tumpuan pembangunan tenaga kerja ke arah ekosistem bakat yang dipacu oleh permintaan tinggi dan inklusif, yang mana sistem pendidikan dan industri berhubung secara terus melalui kerjasama pembangunan kurikulum, program perantisan dan perkongsian maklumat pasaran buruh yang terkini.

Penyertaan inklusif menjadi teras strategi ini, dengan usaha untuk memastikan akses saksama bagi wanita, orang kurang upaya (OKU) dan komuniti terpencil dalam setiap program latihan dan pekerjaan.

Pembelajaran sepanjang hayat melalui pengiktirafan mikro-kelayakan, pensijilan jangka pendek dan pengulangan kemahiran secara modular akan membolehkan tenaga kerja sedia ada dan baharu menyesuaikan diri secara berterusan, bagi menjadikan Selangor sebuah negeri yang bukan sahaja bersedia untuk ekonomi masa hadapan bahkan relevan dalam menghadapinya.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 1



Penyertaan Tenaga Kerja

Menumpukan kepada pengurangan kadar pengangguran melalui peningkatan kemahiran bersasar dan akses yang lebih baik kepada pekerjaan berkualiti. Ia turut berhasrat meningkatkan penyertaan inklusif dengan menghapuskan jurang bagi wanita, orang kurang upaya dan pekerja tidak formal, sambil menggalakkan pemformalan dan perlindungan sosial yang lebih baik.



Pendidikan & Latihan

Penyelarasan antara sistem pendidikan dan keperluan industri semasa merupakan asas kepada pembinaan tenaga kerja yang relevan dan berdaya saing demi memastikan setiap graduan dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang diperlukan, disokong oleh pembelajaran sepanjang hayat dan kerjasama erat antara penyedia latihan, majikan dan kerajaan dengan menghasilkan tenaga kerja yang benar-benar bersedia menghadapi pasaran kerja masa hadapan.

7.2.2
Strategi 2: Membina Ekosistem untuk Usahawan Berkembang Secara Mampan

Selangor mempunyai bilangan pertubuhan PKS yang tertinggi di Malaysia. Namun sumbangan mereka kepada KDNK masih sederhana, mencerminkan isu struktural yang berterusan seperti penciptaan nilai yang rendah, penggunaan inovasi yang terhad, kapasiti penjenamaan yang lemah dan jangka hayat perniagaan yang pendek.

Strategi ini berhasrat mengubah realiti tersebut melalui pendekatan ekosistem yang menyeluruh dengan memperluas akses kepada modal, teknologi, pembangunan kemahiran dan infrastruktur perniagaan, sekali gus membolehkan PKS beralih daripada mod kelangsungan hidup kepada model pertumbuhan yang mampan dan berdaya saing.

Pengukuhan akses pembiayaan menjadi teras strategi ini, ia merangkumi kredit mikro berkadar faedah rendah untuk perusahaan kecil sehinggalah sokongan modal teroka kepada PKS berpotensi tinggi bagi memastikan setiap peringkat perniagaan mendapat sokongan yang sesuai dengan keperluan mereka.

Penggunaan alatan digital, automasi dan sistem data turut diperluaskan, terutama bagi pengeluar kecil, peniaga dan penyedia perkhidmatan, seiring dengan usaha memudahkan proses kawal selia bagi mengurangkan beban pematuhan yang selama ini menghalang perniagaan mikro daripada memasuki ekonomi formal.

Dengan menghubungkan usahawan kepada rantaian bekalan bernilai tinggi, program pemecut pertumbuhan dan pasaran antarabangsa, strategi ini berhasrat menjadikan ekosistem keusahawanan Selangor bukan sekadar gah dari segi bilangan, tetapi kukuh dari segi impak dan nilai yang dihasilkan.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 2

Keusahawanan

Sebuah ekosistem keusahawanan yang benar-benar inklusif memberi ruang kepada semua jenis perniagaan untuk berkembang daripada syarikat permulaan dan PKS hinggalah kumpulan yang terpinggir melalui pemerkasaan inovasi, akses kepada sumber dan jaringan pasaran yang lebih luas bagi memastikan tiada usahawan yang tersisih daripada peluang pertumbuhan yang mampan.

Perusahaan Halal

Ekosistem perusahaan halal Selangor berperanan sebagai platform pertumbuhan inklusif yang menyokong usahawan halal merentasi sektor, memastikan industri halal Selangor kekal berdaya saing dan relevan dalam pasaran tempatan dan global.



7.3
Senarai Inisiatif Misi 4

23
Jumlah Inisiatif

Termasuk
5
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Penyertaan Tenaga Kerja	
Majlis Kemahiran Pekerjaan Selangor (Selangor Kerjaya)	Majlis ini berperanan sebagai platform bersepadu yang menyelaraskan seluruh inisiatif pembangunan tenaga kerja negeri melalui penyelidikan pasaran buruh terkini, program pemadanan pekerjaan dan peningkatan kemahiran untuk pekerja tidak formal, dalam meningkatkan mobiliti kerjaya sekurang-kurangnya 50% daripada penyertaan keseluruhan.
Inisiatif Tenaga Kerja Peduli Selangor	Melalui program latihan penjaga warga emas, Akademi ANIS, IMPAK, *Selangor International Care Summit* dan *Selangor Care Accelerator Programme*, inisiatif ini memprofesionalkan tenaga kerja ekonomi penjagaan Selangor bagi meningkatkan akreditasi, memformalkan pekerjaan penjaga dan memperkukuh ekosistem penjagaan secara menyeluruh.
Pemerkasaan Wanita dalam Tenaga Kerja dan Kepimpinan	Melalui enam program bersepadu daripada Akademi Kepimpinan Wanita dan Usahanita Digital hingga *Career Comeback Programme* dan SIWANIS, inisiatif ini berhasrat menutup jurang jantina dalam pasaran buruh Selangor, memperkasa wanita untuk menyertai ekonomi secara bermakna dan menerajui kepimpinan di semua peringkat.

Nama Inisiatif	Butiran
Independent Living Support Centre (ILSC)	Pusat latihan dan sokongan khusus untuk OKU ini menyediakan laluan kemahiran, kesediaan pekerjaan dan keusahawanan bagi memupuk tenaga kerja yang inklusif dan berdikari sambil mengembangkan rangkaian majikan dan pusat peningkatan kemahiran yang menyokong penyertaan OKU dalam ekonomi arus perdana.
Pendidikan & Latihan	
Program Inisiatif Kemahiran Teknikal Ikhtisas dan Smart Selangor (IKTISASS)	Melalui empat kategori program, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), pensijilan profesional industri, kursus kemahiran jangka pendek dan pembangunan modul latihan, IKTISASS melengkapkan belia dan pencari kerja Selangor dengan kemahiran teknikal yang relevan dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan industri masa hadapan.
Pembangunan Bakat bagi Industri Berimpak Tinggi	Inisiatif ini menyelaraskan pembangunan bakat merentas empat sektor berimpak tinggi iaitu Pembuatan Termaju, Pengangkutan dan Logistik, Teknologi Hijau dan Teknologi Digital melalui kerjasama pelbagai agensi dalam pembangunan modul, latihan dan kolaborasi industri bagi membina saluran bakat yang memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan Selangor.
Biasiswa dan Tajaan Mahasiswa	Melalui BAYU, Selangor BITARA, HPIPT dan TKWBNS, inisiatif ini memperluas akses kepada pendidikan tinggi terutama untuk pelajar B40 dan M40 Selangor bagi mengurangkan kecicirian akibat kekangan ekonomi dan melahirkan graduan yang berdaya saing bagi industri bernilai tinggi.
Program Pemerkasaan Mahasiswa	Melalui geran penyelidikan, baucar buku, program pembangunan mahasiswa dan SISPRO, inisiatif ini memperkasa graduan Selangor secara menyeluruh dan bersedia menghadapi dunia pekerjaan, menggabungkan kemahiran insaniah, pengalaman industri sebenar dan budaya penyelidikan dan inovasi di kalangan pelajar universiti.

Nama Inisiatif	Butiran
Program Pemberdayaan Pelajar Sekolah	Melalui enam program bersepadu, daripada pemantapan STEM dan kepimpinan sekolah sehingga penguasaan 3M untuk pelajar berisiko keciciran, inisiatif ini membentuk pelajar yang menyeluruh dan berdaya tahan, disokong oleh peningkatan keupayaan guru bagi mewujudkan ekosistem pendidikan yang lebih inklusif, selamat dan berorientasikan masa hadapan.
Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	Inisiatif tuisyen percuma ini menyediakan sokongan akademik berkualiti untuk pelajar menengah Selangor, terutama dalam mata pelajaran teras SPM bagi memastikan pelajar dari semua latar belakang sosioekonomi mempunyai peluang yang saksama untuk melanjutkan pengajian dan membina prospek kerjaya yang lebih cerah.
Program Naik Taraf Kemajuan Infrastruktur Institusi Pendidikan Negeri dan Sekolah-sekolah	Inisiatif ini menambah baik infrastruktur fizikal dan digital institusi pendidikan Selangor, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, kondusif dan mesra OKU, di samping mengurangkan jurang infrastruktur antara institusi pendidikan bandar dan luar bandar.
Selangor University Network Council (SUNC)	Majlis Naib Canselor ini mewujudkan platform formal pertama untuk penglibatan berstruktur antara Kerajaan Negeri dan kepimpinan universiti awam dan swasta di Selangor, memastikan institusi pengajian tinggi selaras dengan keutamaan pembangunan negeri dan bergerak bersepadu ke arah matlamat bersama.
Keusahawanan	
Platform Selangor (Pendigitalan Usahawan) (PLATS)	Melalui empat komponen iaitu U-PLATS Digital, U-PLATS Halal, U-PLATS Expand dan PLATS Biaya, inisiatif ini melengkapkan usahawan mikro dan kecil dengan kemahiran digital, pensijilan halal, sokongan pengembangan perniagaan dan pembiayaan mikro, memperkukuh kemampanan dan kehadiran mereka dalam ekonomi digital.

Nama Inisiatif	Butiran
Program Selangor Tech Xccelerator	Melalui Retail-X dan Deep-X, inisiatif ini mempercepat transformasi perniagaan Selangor di kedua-dua hujung spektrum, memodenkan perniagaan runcit melalui penggunaan teknologi digital dan mempercepatkan pemasyhuran inovasi berteraskan kecerdasan buatan dan sains dalam kalangan syarikat permulaan berimpak tinggi.
GROW & GROW Plus (Keusahawanan untuk Siswazah)	Melalui program pembangunan berperingkat yang merangkumi latihan asas, bimbingan praktikal dan pengembangan perniagaan, inisiatif ini melahirkan usahawan graduan yang inovatif dan berdaya saing. Inisiatif ini turut memperkukuh akses pasaran, rangkaian strategik dan daya tahan PKS dalam ekosistem keusahawanan Selangor.
SAY ASPIRE (Program Sedia Export)	Program ini melengkapkan PKS muda dengan kemahiran eksport, penjenamaan dan pematuhan pasaran global bagi menyasarkan graduasi 100 PKS bersedia eksport menjelang 2030 dengan pertumbuhan jualan kumulatif sekurang-kurangnya RM20 juta.
SAY LEAD (Keusahawanan untuk OKU)	Program keusahawanan berstruktur khusus untuk OKU ini berhasrat melatih 500 usahawan OKU, melancarkan 150 perniagaan mikro baharu dan membolehkan 20% peserta berkembang ke tahap PKS, mengurangkan pergantungan kepada bantuan kebajikan dan memperkukuh penyertaan OKU dalam ekonomi arus perdana.
DANA PLUS oleh Hijrah Selangor (Pembiayaan Mikro Digital)	Usahawan Selangor kini berupaya mengakses pembiayaan mikro Hijrah Selangor secara lebih pantas dan efisien melalui aplikasi digital DANA PLUS, yang membolehkan keseluruhan proses daripada permohonan hingga kelulusan, perjanjian digital dan pengesahan identiti (eKYC) dilaksanakan dengan tempoh kelulusan sepantas 48 jam bagi pembiayaan sehingga RM10,000. Hijrah Selangor menawarkan produk pembiayaan inklusif sehingga RM50,000 iaitu NIAGA PLUS bagi usahawan individu dan SURI PLUS yang memfokuskan kepada pemerkasaan wanita secara berkumpulan. Hijrah Selangor menyasarkan untuk memperkasa 80,000 usahawan mikro dengan jumlah pembiayaan terkumpul melebihi RM1.2 bilion menjelang tahun 2030.

Nama Inisiatif	Butiran
Dana Usahawan Madani Selangor (Geran)	Inisiatif geran peralatan ini menyokong usahawan mikro dan B40 untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka melalui bantuan modal berasaskan aset. Inisiatif ini juga berhasrat memperluas liputan kepada alatan digital, peralatan mobiliti dan teknologi hijau, sambil memperkukuh jangkauan kepada komuniti luar bandar dan separa bandar.
Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan (Geran)	Melalui pemberian peralatan dan mesin perniagaan bersasar kepada isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan, termasuk geran khusus komuniti India melalui I-SEED, inisiatif ini memperkukuh keupayaan usahawan mikro untuk menjana pendapatan secara mampan, mengurangkan pergantungan kepada bantuan tunai dan memupuk berdikari dalam kalangan komuniti terdedah di seluruh Selangor.
Ekosistem Kooperasi Selangor	Inisiatif ini berhasrat memperkukuh ekosistem koperasi Selangor sebagai platform pertumbuhan ekonomi inklusif, memastikan manfaat pembangunan negeri dirasai secara meluas oleh semua lapisan masyarakat.
Perusahaan Halal	
Hab Halal Selangor 2.0	Inisiatif ini membangunkan hab halal ASEAN bertaraf tinggi di Selangor melalui zon perindustrian halal bersepadu, infrastruktur pintar berasaskan AI dan IoT, serta rangkaian logistik global Ini akan berhasrat mewujudkan ekosistem halal menyeluruh merangkumi pembuatan, R&D, pensijilan, perbankan dan pengedaran untuk memacu kepimpinan halal Selangor di peringkat antarabangsa.
Pembangunan Kapasiti Halal	Melalui jangkauan bersasar kepada usahawan tidak formal, kerjasama industri-akademia, Penilaian Kesediaan Sijil Halal dan platform e-pembelajaran digital, inisiatif ini memperkukuh keupayaan PKS tempatan untuk memenuhi piawaian pensijilan halal, membuka akses pasaran antarabangsa dan memperluas ekosistem halal Selangor secara inklusif.



7.4
Strategi Spatial Misi 4

1. Kelompok Pembangunan Pendidikan & Bakat

Mengukuhkan koridor pendidikan dan hab bakat:

- Universiti dan institusi pendidikan tinggi
- Pusat latihan teknikal dan vokasional (TVET)
- Program pembangunan bakat untuk industri berimpak tinggi

---

2. Hab Inovasi & Keusahawanan

Membangunkan daerah inovasi dan hab keusahawanan:

- Program pemecut teknologi
- Hab sokongan syarikat permulaan dan PKS
- Daerah inovasi digital

---

3. Zon Kolaborasi Industri–Akademia

Mengukuhkan hubungan pengetahuan dan industri:


- Zon kolaborasi penyelidikan dan inovasi
- Ekosistem latihan industri dan apprentisship
- Pembangunan bakat untuk industri keutamaan

---

4. Nod Pembangunan Tenaga Kerja Inklusif & PKS


Memperluas peluang bakat dan keusahawanan yang inklusif:

- Hab keusahawanan wanita dan belia
- Pusat sokongan untuk OKU
- Ekosistem pembangunan industri halal dan PKS



Memperkukuh Ekosistem Bakat Selangor melalui Kelompok Pendidikan, Inovasi dan Keusahawanan yang Strategik

Membangunkan asas bakat yang produktif dan inklusif melalui pengelompokan spatial institusi pendidikan, hab inovasi dan ekosistem keusahawanan yang disokong oleh hubungan industri yang kukuh dan persekitaran bandar yang mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.



Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)

7.5
Kesimpulan Misi 4

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 4

Membangunkan tenaga kerja mahir, relevan dan bersedia masa depan

Fokus kepada penyelarasan pendidikan dan latihan dengan keperluan industri supaya tenaga kerja lebih kompeten, adaptif dan berdaya saing.

Memastikan akses peluang yang inklusif untuk semua

Memberi peluang saksama kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita, belia, OKU dan komuniti terpinggir, untuk belajar, bekerja dan menyumbang kepada ekonomi.

Memperkukuh keusahawanan dan ekosistem bakat secara menyeluruh

Pertumbuhan ekonomi diterjemahkan kepada peluang pekerjaan berkualiti, pelaburan berterusan dan kesejahteraan yang lebih seimbang di seluruh negeri.

Potensi Selangor terletak pada rakyatnya. Misi 4 beriltizam memastikan setiap individu, tanpa mengira latar belakang, kemampuan atau lokasi, mempunyai laluan yang jelas untuk menyumbang dan berkembang. Apabila bakat dibuka sepenuhnya, pertumbuhan Selangor menjadi lebih inklusif, lebih kukuh dan lebih bermakna.







Bab 08

Misi 5

Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik

8
Misi 5: Negeri Lestari, Berdaya Tahan dan Strategik

Ketidaktentuan geopolitik global, termasuk konflik Iran–Amerika Syarikat yang mengganggu laluan bekalan tenaga melalui Selat Hormuz telah menyerlahkan betapa pentingnya ketahanan sumber bagi sesebuah negeri. Sebagai penyumbang ekonomi utama negara, Selangor tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bekalan luar yang terdedah kepada gangguan. Lebih-lebih lagi, keterjaminan sumber kini bukan sekadar isu kelestarian, tetapi isu ketahanan strategik.

Misi 5 beriltizam memperkukuh keterjaminan sumber Selangor melalui pengurusan cekap dan kepelbagaian bekalan, mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan pemeliharaan alam serta pengurangan risiko iklim. Pelaburan dalam tenaga boleh baharu, keterjaminan air dan keselamatan makanan akan memastikan Selangor kekal berdaya tahan terhadap kejutan luaran.

Misi ini penting untuk menangani keperluan mendesak dan mempelbagaikan sumber tenaga dan air negeri. Selangor berada pada titik kritikal di mana tekanan pembangunan dan keperluan alam sekitar semakin bertembung. Misi 5 memperkemaskan penyelarasan merentas sektor dan perancangan berasaskan data bagi memastikan sumber air, tenaga dan tanah diurus secara cekap, sambil mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon dan memperkukuh kesiapsiagaan bencana iklim melalui infrastruktur hijau, sekali gus mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai negeri contoh dalam tadbir urus alam sekitar.

Menjelang 2030, Selangor beriltizam untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 35% berdasarkan KDNK negeri berbanding tahun asas 2005 menjelang 2035, mencerminkan kesungguhan negeri dalam memastikan pembangunan ekonomi bergerak seiring dengan pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan rakyat. Misi 5 mencerminkan dimensi RS-2 yang melangkaui masa kini bahawa kejayaan Selangor hari ini tidak boleh menggadaikan kesejahteraan generasi akan datang, mencerminkan komitmen Selangor terhadap keterjaminan sumber. Selaras dengan visi RS-2 yang meraikan kepelbagaian keperluan merentasi daerah dan komuniti, kelestarian alam sekitar menjadi asas bersama yang menyatukan semua usaha pembangunan negeri ke arah masa depan yang menjamin kualiti hidup masyarakat.

Misi 5 akan memperkukuh pengurusan alam sekitar dan daya tahan iklim Selangor bagi melindungi ekosistem serta memastikan kemakmuran jangka panjang untuk seluruh rakyat.

8.1
Gambaran Keseluruhan Misi 5

Selangor beraspirasi menjadi model pertumbuhan mampan, di mana air bersih, ekosistem yang sihat dan inovasi rendah karbon memacu ekonomi yang berdaya tahan serta meningkatkan kualiti hidup seluruh penduduk.

5 Bidang Keutamaan:

- Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana
- Pemeliharaan & Biodiversiti
- Teknologi Hijau & Bandar Rendah Karbon
- Pengurusan Sisa & Ekonomi Kitaran
- Keterjaminan Air

14 Jumlah Inisiatif

- Projek Infrastruktur Banjir
- Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga

3 Inisiatif Utama:

- Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway

2 Sasaran:

- Pewartaan Tanah Hutan Simpan
- Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



8.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah mengukuhkan asas kelestarian Selangor dengan mencatatkan pencapaian ketara, termasuk litupan hutan yang meningkat kepada 31.7% pada tahun 2023 dan purata kadar kitar semula sebanyak 7.7% sepanjang tempoh 2021-2025. Pencapaian ini merupakan hasil usaha terselaras merentas sektor air, sisa, biodiversiti dan inisiatif rendah karbon termasuk pemulihan sungai, tenaga boleh baharu dan pembangunan sisa-ke-tenaga.

Walau bagaimanapun, kajian separuh penggal mendedahkan bahawa penyelarasan merentas sektor masih boleh dipertingkat, penyepaduan data perlu dikukuhkan, dan daya tahan iklim perlu berlandaskan perancangan sistematik untuk jangka panjang.

Pengalaman ini menjadi landasan penting kepada Misi 5 RS-2, yang mengorak langkah ke arah pendekatan pembangunan yang lebih bersepadu dan holistik, memastikan kelestarian bukan sekadar matlamat sampingan tetapi menjadi teras utama dalam setiap keputusan pembangunan Selangor.

8.1.2
Peralihan kepada RS-2

Berlandaskan pencapaian RS-1, RS-2 berhasrat mempercepatkan peralihan Selangor ke arah masa depan yang mampan, berdaya tahan iklim dan rendah karbon. Misi 5 akan memacu pengurusan bersepadu sumber asli, memperluas penggunaan tenaga boleh baharu dan mengukuhkan sistem ekonomi kitaran bagi meminimumkan sisa dan pencemaran.

Tumpuan diberikan kepada peningkatan penyelarasan merentas sektor, perancangan berasaskan data dan penguatkuasaan yang lebih berkesan, memastikan sumber air, tenaga dan tanah diurus secara cekap dan bertanggungjawab. Kesiapsiagaan terhadap perubahan iklim dan bencana turut diutamakan melalui infrastruktur hijau, penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan tadbir urus alam sekitar yang lebih kukuh.

Secara kolektif, usaha-usaha ini berhasrat meletakkan Selangor sebagai negeri contoh dalam pengurusan alam sekitar yang bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi negeri untuk memperkukuh keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan pemeliharaan alam sekitar. Pendekatan ini mencerminkan keyakinan bahawa pertumbuhan ekonomi dan ketahanan ekologi mampu bergerak seiring serta saling memperkukuh demi menjamin kemampanan negeri untuk jangka panjang.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 5

Pewartaan Tanah Hutan Simpan

31% (Menjelang 2030)

Selangor berazam memastikan sekurang-kurangnya 31% tanah negeri diwartakan sebagai hutan simpan demi melindungi ekosistem semula jadi, menyokong biodiversiti dan mengukuhkan pertahanan semula jadi negeri terhadap risiko perubahan iklim.

Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Selangor

Pengurangan 35%

(Berdasarkan KDNK negeri berbanding tahun asas 2005 menjelang 2035)

Selangor menyasarkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang signifikan, mencerminkan komitmen negeri bahawa kemajuan ekonomi akan dicapai seiring dengan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan generasi akan datang.

Menjelang 2030, Selangor akan menjadi sebuah negeri yang berdaya tahan iklim dan lestari alam sekitar, di mana sumber diurus secara cekap dan komuniti lebih terlindung daripada risiko iklim. Selangor akan menjadi contoh masa depan yang mampan, di mana kemajuan ekonomi, pengurusan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti dimajukan secara seimbang bagi memastikan kemakmuran jangka panjang untuk semua.



8.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 5

Misi ini dilaksanakan melalui 2 strategi utama. Strategi 1 merangkumi 2 Bidang Keutamaan dan Strategi 2 merangkumi 3 Bidang Keutamaan, bagi meletakkan Selangor sebagai negeri contoh dalam pembangunan yang mampan dan berdaya tahan.



8.2.1
Strategi 1: Memperkukuh Daya Tahan, Penyesuaian dan Pengurangan Risiko Perubahan Iklim Selangor bagi Mengurangkan Impak Bencana Akibat Perubahan Iklim

Seiring dengan peningkatan kekerapan kejadian cuaca ekstrem akibat perubahan iklim, Selangor perlu mengukuhkan asas institusi dan ekologinya untuk bertindak balas terhadap risiko bencana secara lebih menyeluruh, bukan sahaja melalui pelaburan dalam infrastruktur saliran dan sistem amaran awal, tetapi juga melalui pendekatan pencegahan dan daya tahan jangka panjang yang lebih holistik.

Strategi ini menggariskan hala tuju Selangor sebagai model kebangsaan dalam pembangunan berdaya tahan dan adaptif terhadap iklim, dengan menyepadukan pengurusan banjir dan bencana bersama pemuliharaan biodiversiti serta infrastruktur berasaskan alam semula jadi, bertunjangkan prinsip bahawa ekologi dan pengurusan bencana merupakan satu sistem yang saling berkait dan tidak boleh dipisahkan.

Pembaharuan institusi, pelaburan ekologi dan penyelesaian penyesuaian setempat menjadi tiga tunjang pelaksanaan strategi ini, memastikan kelemahan tadbir urus yang berbeza merentas komuniti dapat ditangani secara menyeluruh.

Kemajuan strategi ini dipantau melalui dua penunjuk utama iaitu jumlah insiden banjir yang mencerminkan keberkesanan langkah mitigasi dan kesiapsiagaan bencana, serta peratusan tanah negeri yang diwartakan sebagai hutan simpan yang mengukur tahap perlindungan ekosistem. Hutan yang terpelihara bukan sahaja menyokong biodiversiti dan penyimpanan karbon, tetapi juga berfungsi sebagai pertahanan banjir semula jadi.

Pendekatan ini berhasrat meletakkan Selangor bukan sekadar sebagai negeri yang responsif terhadap bencana iklim, tetapi sebagai peneraju negara dalam kelestarian alam yang membuktikan bahawa pembangunan yang maju dan alam sekitar yang terpelihara boleh dan mesti dicapai serentak.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 1

Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana

Menumpukan kepada pengukuhan kesediaan, kesigapan dan kapasiti penyesuaian Selangor terhadap banjir dan bencana akibat perubahan iklim melalui penanganan cabaran peringkat sistem, penyepaduan data yang lebih baik merentas agensi, sistem amaran awal yang dimodenkan dan naik taraf infrastruktur bersasar, serta memperkenalkan pelan pengurangan risiko bencana setempat bagi mengurangkan kelemahan di kawasan berisiko tinggi.

Pemeliharaan & Biodiversiti

Ekosistem semula jadi Selangor adalah tunjang kepada daya tahan dan kelestarian alam sekitar jangka panjang. Inisiatif dalam bidang ini menumpukan kepada pemeliharaan 31% litupan hutan Selangor serta pemulihan sistem semula jadi, di samping mengarusperdanakan Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi (NBS) dalam perancangan dan pembangunan bagi menyokong mitigasi bencana serta memperkukuh perlindungan biodiversiti dan penyesuaian iklim.

8.2.2
Strategi 2: Meningkatkan Pengurusan Sumber Selangor untuk Kualiti Hidup yang Lebih Tinggi

Seiring dengan pecutan pembangunan Selangor, tekanan terhadap sumber asli negeri semakin meningkat daripada bekalan air yang tidak menentu, peningkatan pelepasan gas rumah hijau, jumlah sisa yang terus bertambah hingga kepada prestasi ekonomi kitaran yang masih memerlukan penambahbaikan. Jika tidak ditangani, cabaran-cabaran ini bukan sahaja mengancam kesihatan awam dan kelestarian alam sekitar, tetapi turut menjejaskan daya saing ekonomi dan kesejahteraan sosial rakyat.

Strategi ini berhasrat membina Selangor yang lebih hijau, selamat dan berdaya tahan iklim melalui agenda alam sekitar yang strategik melalui galakan penggunaan mampan, memelihara sumber asli dan menyepadukan tindakan iklim merentas semua peringkat perancangan dan pelaksanaan.

Peralihan daripada model linear kepada model ekonomi kitaran menjadi transformasi struktural utama strategi ini dengan mengalihkan corak pengekstrakan-penggunaan-pelupusan kepada sistem di mana sumber dikitar semula, dipulihkan dan dijana semula, disokong oleh perluasan teknologi hijau, peningkatan infrastruktur air dan pengukuhan tadbir urus sisa.

Pada akhirnya, semua usaha ini berpaksikan satu komitmen yang merentas generasi demi memastikan daya tahan alam sekitar Selangor hari ini melindungi kualiti hidup rakyat pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana kelestarian dan kesejahteraan manusia bukan dua matlamat yang bertentangan, tetapi dua sisi kepada satu hala tuju yang sama.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 2

Teknologi Hijau & Bandar Rendah Karbon

Menyokong peralihan Selangor ke arah ekonomi rendah karbon yang berdaya tahan iklim melalui peningkatan kecekapan tenaga, perluasan penggunaan tenaga boleh baharu dan pemantapan penjejakan serta pelaporan pelepasan gas rumah hijau merentas sektor. Pelaburan dalam tenaga boleh baharu seperti loji sisa ke tenaga, solar dan mini hidro bukan sahaja menyokong peralihan rendah karbon, tetapi turut memperkukuh keterjaminan dan daya tahan bekalan tenaga negeri untuk jangka panjang. Dalam konteks ketidaktentuan geopolitik semasa, kepelbagaian sumber tenaga menjadi semakin kritikal. Kerajaan negeri sedang meneroka kebolehlaksanaan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada usaha mempelbagaikan portfolio tenaga Selangor dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar yang terdedah kepada gangguan. Usaha ini berhasrat mengurangkan jejak karbon negeri secara keseluruhan dan meletakkan Selangor sebagai pemimpin dalam pembangunan bandar lestari serta ketahanan tenaga serantau.

Pengurusan Sisa & Ekonomi Kitaran

Menumpukan kepada pengukuhan sistem pengurusan sisa Selangor sambil mempercepatkan pembangunan ekonomi kitaran dengan memodenkan infrastruktur kitar semula, meningkatkan tadbir urus data sisa dan menyepadukan aktiviti kitar semula tidak formal ke dalam sistem formal. Teras usaha ini adalah pembinaan ekonomi kitaran seluruh negeri yang mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan, memulihkan lebih banyak nilai daripada sisa dan menyokong pertumbuhan industri hijau.

Keterjaminan Air

Menumpukan kepada pengukuhan kebolehpercayaan, kecekapan dan kemampanan sumber air Selangor dengan menangani isu lama seperti gangguan bekalan air, kehilangan air tidak berhasil yang tinggi dan pencemaran di lembangan sungai serta kawasan tadahan. Melalui naik taraf infrastruktur strategik, pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih kukuh serta perancangan air bersepadu, bidang ini berhasrat memastikan bekalan air yang selamat dan mampan untuk semua penduduk Selangor.

8.3
Senarai Inisiatif Misi 5

14
Jumlah Inisiatif

Termasuk
3
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Ketahanan Iklim & Pengurusan Bencana	
Sistem Pengurusan Data Iklim Bersepadu	Inisiatif ini menyepadukan data bencana, hidrologi dan geospatial merentas agensi negeri melalui sistem ramalan banjir masa nyata dan pusat operasi pintar bersama sekali gus meningkatkan ketepatan amaran awal, mempercepatkan tindak balas bencana dan menyokong perancangan bandar yang lebih berdaya tahan iklim.
Projek Infrastruktur Banjir	Melalui semakan pasca-pelaksanaan projek mitigasi banjir sedia ada, perluasan infrastruktur mitigasi persekutuan dan negeri, serta penyepaduan untuk penyelesaian berasaskan alam semula jadi dalam pembangunan baharu, inisiatif ini berhasrat memantapkan sistem pertahanan banjir Selangor secara menyeluruh dan mampan.
***Climate Adaptation Programmes* (CAPs)**	Melalui perumusan pelan penyesuaian iklim peringkat negeri, program pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti dan *Selangor Flood Mitigation Plan* (SelFMiP) sebagai pelan induk mitigasi banjir strategik, inisiatif ini membenamkan perspektif risiko iklim ke dalam perancangan dasar dan pembangunan daerah di seluruh Selangor.

Nama Inisiatif	Butiran
Pemeliharaan & Biodiversiti	
Program Pemuliharaan Hutan Selangor	Melalui pelaksanaan Pelan Pengurusan *Central Forest Spine* (CFS) 2020–2029 dan pembangunan Hutan Warisan Diraja Selangor, inisiatif ini berhasrat mengekalkan sekurang-kurangnya 31% litupan hutan simpan negeri demi memperkukuh rangkaian ekologi, melindungi biodiversiti endemik dan memastikan perkhidmatan ekosistem Selangor terpelihara untuk generasi akan datang.
Teknologi Hijau & Bandar Rendah Karbon	
Program Karbon Selangor	Melalui projek perintis kredit karbon, penilaian inventori karbon bersama Malaysia Forest Fund dan kerangka tadbir urus karbon negeri yang selaras dengan Bursa *Carbon Exchange*, inisiatif ini berhasrat meletakkan Selangor sebagai pemain strategik dalam pasaran karbon sukarela Malaysia dengan memanfaatkan 31% litupan hutan simpan negeri sebagai aset iklim yang bernilai tinggi.
Pelan Tindakan Iklim Peringkat PBT	Melalui *Voluntary Sub National Review V2* dan pelan tindakan iklim tersendiri bagi setiap PBT, inisiatif ini mengarusperdanakan tindakan iklim dalam perancangan tempatan bagi memastikan setiap PBT dapat menyumbang secara lebih tersusun dan berkesan kepada sasaran iklim negeri selaras dengan NDC Malaysia dan matlamat SDG global.
Inisiatif Penyahkarbonan & Pengurangan Pelepasan	Melalui pembangunan Sistem Inventori GHG Selangor dan program kecekapan tenaga dalam bangunan milik negeri, inisiatif ini mewujudkan asas pengukuran pelepasan karbon yang kukuh bagi membolehkan penetapan sasaran berasaskan bukti, pelaporan yang lebih telus dan pengurangan jejak karbon operasi awam Selangor secara sistematik.

Nama Inisiatif	Butiran
Pengurusan Sisa & Ekonomi Kitaran	
Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga	Melalui dua loji WTE utama iaitu Tanjung 12 dan Sultan Idris Shah Green Energy (SISGE) di Rawang yang berupaya memproses 2,400 tan sisa sehari dan menjana 58 MW elektrik, inisiatif ini mengurangkan pergantungan kepada tapak pelupusan sambil menukar sisa perbandaran kepada tenaga boleh baharu yang menyokong matlamat rendah karbon Selangor.
Program Kitar Semula Selangor	Melalui SELKitar sebagai platform kitar semula isi rumah berskala negeri dan Blueprint Ekonomi Kitaran Selangor sebagai hala tuju dasar jangka panjang, inisiatif ini berhasrat memformalkan sistem pengumpulan sisa, memupuk kesejahteraan korporat dan membina budaya kitar semula yang berkekalan dalam kalangan penduduk Selangor.
Infrastruktur Kitar Semula Selangor	Melalui pembangunan Kemudahan Pemulihan Material (MRCF) di setiap daerah dan projek infrastruktur kitar semula KRIS oleh KDEB, inisiatif ini mengukuhkan rangkaian fizikal kitar semula Selangor dari hujung ke hujung bagi meningkatkan kebolehcapaian awam, mempercepatkan pengalihan sisa dari tapak pelupusan dan menyokong sasaran ekonomi kitaran negeri.
Keterjaminan Air	
Pelan Induk Air	Inisiatif ini membangunkan kerangka strategik bersepadu untuk pengurusan sumber air Selangor merentas keseluruhan rantaian nilai daripada pengambilan air mentah, rawatan, pengagihan hingga kitar semula air kumbahan bagi memperkukuh penyelarasan antara LUAS, Air Selangor dan agensi berkaitan bagi memastikan bekalan air yang mampan dan berdaya tahan jangka panjang.
Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway	Melalui lima projek infrastruktur air utama termasuk Loji Rasau Fasa 1 dan 2, Langat 2 Fasa 2 dan Labohan Dagang Fasa 2, inisiatif ini berhasrat menambah kapasiti rawatan air negeri secara signifikan, mengurangkan tekanan ke atas loji sedia ada dan memastikan bekalan air yang selamat untuk memenuhi pertumbuhan populasi dan industri Selangor.

Nama Inisiatif	Butiran
Pemantauan, Pemuliharaan & Kecekapan Air	Melalui program pemuliharaan air, sistem pemantauan pencemaran 24/7, pelaksanaan Pelan IRBM dan pengurusan zon pesisir bersepadu, inisiatif ini berhasrat memperkukuh keupayaan negeri untuk memantau, memulihara dan mengurus sumber air secara proaktif bagi melindungi lembangan sungai utama Selangor daripada tekanan pembangunan dan perubahan iklim.
Penguatkuasaan mengenai Pencemaran Air	Melalui pelaksanaan Dasar Sifar Pelepasan (*Zero Discharge Policy*) ke atas lebih 3,000 pemegang lesen yang berdaftar, inisiatif ini berhasrat memperkukuh kawalan pencemaran sungai dan meningkatkan pematuhan industri di kawasan tadahan air bagi melindungi sumber air mentah Selangor daripada gangguan yang boleh menjejaskan bekalan air awam.

Inisiatif Strategik Lain

Selangor Agenda for Green Economy (SAGE)	Sebagai negeri pertama yang memformalisasikan pelan tindakan ekonomi hijau, inisiatif ini memacu transformasi merentas sektor melalui projek tenaga boleh baharu utama termasuk LSS5 Solar Lestari Jaya, Mini Hidro Bernam Jaya dan Stesen Pengisian Hidrogen oleh World Wide Holding di MBSJ yang berhasrat meletakkan Selangor sebagai hab ekonomi hijau ASEAN yang memimpin pertumbuhan rendah karbon dan inovasi kelestarian, sekali gus berdikari secara strategik dalam sektor tenaga.



8.4
Strategi Spatial Misi 5

Memperkukuh Daya Tahan Iklim Selangor Melalui Rangkaian Ekologi Bersepadu dan Infrastruktur Sumber

Memperkukuh kemampanan alam sekitar dan daya tahan iklim Selangor melalui perlindungan aset ekologi, sistem pengurusan air dan sumber yang bersepadu, serta pembangunan infrastruktur rendah karbon dan ekonomi kitaran yang menyokong masa depan negeri yang lebih lestari.

1. Daya Tahan Iklim & Pengurusan Lembangan Sungai

Mengukuhkan infrastruktur penyesuaian iklim dan daya tahan banjir:


- Pengurusan lembangan sungai bersepadu
- Infrastruktur mitigasi banjir sepanjang sungai utama
- Perancangan penyesuaian iklim untuk kawasan terdedah

---

2. Sistem Pengurusan Sumber Air Bersepadu

Mengukuhkan keterjaminan air merentas negeri:

- Infrastruktur bekalan air bersepadu
- Sistem pemantauan dan pemuliharaan air
- Kawalan pencemaran dalam lembangan sungai



PETUNJUK :

INDEKS KERAPUHAN PERSISIRAN PANTAI NEGARA (NCVI)

- Tahap 5 Sangat Tinggi
- Tahap 4 Tinggi
- Tahap 3 Sederhana

LAIN-LAIN

- Kawasan Tepu Bina
- Hutan
- Risiko Banjir
- Sungai
- Pesisir Pantai
- *Central Forest Spine* (CFS)
- Sisa-Ke-Tenaga (WTE)
- Loji Rawatan Air (WTP)
- Pelabuhan Darat

SEMPADAN

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah

PENGANGKUTAN

- Lebuh Raya
- Pelabuhan
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAAS)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- KL Sentral
- Terminal Bas
- Terminal Bersepadu

TBG Terminal Bersepadu Gombak

TBS Terminal Bersepadu Selatan

TBU Terminal Bersepadu Utara

TSA Terminal Shah Alam

Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)

3. Rangkaian Ekologi, Biodiversiti & Keterjaminan Makanan

Melindungi ekosistem semula jadi sambil mengukuhkan sistem makanan yang mampan:

- *Central Forest Spine* (CFS) dan pemuliharaan biodiversiti
- Perlindungan kawasan sensitif alam sekitar
- Pemeliharaan landskap pertanian, zon pengeluaran agromakanan dan simpanan makanan (Gudang Makanan Selangor) sepanjang laluan pengangkutan dan pelabuhan darat akan diperkukuh sebagai sebahagian daripada strategi keselamatan makanan negeri. Inisiatif ini berfungsi sebagai simpanan makanan strategik bagi menghadapi gangguan bekalan baja dan import makanan global.


---

4. Infrastruktur Rendah Karbon & Ekonomi Kitaran

Menyokong peralihan ke arah ekonomi hijau dan kitaran:

- Infrastruktur sisa-ke-tenaga
- Kemudahan kitar semula dan pemulihan sumber
- Inisiatif teknologi hijau dan rendah karbon
- Strategi sifar bersih





PETUNJUK :

- Kawasan Pembangunan Berpotensi
- Kawasan Sensitif Alam Sekitar (ESA Tahap 1)
- *Central Forest Spine* (CFS)

KAWASAN PEMELIHARAAN

- Pengeluaran Makanan
- Zon Industri Akuakultur (ZIA)
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM Tanaman Makanan)
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM Penternakan/Padang Ragut)
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM Perikanan)
- Kebun Kerang

SEMPADAN

- Sempadan Negeri Selangor
- Sempadan Daerah

PENGANGKUTAN

- Lebuh Raya
- Keretapi Tanah Melayu (KTM)
- Rel Kita Selangor
- Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)
- Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)
- Laluan Cabang Pelabuhan Barat
- Pelabuhan
- Pelabuhan Darat
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAAS)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- KL Sentral

Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)
2. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)
3. Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)

8.5
Kesimpulan Misi 5

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 5

Mengimbangi pembangunan dengan kelestarian alam sekitar

Selangor memberi tumpuan kepada peralihan daripada aktiviti konvensional kepada industri berteknologi tinggi, bernilai tambah dan berasaskan inovasi bagi mengekalkan kedudukan sebagai peneraju ekonomi.

Memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana

Fokus kepada kesiapsiagaan banjir, perlindungan ekosistem, serta penggunaan infrastruktur hijau dan penyelesaian berasaskan alam untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.

Memacu peralihan ke arah ekonomi hijau dan rendah karbon

Menggalakkan tenaga boleh baharu, ekonomi kitaran dan pengurangan pelepasan karbon bagi memastikan masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Pembangunan yang bertanggungjawab menuntut pemeliharaan aset paling bernilai, iaitu sumber air bersih, hutan yang terpelihara dan kualiti udara yang sihat, demi kesejahteraan generasi akan datang. Misi 5 memastikan kemajuan Selangor masa kini tidak mengorbankan kesejahteraan masa depan, dengan meletakkan kelestarian sebagai teras dalam setiap keputusan pembangunan negeri. Misi 5 turut mencerminkan komitmen Selangor untuk memperkukuh kemandirian strategik, di mana penguasaan terhadap sumber tenaga, air dan makanan menjadi asas kepada daya tahan negeri dalam menghadapi ketidaktentuan global.


JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
Pensijilan ISO/IEC 27001:2013
ISO/IEC 27001 : 2013 Certification
CUACA SEMASA



Bab 09

Misi 6

Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan

9
Misi 6: Kerajaan Efektif, Mesra Rakyat dan Perniagaan

Sebuah negeri berprestasi tinggi memerlukan tadbir urus yang berkesan, dasar yang telus dan persekitaran perniagaan yang mudah diurus. Melalui digitalisasi dan inovasi dasar, Selangor dapat mengurangkan birokrasi dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat dan pelabur.

Misi 6 berhasrat untuk menjadikan kerajaan negeri lebih tangkas, cekap dan mesra dengan meletakkan teknologi dan pembaharuan dasar sebagai pengupaya utama dalam transformasi perkhidmatan awam Selangor.

Kedudukan Selangor sebagai hab serantau yang terkemuka bukan berlaku secara kebetulan. Ia disokong oleh ekosistem tadbir urus yang sentiasa diperkemas mengikut keperluan semasa. Misi ini penting kerana ia menangani cabaran pengurusan awam dalam sebuah negeri yang terus berkembang pesat dari sudut jumlah penduduk dan aktiviti ekonomi. Dengan mengutamakan kecekapan operasi kerajaan melalui penggunaan teknologi, peningkatan keupayaan tenaga kerja awam dan pengukuhan rangka kerja tadbir urus, Selangor berupaya mengekalkan daya saingnya sebagai destinasi pilihan pelabur dan tempat tinggal rakyat. Ini turut disokong oleh pengukuhan pengurusan fiskal negeri bagi memastikan sumber digunakan secara optimum dan berterusan.

Komitmen terhadap tadbir urus yang berkesan ini diukur melalui penanda aras yang jelas. Menjelang 2030, semua pihak berkuasa tempatan Selangor disasarkan mencapai skor minimum 95% dalam Penarafan Bintang PBT, mencerminkan bahawa standard perkhidmatan yang tinggi bukan hak istimewa kawasan tertentu, tetapi pengalaman yang sama rata dinikmati oleh setiap rakyat, komuniti perniagaan dan semua lapisan masyarakat di seluruh negeri.

Misi 6 melengkapkan kerangka RS-2 sebagai satu ekosistem pembangunan yang bersepadu di mana kerajaan yang cekap dan tangkas menjadi tulang belakang kepada setiap misi yang lain. Selaras dengan visi RS-2 yang meraikan kepelbagaian keperluan rakyat merentasi daerah, tadbir urus yang baik memastikan setiap dasar, pelaburan dan inisiatif sampai kepada yang memerlukan, dengan cara yang paling berkesan. Inilah janji Selangor kepada rakyat dan pelabur untuk menjadi sebuah kerajaan yang bukan sahaja merancang dengan baik, tetapi melaksana dengan penuh tanggungjawab.

Misi 6 berhasrat meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kerajaan negeri Selangor dengan mengutamakan pendekatan yang mesra rakyat dan perniagaan.

9.1
Gambaran Keseluruhan Misi 6

Selangor berhasrat menjadi hab serantau terkemuka dengan mengutamakan tadbir urus yang mesra rakyat dan perniagaan, memanfaatkan teknologi dan pembangunan tenaga kerja, serta memastikan daya tahan fiskal bagi menyesuaikan diri dengan pantas dalam landskap sosioekonomi yang dinamik.

4 Bidang Keutamaan:

- Kerajaan & Tenaga Kerja Digital
- Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus Baik
- Kepelbagaian dan Kemampanan Aliran Hasil
- Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri

13 Jumlah Inisiatif

3 Inisiatif Utama:

- Penerimaan dan Pecutan AI
- Selangor Greater Klang Valley (SGKV)
- Reformasi Sistem Penyampaian & Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU)

2 Sasaran:

- Peningkatan prestasi kecekapan dan kualiti perkhidmatan PBT
- Kerajaan Digital *End-to-End*

Penjajaran dengan Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UN SDG):



9.1.1
Asas Daripada RS-1

RS-1 telah memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam kerajaan negeri Selangor melalui lima bidang fokus utama iaitu penyelarasan strategik, akauntabiliti prestasi, kemampanan hasil, tenaga kerja awam yang tangkas dan transformasi teknologi bagi membentuk kerajaan negeri yang lebih bersepadu dan produktif dalam menghadapi persekitaran yang berubah dengan pantas.

Walaupun kemajuan secara umumnya berada pada landasan yang betul, kajian separuh penggal mendedahkan bahawa terdapat ruang untuk mempercepatkan pelaksanaan dan memodenkan sistem penyampaian secara lebih sistematik dan berasaskan pencapaian.

Pengalaman ini menjadi asas kepada Misi 6 RS-2 yang bergerak daripada sekadar mengukuhkan operasi kerajaan kepada mentransformasi keseluruhan ekosistem tadbir urus untuk memastikan setiap rakyat dan pelabur merasai manfaat sebuah kerajaan yang benar-benar cekap, tangkas dan berorientasikan penyelesaian.

9.1.2
Peralihan kepada RS-2

Selangor secara konsisten kekal sebagai destinasi pilihan bagi perniagaan, pelabur dan penduduk. Sebagai salah sebuah negeri yang paling padat penduduk dan produktif dari segi ekonomi di Malaysia, sistem pentadbiran awam dan kerangka tadbir urus Selangor memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan statusnya sebagai hab serantau yang terkemuka.

Justeru, Misi 6 berhasrat mengekalkan daya saing Selangor melalui penekanan lebih besar kepada kesejahteraan rakyat dan persekitaran mesra perniagaan. Selaras dengan itu, Misi 6 menumpukan kepada dua strategi utama: melaksanakan penambahbaikan strategik dasar kerajaan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam; serta memperkukuhkan pengurusan fiskal, mekanisme pembiayaan dan hasil yang optimum.

Secara kolektif, kedua-dua strategi ini berhasrat meletakkan tadbir urus Selangor pada kedudukan yang mampu bertindak balas, berdaya tahan dan mampu menyesuaikan diri secara pantas dengan landskap sosioekonomi negeri yang sentiasa bergolak.

Sasaran & Makro Indikator bagi Misi 6

Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT)

Semua PBT menyasarkan skor

95% (Menjelang 2030)

Selangor beriltizam memastikan standard perkhidmatan awam yang tinggi dapat dinikmati secara sama rata oleh setiap rakyat, tanpa mengira lokasi atau daerah.

Perkongsian Perkhidmatan Kerajaan Digital *End-to-End*

85% (Menjelang 2030)

Indikator ini mengukur tahap penyepaduan dan perkongsian perkhidmatan kerajaan digital secara menyeluruh (*end-to-end*) di peringkat negeri. Aspirasi ini bagi meneruskan usaha pendigitalan perkhidmatan kerajaan yang berfungsi sebagai platform bersepadu bagi membolehkan perkongsian data secara digital ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, responsif dan berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik.

Menjelang 2030, Selangor akan muncul sebagai model tadbir urus berpaksikan digital, sekali gus memacu pengalaman perkhidmatan awam yang lancar dan cekap. Dengan memanfaatkan mekanisme pembiayaan inovatif dan aliran hasil yang pelbagai, Selangor akan menjamin pertumbuhan ekonomi yang kukuh di samping memaksimumkan kecekapan sumber untuk mewujudkan ekosistem yang maju, berfokuskan rakyat dan mesra perniagaan.



9.2
Strategi Dan Bidang Keutamaan Misi 6

Misi ini dilaksanakan melalui 2 strategi utama.Setiap strategi merangkumi 2 Bidang Keutamaan, bagi memastikan tadbir urus Selangor kekal responsif, cekap dan mesra kepada rakyat, komuniti perniagaan serta pelabur.



9.2.1
Strategi 1: Melaksanakan Penambahbaikan Strategik Dasar Kerajaan dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

Selangor mempunyai persekitaran perniagaan yang dinamik dan landskap sosial yang pelbagai dan kompleks menuntut kerajaan negeri untuk sentiasa menambah baik keupayaannya selaras dengan keperluan yang terus berkembang dalam sektor perniagaan, pelaburan dan kesejahteraan rakyat.

Penggerak utama transformasi ini ialah pendekatan berasaskan data, yang membolehkan Selangor meningkatkan kecekapan operasi, mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih lancar dan meningkatkan pengalaman rakyat dalam setiap urusan dengan kerajaan. Penyepaduan kecerdasan buatan (AI) yang bermakna pula membuka laluan kepada analitik lanjutan, membolehkan pegawai awam menumpukan perhatian kepada isu yang lebih kompleks dan bernilai tinggi.

Namun teknologi sahaja tidak mencukupi. Keupayaan tenaga kerja awam perlu diperkasa seiring dengan penggunaan teknologi dan inisiatif kecerdasan buatan. Ini merangkumi pembangunan kemahiran teknikal dan bukan teknikal, bagi memastikan setiap pegawai bersedia untuk memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan dengan lebih berkesan.

Seiring dengan populasi yang semakin bertambah dan menua, kerajaan memainkan peranan penting dalam mengurus sumber secara bertanggungjawab, mempromosikan kesaksamaan sosial dan meningkatkan kualiti hidup. Ia menjadikan kelestarian bukan sekadar dasar alam sekitar, tetapi sebahagian daripada tanggungjawab penjagaan komuniti jangka panjang.

Justeru, dasar kelestarian dan kecerdasan buatan perlu dijadikan asas kepada dalam perancangan dan pelaksanaan semua projek kerajaan daripada peringkat awal bagi memastikan tadbir urus Selangor kekal relevan, responsif dan bersedia menghadapi masa depan untuk semua.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 1



Kerajaan & Tenaga Kerja Digital

Menumpukan kepada pengukuhan pemboleh teknologi dan digital, serta penyepaduan kecerdasan buatan (AI) ke dalam operasi dan perkhidmatan kerajaan melalui pendekatan bersepadu Dengan memanfaatkan teknologi, kerajaan dapat memperkemas proses, mengukuhkan tadbir urus dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus yang Baik

Menekankan kepuasan dan pengalaman perniagaan serta rakyat dalam berurusan dengan kerajaan melalui penambahbaikan titik sentuh dan penyampaian perkhidmatan. Akauntabiliti diperkukuh melalui penambahbaikan penunjuk prestasi dan mekanisme penilaian, bagi memupuk persekitaran mesra perniagaan dan menangani cabaran rakyat secara berkesan.

9.2.2
Strategi 2: Memperkukuh Pengurusan Fiskal, Mekanisme Pembiayaan dan Hasil yang Optimum

Kemampanan fiskal negeri menjadi asas kepada keupayaan Selangor untuk menyediakan kemudahan bagi rakyat dan memastikan kestabilan makroekonomi jangka panjang. Strategi ini bukan sekadar bersifat teknikal, tetapi menjadi tunjang kepada setiap komitmen pembangunan negeri yang dibuat kepada rakyat.

Namun struktur hasil negeri pada masa ini mendedahkan kelemahan yang perlu ditangani. Kira-kira 75% hasil negeri bergantung pada premium tanah dan cukai tanah yang mewujudkan risiko ketumpatan apabila tanah kosong untuk pembangunan semakin berkurangan dan sebahagian besar tanah yang tinggal terdiri daripada kawasan pertanian dan hutan simpan kekal yang tidak boleh disentuh.

Strategi ini berhasrat menangani kelemahan struktural ini melalui tiga paksi utama: mempelbagaikan aliran hasil negeri melalui mekanisme pembiayaan inovatif, meningkatkan penglibatan GLC dan sektor swasta dalam inisiatif pembangunan sebagai rakan kongsi aktif, serta mengoptimumkan tadbir urus, struktur, peranan dan program entiti negeri bagi memastikan sumber sedia ada dimanfaatkan secara mampan sebelum sumber baharu digunakan.

Peningkatan penglibatan GLC dan sektor swasta bukan sekadar strategi pembiayaan. Ia merupakan peralihan tadbir urus yang membuka kapasiti dan modal dari luar pentadbiran kerajaan negeri secara persendirian serta mempercepat pelaksanaan inisiatif pembangunan secara meluas dan berkesan.

Dengan mengukuhkan pengurusan fiskal secara dalaman dan memperluas asas hasil daripada luaran, Selangor berhasrat memastikan kemampanan ekonominya kekal kukuh dan mampan.

Bidang Keutamaan di bawah Strategi 2

Aliran Hasil Dipelbagaikan & Mampan

Meningkatkan dividen GLC dan meneroka saluran hasil baharu berasaskan aset negeri bagi mengukuhkan daya tahan kewangan. Perkongsian awam-swasta (PPI) turut digalakkan untuk membiayai projek modal dan program kebajikan awam.

Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri

Menumpukan kepada penyelarasan peranan, fungsi, dasar dan program merentas entiti negeri bagi memastikan penggunaan sumber yang cekap dan berkesan. Penjajaran dasar dan program antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, khususnya dalam perancangan fizikal, memastikan usaha yang terselaras ke arah tadbir urus yang lebih efektif dan impak yang lebih meluas kepada rakyat.



9.3
Senarai Inisiatif Misi 6

13
Jumlah Inisiatif

Termasuk
3
Inisiatif Utama

Nama Inisiatif	Butiran
Kerajaan Digital & Tenaga Kerja	
Pembangunan Central Data Warehouse (CaWah) Negeri Selangor	Inisiatif ini membangunkan gudang data berpusat yang menyatukan dan mengurus data kritikal negeri daripada pelbagai jabatan dan agensi Selangor bagi memperkukuh penyelarasan antara agensi, menyokong pembuatan keputusan berasaskan data dan meningkatkan keberkesanan dasar dan penyampaian perkhidmatan awam melalui persekitaran data yang dipercayai dan selamat.
Central Spatial Data Platform (CSDP)	Platform perkongsian data geospatial ini membolehkan kerjasama yang lebih erat antara agensi kerajaan dibangunkan bersama Malaysian Space Agency (MYSA) untuk memperkukuh pembuatan keputusan dan penguatkuasaan berasaskan data geospatial dalam kalangan pihak berkuasa tempatan dan jabatan perancangan infrastruktur.
Penerapan dan Pemecutan AI	Melalui program Teraju AI dan Pusat Inkubasi AI Selangor di SLIICE, inisiatif ini mempercepatkan penggunaan kecerdasan buatan dalam tadbir urus negeri daripada pembangunan produk AI minimum yang berdaya maju untuk agensi kerajaan, pensijilan profesional AI untuk tenaga kerja, hingga platform inkubator bagi membangunkan ekosistem AI Selangor yang menyeluruh.

Nama Inisiatif	Butiran
Pembangunan Modal Insan Kakitangan Negeri Selangor	Melalui Skim *Cross-Fertilisation*, Program Mentor-Mentee dan Program SELECT, inisiatif ini memperkukuh keupayaan penjawat awam Selangor melalui pertukaran pengetahuan, amalan terbaik dan latihan berorientasikan hasil untuk memupuk budaya pembelajaran berterusan yang mengurangkan cara kerja silo dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.
***Selangor Urban Observatory* (SUO)**	Platform pengurusan data bandar bersepadu ini berperanan sebagai pusat analitik negeri untuk menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti dengan menyepadukan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan data raya bagi pemantauan bandar, perancangan dasar yang lebih tepat serta memperkukuh kerjasama antara kerajaan, penyelidik dan pemegang taruh dalam pembangunan bandar lestari.
Mempercepatkan Pelaksanaan Sistem Perolehan Digital Kerajaan Secara Berpusat	Inisiatif ini membangunkan sistem perolehan digital berpusat yang menyatukan proses perolehan kerajaan daripada notis hingga keputusan secara telus dan cekap, sekali gus memastikan semua agensi beroperasi dalam ekosistem yang seragam, mengurangkan kos serta memperkukuh tadbir urus perolehan awam Selangor.
Kemudahan Berniaga & Tadbir Urus yang Baik	
Selangor Greater Klang Valley (SGKV)	Penubuhan entiti SGKV, pembangunan Blueprint SGKV 2035, SGKV Observatory dan pangkalan data bersepadu serta Digital Twin, akan mewujudkan tadbir urus metropolitan yang lebih bersepadu untuk empat majlis bandaraya utama iaitu Shah Alam, Klang, Petaling Jaya dan Subang Jaya, memperkukuh perancangan bandar, mobiliti dalam dan antara bandar dan pengurusan alam sekitar merentas kawasan yang menempatkan hampir setengah jumlah penduduk Negeri Selangor.
Reformasi PBT	Melalui dasar *Speed Selangor*, inisiatif ini mempercepatkan proses kelulusan perancangan dan pembangunan secara drastik yang mengurangkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang untuk kawasan industri terancang daripada 3.5 bulan kepada 14 hari bekerja, menjadikan Selangor destinasi pelaburan yang lebih mudah dan berdaya saing.

Nama Inisiatif	Butiran
Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat	Entiti pengurusan risiko berpusat ini berhasrat meningkatkan kesiapsiagaan dan keupayaan mitigasi risiko negeri melalui penyelarasan pemegang taruh yang lebih erat, peningkatan ketersediaan data dan pelan tindakan risiko peringkat negeri yang menyeluruh.
Reformasi Sistem Penyampaian & Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU)	Melalui lapan bidang reformasi strategik daripada tadbir urus dan integriti, pemecahan budaya bersilo, pemerkasaan modal insan hingga penilaian berasaskan hasil, RSTU berhasrat mentransformasi penyampaian perkhidmatan awam Selangor kepada sistem yang lebih cekap, telus dan tangkas terhadap keperluan rakyat dan perniagaan.
Rangkaian Kerajaan Digital Selangor	Inisiatif ini mewujudkan rangkaian peribadi yang selamat dan disatukan menghubungkan agensi negeri, PBT dan GLC utama Selangor bagi mengurangkan kos *Information and Communication Technology* (ICT), menghapuskan pertindihan sistem dan menjadi asas penting kepada perkongsian data dan pendigitalan kerajaan secara menyeluruh.
Aliran Hasil Dipelbagaikan & Mampan	
Sumber Hasil yang Pelbagai dan Inovatif	Melalui kerangka dividen GLC negeri, kadar cukai khas bagi industri terpilih, levi pencemaran serta mekanisme perkongsian keuntungan daripada aset negeri, inisiatif ini berhasrat mempelbagaikan asas hasil Selangor selain mengurangkan kebergantungan kepada premium tanah dan cukai tanah. Pendekatan ini bertujuan membina aliran pendapatan baharu yang lebih berdaya tahan dan berskala.
Penjajaran Strategik GLC & Program Negeri	
Penjajaran Dasar Persekutuan, Negeri dan Tempatan	Inisiatif ini memastikan perancangan guna tanah dan fizikal Selangor diselaraskan merentas semua peringkat kerajaan, sekali gus memperkukuh koordinasi antara dasar persekutuan, negeri dan tempatan bagi memastikan pembangunan yang lebih teratur, mengelakkan pertindihan perancangan serta menyokong komitmen negeri terhadap SDG dan Agenda Bandar Baharu.

Nama Inisiatif	Butiran
Inisiatif Strategik Lain	
Kajian Semula Peranan dan Fungsi GLC dan Anak Syarikat Negeri	Inisiatif ini menyusun semula operasi, peranan dan portfolio pelaburan GLC negeri dan anak syarikat mereka, termasuk penjajaran semula fungsi MBI dan penubuhan Syarikat Pelaburan Induk Negeri yang bersepadu sepenuhnya bagi meningkatkan kesepaduan, kecekapan kos dan pulangan kepada kerajaan negeri.



9.4
Strategi Spatial Misi 6

1. Infrastruktur Data Spatial Bersepadu & Tadbir Urus Digital

Mengukuhkan platform data digital dan spatial seluruh negeri:

- *Pembangunan Central Data Warehouse (CaWah) Negeri Selangor*
- *Central Spatial Data Platform (CSDP)*
- *Selangor Urban Observatory* (SUO)

---

2. Kerajaan Pintar & Pendigitalan

Membangunkan tadbir urus pintar dan sistem perkhidmatan awam digital:

- Penggunaan AI dan perkhidmatan kerajaan digital
- Sistem perolehan digital bersepadu
- Rangkaian kerajaan digital merentas agensi

---

3. Tadbir Urus Metropolitan Terselaras

Mengukuhkan penyelarasan serantau dalam Selangor Greater Klang Valley (SGKV) Selangor:

- Kerangka tadbir urus Selangor Greater Klang Valley (SGKV)
- Penyelarasan perancangan metropolitan
- Pengurusan pembangunan metropolitan bersepadu

---

4. Penjajaran Dasar & Institusi Bersepadu

Mengukuhkan kesepaduan dasar dan penyelarasan institusi:

- Penjajaran dasar persekutuan, negeri dan tempatan
- Kajian semula peranan GLC negeri dan agensi
- Kerangka perancangan dan pelaksanaan bersepadu

Memperkukuh Tadbir Urus Spatial Berasaskan Data dan Bersepadu untuk Pembangunan yang Cekap dan Mesra Perniagaan

Meningkatkan keberkesanan tadbir urus melalui sistem data spatial bersepadu, infrastruktur kerajaan digital, perancangan metropolitan yang terselaras dan penjajaran dasar yang kohesif, memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan merentas seluruh Selangor.

PETUNJUK :

Selangor Greater Klang Valley (SGKV)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)


- Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Majlis Bandaraya Subang Jaya
- Majlis Bandaraya Diraja Klang
- Majlis Perbandaran Selayang
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- Majlis Perbandaran Kajang
- Majlis Perbandaran Sepang
- Majlis Perbandaran Kuala Langat
- Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Perbandaran Hulu Selangor
- Majlis Daerah Sabak Bernam

SEMPADAN

- Sempadan Negeri Selangor
- Sempadan Daerah

PENGANGKUTAN

- Pelabuhan
- Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz (LTSAAS)
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)



Sumber Rujukan:
1. Kajian Rancangan Selangor Kedua (RS-2)

9.5
Kesimpulan Misi 6

Hasil Pelaksanaan Inisiatif Misi 6

Meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam

Memanfaatkan digitalisasi, data dan AI untuk mengurangkan birokrasi serta memastikan penyampaian perkhidmatan lebih cekap, telus dan berkesan.

Mewujudkan persekitaran mesra rakyat dan perniagaan

Memudahkan urusan rakyat dan pelabur melalui tadbir urus yang baik, proses yang lancar dan pengalaman berurusan yang lebih mudah.

Memperkukuh tadbir urus dan kemampanan fiskal negeri

Memperbaiki pengurusan sumber, mempelbagaikan hasil dan menyelaras peranan agensi bagi memastikan pembangunan yang mampan dan berimpak tinggi.

Sebuah kerajaan yang berkesan adalah tulang belakang kepada semua misi yang lain. Misi 6 memastikan setiap dasar yang dirancang, setiap ringgit yang dibelanjakan dan setiap perkhidmatan yang diberikan sampai kepada rakyat dengan cekap, telus dan berkesan. Kerana kepercayaan rakyat terhadap kerajaan adalah asas kepada kejayaan Selangor yang bersepadu dan maju bersama.




MONASH UNIVERSITY





Bab 10

Pembangunan Wilayah dan Daerah di Selangor

10
Pembangunan Wilayah dan Daerah di Selangor

Pembangunan di Selangor tidak berlaku secara seragam, tetapi setiap daerah mempunyai ciri, fungsi dan kekuatan yang berbeza. Daripada pusat metropolitan berintensiti tinggi ke koridor industri dan logistik, kawasan pertumbuhan baharu, zon pertanian serta landskap sensitif alam sekitar, kesemuanya menyumbang kepada struktur spatial negeri yang saling melengkapi dan bergantung di antara satu sama lain.

Sehubungan itu, pendekatan pembangunan yang bersifat menyeluruh dan seragam adalah kurang berkesan. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan yang lebih terperinci dengan mengambil kira kekuatan, kekangan serta potensi setiap daerah. Pelaksanaan inisiatif yang sama tanpa disesuaikan dengan keperluan tempatan berisiko menghasilkan impak yang tidak seimbang dan tidak dapat menyokong pertumbuhan negeri Selangor secara keseluruhan. Setiap daerah memainkan peranan tersendiri dalam menyokong pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar negeri Selangor dan hal ini perlu diambil kira bagi memastikan pembangunan yang mampan.

Bagi kawasan metropolitan yang telah matang, keutamaan perlu diberikan kepada kaedah untuk menangani isu kekurangan tanah untuk dibangunkan, kesesakan dan tekanan terhadap infrastruktur sedia ada melalui pembaharuan bandar, pembangunan berintensiti tinggi serta rangkaian mobiliti yang optimum. Kawasan pertumbuhan baharu pula memerlukan penyediaan infrastruktur asas, peningkatan akses dan penciptaan nod ekonomi baharu bagi menambah potensi pembangunan, manakala kawasan sensitif alam sekitar perlu diurus dengan menekankan fungsi perlindungan ekologi sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan.

RS-2 menyediakan hala tuju strategik di peringkat negeri, namun keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana ia dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan di peringkat daerah. Ini memerlukan penyelarasan yang lebih erat antara agensi negeri, pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah dan tanah, serta rakan pelaksana lain bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut kerangka setempat dengan mengambil kira dinamik guna tanah, tahap kesiapsiagaan infrastruktur, potensi pelaburan serta keperluan perkhidmatan bagi setiap kawasan.

Dalam konteks pelaksanaan, peranan institusi tempatan menjadi teras kepada kejayaan RS-2. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) berperanan dalam memastikan tanah sebagai asas pembangunan dapat diurus, disusun dan diaktifkan secara strategik, melalui pemudahcaraan proses berkaitan tanah, menyelaras pelaksanaan di peringkat daerah serta memastikan kesepadanan antara keperluan pembangunan dan realiti pemilikan serta guna tanah. Pada masa yang sama, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukan sahaja mengawal pembangunan, tetapi menentukan bentuk dan kualiti persekitaran bandar melalui pelaksanaan rancangan tempatan, kawalan pembangunan dan pengurusan perkhidmatan.


Apabila kedua-dua institusi ini berfungsi secara bersepadu, pelaksanaan RS-2 dapat diperkukuh daripada segi penyelarasan, kecekapan dan kebolehlaksanaan, supaya strategi negeri diterjemah kepada tindakan pelaksanaan secara tersusun di peringkat daerah. Bab ini seterusnya memperincikan profil pembangunan, fungsi spatial dan potensi strategik setiap daerah, membolehkan inisiatif RS-2 disusun secara lebih tersasar, selaras dengan identiti dan peranan setiap daerah, serta menyumbang secara kolektif kepada pembangunan Selangor yang lebih seimbang, berdaya tahan dan bersepadu.

Kekuatan pembangunan Selangor terletak pada daerah-daerahnya yang saling berhubung dan melengkapi, dengan setiap daerah memainkan fungsi yang berbeza dalam menyokong sistem pembangunan negeri secara keseluruhan. Sehubungan itu, inisiatif RS-2 perlu dirangka sebagai intervensi berasaskan keperluan setempat yang mengukuhkan peranan setiap daerah, di samping menangani kekangan yang boleh menjejaskan keberkesanan fungsi tersebut.



10.1
Strategi Spatial

Landskap pembangunan Selangor dibentuk oleh daerah-daerah yang sangat berbeza. Setiap daerah menyumbang secara tersendiri kepada prestasi ekonomi, daya tahan sosial, kelestarian alam sekitar dan struktur spatial negeri.



Secara keseluruhan, daerah-daerah ini membentuk satu sistem negeri yang saling berkait, dengan sebahagiannya berfungsi sebagai teras metropolitan dan perindustrian, sebahagiannya sebagai nod logistik dan gerbang perdagangan, serta selebihnya berperanan sebagai kawasan pertanian, ekologi, pesisir dan kawasan pertumbuhan baharu.

Pendekatan berasaskan daerah ini penting bukan sahaja untuk memahami keadaan semasa, tetapi juga bagi menetapkan keutamaan, menyelaras pelaksanaan dan memperkukuh inisiatif masa hadapan, supaya setiap dasar berpadanan dengan konteks setempat serta menyokong pelaksanaan strategi spatial RS-2 secara menyeluruh.

9 Daerah

12 Pihak Berkuasa Tempatan

Daerah	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Rancangan Tempatan
Petaling	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2035 (Pengubahan 1)
	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	RTPJ 1 (Pengubahan 4), RTPJ 2 (Pengubahan 3), RKK Seksyen 13 (Pengubahan 1), RKK Kwasa Damansara dan Draf RKK Seksyen 19, 51 dan 51A
	Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)
Klang	Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian) & Rancangan Tempatan Bandaraya Diraja Klang 2035 (Pengubahan 1)
Gombak	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2030 (Pengubahan 1)
	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2035 (Penggantian)
Hulu Langat	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang Selangor 2035 (Pengubahan 2)
Sepang	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang, Selangor 2035 (Penggantian)
Kuala Langat	Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)	Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 & Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 (Pengubahan 2)
Kuala Selangor	Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2035 (Penggantian)
Hulu Selangor	Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Penggantian) & Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Pengubahan 1)
Sabak Bernam	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam 2035 (Penggantian)

10.2
Daerah: Petaling

Penduduk 2024 (DOSM)
2,360,000


Keluasan
49,842.14 Ha

Kadar Pembandaran
100.00%

Unjuran Penduduk 2030
2,335,800

Kepadatan Penduduk
4,729 orang/km²

Bilangan Tapak PSB
16



Inisiatif utama di Petaling

	Senarai Projek
Pelan Peremajaan Lapangan Terbang Subang	• Shah Alam *Airport City*
Managed Industrial Park	• Elmina *Business Park*
Pemeliharaan Budaya dan Warisan	• Shah Alam *Contemporary & Modern Arts* (SAMA) • Muzium Setem Selangor

10.2.1
PBT: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Senarai Pekan/Bandar
- Shah Alam

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Logistik Kepentingan Nasional
- Seni, Budaya & Warisan
- Tadbir Urus

Shah Alam, Sebuah Bandar Pintar, Berdaya Huni dan Berdaya Tahan

Shah Alam adalah teras konurbasi nasional dan ibu negeri SelangorShah Alam berperanan sebagai pusat pentadbiran serta hab aeroangkasa dan teknologi tinggi yang menjadi tunjang kepada ekonomi negeri Selangor. Kewujudan Lapangan Terbang Subang (LTSAAS), hab Information and *Communication Technology* (ICT) dan bangunan MSC, industri teknologi tinggi di HICOM-Glenmarie dan Elmina, serta i-City International Zone sebagai hab Information and *Communication Technology* (ICT) dan kewangan, menjadikan Shah Alam daerah yang paling strategik dan pelbagai dalam sistem negeri Selangor. Kesalinghubungannya melalui rangkaian pengangkutan pelbagai mod yang menyeluruh dan lebuh raya utama seperti NKVE, KESAS dan LATAR mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai nod ekonomi teras negeri.

Shah Alam mempunyai landskap sosial dan rekreasi yang komprehensif, merangkumi destinasi membeli-belah dan hiburan seperti Central i-City dan AEON Mall, serta ruang hijau bandar seperti Taman Botani Negara, Shah Alam Lake Gardens dan Bukit Cerakah. Peranannya turut diperkukuh sebagai hab ilmu melalui kehadiran UiTM, MSU, UNISEL dan OUM, di samping kemudahan penjagaan kesihatan bertaraf tinggi seperti Hospital Shah Alam, Avisena Specialist dan Hospital UMRA, sekali gus membentuk ekosistem sosial yang menyeluruh di daerah ini.

Di bawah RS-2, Shah Alam disasarkan untuk terus berkembang sebagai bandar pintar, berdaya huni dan berdaya tahan melalui pengukuhan ekonomi, pembangunan mampan, sistem pengangkutan dan lalulintas yang cekap, pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSA), hierarki petempatan yang teratur serta pembangunan lot kecil dan kawasan tidak formal yang lebih terancang.

Fokus Spatial
- Ekonomi yang rancak
- Pembangunan mampan
- Bandar utama
- Lalulintas dan pengangkutan yang cekap
- Pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSA)
- Hierarki petempatan
- Pembangunan lot kecil dan kawasan tidak formal

10.2.2
PBT: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Senarai Pekan/Bandar
- Petaling Jaya

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Logistik Kepentingan Nasional
- Seni, Budaya & Warisan
- Tadbir Urus

Berdaya Huni, Berdaya Tahan, Berdaya Saing dan Pintar

Petaling Jaya adalah teras pinggiran nasional dan hab Information and *Communication Technology* (ICT), pusat data dan bangunan MSC yang menjadi tunggak ekonomi digital Selangor Pembangunan Petaling Jaya disokong oleh pusat data bertaraf tinggi seperti NEXTDC KL1, TM KJDC dan Strateqq DC1. Kedudukannya yang terhubung melalui rangkaian pengangkutan pelbagai mod yang menyeluruh merangkumi LRT, MRT, KTM dan DRT serta lebuh raya utama seperti LDP, SPRINT dan NPE, menjadikan Petaling Jaya nod ekonomi dan pengangkutan yang paling matang dan berdaya saing dalam sistem negeri Selangor.

Petaling Jaya mempunyai identiti budaya, runcit dan rekreasi yang kaya, daripada destinasi membelibelah ikonik seperti 1 Utama, The Curve, Hextar Mall, Paradigm Mall, IKEA dan Starling Mall, kepada acara budaya seperti PJ Folklore Festival serta hub sukan yang menjadi tuan rumah kepada Selangor FC dan Tower Running. Hutan Komuniti Kota Damansara, Hutan Pendidikan Bukit Gasing dan Taman Rimba Riang menyediakan ruang hijau penting, manakala PJ Old Town sebagai bandar satelit pertama Malaysia menambah nilai warisan sejarah daerah ini.

Di bawah RS-2, Petaling Jaya disasarkan untuk terus berkembang sebagai bandar yang berdaya huni, berdaya tahan, berdaya saing dan pintar melalui pengukuhan kelompok teknologi tinggi dalam semikonduktor dan R&D, hab ekonomi bandar, pelancongan bandar, pembangunan rendah karbon, TOD dan perumahan mampu milik sebagai teras pembangunan daerah.

Fokus Spatial

- **Kelompok industri bernilai tinggi: berteknologi tinggi, berasaskan penyelidikan dan pembangunan (R&D), impak pencemaran minimum (semikonduktor, teknologi maklumat dan komunikasi)**
- **Hab ekonomi bandar**
- **Pelancongan bandar**
- **Bandar rendah karbon**
- **Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)**
- **Perumahan mampu milik**

10.2.3
PBT: Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)

Senarai Pekan/Bandar
- Subang Jaya

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Tadbir Urus

Bandar Pilihan yang Mampan dan Penuh Peluang

Subang Jaya merupakan teras konurbasi nasional yang mempunyai ekosistem teknologi tinggi yang matang, merangkumi hab *Information and Communication Technology* (ICT), Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Subang dan Taman Perindustrian UEP Subang. Keupayaan ini diperkukuh oleh kesalinghubungan pengangkutan pelbagai mod melalui rangkaian LRT, MRT, KTM dan DRT, serta lebuh raya utama seperti LDP, NPE dan ELITE. Kehadiran institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa seperti Sunway University, Taylor's, SEGi College, INTI College dan Monash, di samping kemudahan kesihatan seperti SJMC, Sunway Medical dan Columbia Asia Puchong, mengukuhkan peranan Subang Jaya sebagai hab ilmu dan perkhidmatan yang komprehensif di Selangor.

Subang Jaya mempunyai landskap runcit, sukan dan rekreasi yang paling rancak di Selangor, daripada destinasi membeli-belah utama seperti Sunway Pyramid, Empire Subang, Damen USJ dan Summit USJ, kepada arena sukan bertaraf tinggi seperti Stadium MBSJ, Stadium Subang Jaya dan Stadium 3K. Ruang hijau dan rekreasi seperti Taman Tasik Subang Ria dan Taman Rekreasi Hutan Bandar MBSJ, bersama tarikan pelancongan Sunway Lagoon di Bandar Sunway, melengkapkan identiti daerah ini sebagai destinasi hidup, kerja dan bermain yang dinamik.

Di bawah RS-2, Subang Jaya disasarkan untuk berkembang sebagai bandar pilihan yang mampan dan penuh peluang melalui penyepaduan guna tanah, pengangkutan dan mobiliti yang bersepadu, pembangunan hijau dan rendah karbon yang berterusan, perumahan dan kemudahan yang inklusif, kejiranan berdaya huni, pemerkasaan komuniti, kewangan yang mampan dan tadbir urus yang berkesan.

Fokus Spatial
- Pengangkutan dan mobiliti bersepadu
- Perancangan bandar dan pengurusan tanah bersepadu
- Pembangunan hijau dan rendah karbon
- Pembangunan ekonomi dan peluang
- Perumahan dan kemudahan bersepadu
- Kejiranan berdaya huni
- Pemerkasaan komuniti
- Kewangan yang mampan
- Tadbir urus yang berkesan

10.3
Daerah: Klang

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
1,174,900	62,322.77 Ha	99.60%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
1,188,700	1,683 orang/km²	12



Inisiatif Utama di Klang

	Senarai Projek
Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Selangor	• Transformasi Budaya of Lorong Gopeng Klang
Managed Industrial Park	• Bandar Bukit Raja 4 *Business Park*

10.3.1
PBT: Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)

Senarai Pekan/Bandar
- Klang
- Meru
- Kapar
- Pulau Indah

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Logistik Kepentingan Nasional
- Seni, Budaya & Warisan
- Tadbir Urus

Memperkasa Klang sebagai Bandar Warisan Diraja dan Hab Pelabuhan Global Berdaya Saing melalui Pembangunan Lestari

Klang adalah teras konurbasi nasional dan hab pelabuhan, maritim dan logistik utama Selangor yang menempatkan Port Klang Free Zone sebagai nod logistik kepentingan nasional dengan disokong oleh industri halal di Pulau Indah dan pembangunan bio-teknologi Selangor Biobay. Kesalinghubungannya melalui ECRL, KTM, LRT, MRT dan lebuh raya WCE, di samping kemudahan pelabuhan dengan landasan cabang *(spur line)* ke North Port, menjadikan Klang pintu masuk perdagangan dan logistik terpenting negeri dalam konteks ZPE-SMG dan rangkaian maritim serantau.


Klang juga merupakan ibu negeri diraja Selangor yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya pelbagai kaum. Ia menempatkan menempatkan Galeri Sultan Abdul Aziz Shah, Istana Alam Shah dan kawasan Bandar Diraja yang menjadi aset warisan yang unik. Identiti perdagangan borong dan runcit serta warisan budaya pelbagai kaum menjadikan Klang sebagai destinasi pelancongan warisan yang tersendiri. Program pemulihan Sungai Klang (SMG) pula memainkan peranan penting dalam memulihkan ekologi dan meningkatkan kualiti persekitaran bandar tepi sungai di daerah ini.

Di bawah RS-2, Klang disasarkan untuk berkembang sebagai Bandar Warisan Diraja dan pelabuhan berdaya saing global melalui pendekatan pembangunan lestari yang menyeluruh dengan mengoptimumkan Guna tanah dan sumber asli yang optimum, memperkukuh ekonomi yang berdaya saing, mewujudkan komuniti berdaya huni, memelihara kualiti alam sekitar, meningkatkan infrastruktur pengangkutan yang cekap dan memastikan tadbir urus yang berkesan.

Fokus Spatial
- Guna tanah dan sumber asli yang optimum
- Ekonomi yang berdaya saing
- Komuniti yang berdaya huni
- Kualiti alam sekitar
- Infrastruktur dan pengangkutan yang cekap
- Tadbir urus yang berkesan

10.4
Daerah: Gombak

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
980,300	62,630.03 Ha	99.43%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
1,271,800	1,445 orang/km²	4



Inisiatif Utama di Gombak

	Senarai Projek
Pelan Induk Pelancongan	• Sukan Ekstrem di Bukit Takun • Pembangunan Infrastruktur Taman Eko Rimba Kanching
Kluster Eko-Pelancongan	• Pensijilan UNESCO Geopark Gombak-Hulu Langat
Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga	• Loji Sultan Idris Shah Green Energy (SISGE)

10.4.1
PBT: Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Senarai Pekan/Bandar
- Rawang
- Selayang
- Batu Caves
- Kuang
- Batu Arang

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Semula Jadi

Bandar Mampan, Berteknologi Tinggi dan Berdaya Saing

Selayang ialah kawasan pinggiran konurbasi nasional yang mempunyai asas perindustrian yang kukuh merangkumi industri berat, sektor perkhidmatan dan PKS di sepanjang koridor Rawang-Templer-Kundang, serta industri teknologi tinggi di Elmina. Kedudukannya sebagai hab ilmu melalui kehadiran IIUM, UNISEL dan UniKL BMI, di samping kemudahan penjagaan kesihatan bertaraf tinggi seperti Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang, menjadikan Gombak daerah yang berdaya saing dari segi modal insan dan infrastruktur sosial.

Gombak mempunyai kekayaan warisan dan aset semula jadi yang luar biasa seperti Batu Caves yang menjadi ikon keagamaan bertaraf UNESCO, Muzium Orang Asli dan Taman Hutan FRIM, Geopark Gombak-Hulu Langat yang merangkumi Bukit Takun dan landskap batu kapur yang unik. Sebahagian daripada Taman Warisan Negeri Selangor dan *Central Forest Spine* (CFS) turut terletak dalam daerah ini, menjadikan Gombak nod eko-rekreasi dan pelancongan warisan yang penting bagi negeri Selangor.

Di bawah RS-2, Selayang disasarkan untuk berkembang sebagai bandar yang mampan, berteknologi tinggi dan berdaya saing melalui pembangunan pembandaran yang progresif, kesalinghubungan yang menyeluruh via ECRL dan laluan Gombak-Bentong, pembangunan ekonomi yang makmur, serta pemeliharaan alam sekitar yang mampan dan kecemerlangan tadbir urus sebagai teras pembangunan daerah.

Fokus Spatial
- Pembandaran yang progresif
- Kesalinghubungan yang menyeluruh
- Pembangunan ekonomi yang berdaya saing
- Komuniti yang makmur
- Pemeliharaan alam sekitar yang mampan
- Kecemerlangan tadbir urus

10.4.2
PBT: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

Senarai Pekan/Bandar
- Ampang Jaya

Kekuatan Utama
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Semula Jadi

Kesejahteraan Alam Sekitar yang Berdaya Huni dan Selamat

Ampang Jaya adalah kawasan pinggiran konurbasi nasional yang bersempadan terus dengan Kuala Lumpur, menjadikannya pintu masuk strategik ke ibu negara melalui laluan Gombak–Bentong ke Pantai Timur. Kemudahan penjagaan kesihatan bertaraf tinggi seperti Hospital Ampang, Hospital Pantai Ampang dan KPJ Ampang Puteri, disamping kawasan dormitori utama seperti Taman Melawati, Ukay Perdana dan Pandan Indah, menjadikan Ampang Jaya daerah yang berfungsi sebagai pusat kediaman dan perkhidmatan penting bagi penduduk Lembah Klang.

Ampang Jaya mempunyai identiti budaya dan alam sekitar yang tersendiri, daripada gastronomi Satay Kajang yang ikonik dan pemandangan indah Bukit Ampang, kepada aset ekologi seperti Hutan Rekreasi Ampang, Bukit Belacan dan Bukit Tabur yang merupakan sebahagian daripada Geopark Gombak–Hulu Langat. Kehadiran Zoo Negara dan Tasik Pandan Perdana turut memperkaya landskap rekreasi dan warisan daerah ini sebagai sebahagian daripada Taman Warisan Negeri Selangor.

Di bawah RS–2, Ampang Jaya disasarkan untuk berkembang sebagai daerah yang berdaya huni dan selamat dengan kesejahteraan alam sekitar yang terjaga melalui guna tanah dan sumber yang optimum semula jadi, ekonomi yang berdaya saing, komuniti yang makmur, kualiti persekitaran yang terpelihara serta infrastruktur pengangkutan yang cekap dan mudah diakses.

Fokus Spatial
- Guna tanah dan sumber yang optimum
- Ekonomi yang berdaya saing
- Komuniti yang makmur
- Kualiti alam sekitar
- Infrastruktur dan pengangkutan yang cekap



10.5
Daerah: Hulu Langat

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
1,508,100	85,912.99 Ha	97.65%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
1,662,500	1,683 orang/km²	26



Inisiatif Utama di Hulu Langat

	Senarai Projek
Kluster Eko-Pelancongan	• Pensijilan UNESCO Geopark Gombak-Hulu Langat
Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway	• Loji Langat 2 (Fasa 2)

10.5.1
PBT: Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Senarai Pekan/Bandar
- Kajang

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Alam Sekitar

Bandar Pilihan untuk Didiami dengan Perkhidmatan Bandar yang Kondusif dan Alam Sekitar yang Mampan

Kajang ialah daerah pinggiran konurbasi nasional yang mempunyai asas perindustrian dan logistik yang kukuh, ia merangkumi koridor perindustrian dan logistik Semenyih–Beranang serta Zon Inovasi dan Teknologi Hulu Langat–Cheras Utara. Kedudukannya yang terhubung melalui lebuh raya utama seperti SUKE, LEKAS, EKVE dan SILK, serta laluan rel MRT Sungai Buloh–Kajang dan LRT Kajang–Bangi–Putrajaya, menjadikan Kajang nod pengangkutan dan logistik yang strategik dalam sistem negeri Selangor.

Kajang mempunyai warisan budaya yang tersendiri seperti Kajang Old Town, pelancongan runcit dan pendidikan di Bandar Baru Bangi. Peranannya turut disokong oleh hab ilmu melalui kehadiran UKM, UPM, UNITEN dan GMI. Aset semula jadi daerah ini turut menjadi kekuatan utama, merangkumi sebahagian daripada Geopark Gombak–Hulu Langat, Hutan Simpan Gunung Nuang dan Bukit Broga, air terjun seperti Sungai Gabai dan Sungai Tekala, serta Tasik Hulu Langat, sekali gus meletakkan Kajang sebagai daerah yang berpotensi tinggi untuk pembangunan pelancongan hijau.

Di bawah RS–2, Kajang disasarkan untuk berkembang sebagai bandar berdaya huni dengan perkhidmatan bandar yang kondusif dan alam sekitar yang mampan melalui pembandaran yang progresif, kesalinghubungan yang menyeluruh, pembangunan ekonomi yang berdaya saing, komuniti yang makmur, pemeliharaan alam sekitar yang lestari dan kecemerlangan tadbir urus sebagai teras pembangunan daerah.

Fokus Spatial
- Pembandaran yang progresif
- Kesalinghubungan yang menyeluruh
- Pembangunan ekonomi yang berdaya saing
- Komuniti yang makmur
- Pemeliharaan alam sekitar yang mampan
- Kecemerlangan tadbir urus

10.6
Daerah: Sepang

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
346,900	**55,955.86 Ha**	**95.95%**
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
498,700	**590 orang/km²**	**6**



Inisiatif Utama di Sepang

Projek Pembangunan Semikonduktor	Pusat semikonduktor bertaraf antarabangsa melibatkan segmen bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu.
IC Design Park Cyberjaya (Fasa 2)	Inisiatif pembangunan ini menyasarkan perkembangan industri reka bentuk litar bersepadu Malaysia dan melengkapkan bakat tempatan dengan keupayaan reka bentuk cip.
Selangor *Aero Park* @ KLIA Aeropolis	Hab perindustrian bertaraf antarabangsa dalam sektor aeroangkasa, E&E dan sains hayat.
	Senarai Projek
Integrated Development Region in South Selangor (IDRISS)	• Hab AgTech & Sains Hayat Bersepadu • Sepang Goldcoast
Pemeliharaan Budaya dan Warisan	• Penggazetan Tapak Warisan Perlombongan Bijih Timah Nasional (Dengkil)

10.6.1
PBT: Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)

Senarai Pekan/Bandar
- Bandar Baru Salak Tinggi
- Bandar Sepang
- Cyberjaya
- Dengkil
- Kota Warisan
- Sungai Pelek

Kekuatan Utama
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Logistik Kepentingan Nasional
- Aset Alam Sekitar

Gerbang kepada Teknologi Strategik dalam Komuniti yang Mampan

Sepang merupakan pintu masuk udara utama negara serta hab aeroangkasa strategik di Selangor. Daerah ini menempatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai lapangan terbang utama negara, Litar Antarabangsa Sepang, serta Infinity Sepang Corridor sebagai zon inovasi dan kehidupan pintar, di samping Hab Digital dan Teknologi Serantau di Cyberjaya. Koridor Perindustrian Sepang yang merangkumi industri teknologi tinggi, industri hijau dan tenaga boleh baharu, serta kedudukannya dalam rangkaian pinggiran logistik IDRISS, memperkukuh peranan Sepang sebagai zon pertumbuhan ekonomi berteknologi tinggi paling strategik di selatan Selangor.

Sepang mempunyai aset ekologi dan rekreasi yang tersendiri merangkumi destinasi eko-pelancongan seperti Pantai Bagan Lalang, Taman Tasik Cyberjaya, Sungai Sepang, Dragon Fruit Farm dan Ladang Buluh yang menawarkan pengalaman agro dan eko-pelancongan yang unik. Kawasan ini juga merupakan antara penempatan utama komuniti Orang Asli, sekali gus memperkayakan dimensi warisan budaya dan memperkukuh pendekatan pembangunan daerah yang lebih inklusif.

Di bawah RS-2, Sepang disasarkan berkembang sebagai Gerbang Strategik Teknologi dalam Komuniti Mampan, melalui pendekatan pembangunan bersepadu yang merangkumi perancangan fizikal dan guna tanah secara holistik, pengurusan alam sekitar dan geobahaya yang lestari, pemerkasaan ekonomi berteraskan inovasi dan teknologi digital, peningkatan kebolehdiaman serta inklusiviti sosial, penyediaan infrastruktur dan kesalinghubungan yang efisien, pengukuhan imej serta reka bentuk bandar, dan tadbir urus yang berkesan.

Fokus Spatial
- Pembangunan fizikal dan guna tanah yang menyeluruh
- Pengurusan alam sekitar dan geobahaya yang mampan
- Memajukan ekonomi berasaskan teknologi inovatif dan digital
- Meningkatkan kebolehdiaman dan inklusiviti sosial
- Infrastruktur dan kesalinghubungan yang cekap
- Imej dan reka bentuk bandar yang padu
- Tadbir urus yang berkesan

10.7
Daerah: Kuala Langat

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
326,300	85,912.99 Ha	86.76%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
423,900	360 orang/km²	0



Inisiatif Utama di Kuala Langat

Pelabuhan Carey & Carey Selangor	Hab pelabuhan dan logistic bertaraf antarabangsa dengan kapasiti 30 hingga 36 juta TEU setahun.
	Senarai Projek
Managed Industrial Park	• Compass @ Kota Seri Langat Fasa 1
Integrated Development Region in South Selangor (IDRISS)	• Able Global Complex • Amverton Cove Eco-Integrated
Pemeliharaan Budaya dan Warisan	• Pemuliharaan Bangunan Istana Bandar Kuala Langat
Projek Infrastruktur Sisa-ke-Tenaga	• Loji Tanjung 12 WTE
Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway	• Labohan Dagang Fasa 2

10.7.1
PBT: Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)

Senarai Pekan/Bandar
- Banting
- Tanjung Sepat
- Saujana Putra

Kekuatan Utama
- Pertanian
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Logistik Kepentingan Nasional
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Alam Sekitar

Kuala Langat sebagai Pusat Pertumbuhan Baharu yang Dinamik, Berdaya Huni dan Mampan dalam Konurbasi Lembah Klang Selatan

Kuala Langat merupakan daerah pertumbuhan baharu di selatan Selangor dengan asas ekonomi yang semakin kukuh dan tersusun. Pembangunan daerah ini merangkumi Pusat Agrotekmak Batu serta koridor agroindustri Tumbok–Telok Datok yang menyokong sektor makanan, di samping pengukuhan aktiviti perindustrian dan logistik melalui hab pesisir Kota Seri Langat, Seri Langat Premier Industrial Park dan Banting Industrial City sebagai zon perindustrian utama. Koridor Telok Panglima Garang FTZ turut berfungsi sebagai nod logistik berkepentingan nasional, manakala Hab Pengangkutan Bersepadu Banting memperteguh peranan Kuala Langat sebagai pintu masuk ekonomi selatan Selangor dalam kerangka IDRISS.


Kuala Langat mempunyai keunikan tersendiri melalui gabungan aset pesisir dan warisan yang bernilai tinggi. Daerah ini menempatkan nod pelancongan Banting, warisan serta eco-corridor Jugra, komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, serta Goldcoast Morib sebagai destinasi pelancongan pesisir utama. Koridor Pesisir Pulau Carey–Morib dan Tali Pinggang Pesisir Kelanang–Morib pula membentuk rangkaian ekologi pesisir yang penting, disokong oleh aset semula jadi dan rekreasi seperti Mangrove Haven, Taman Bandaran Sungai Langat Promenade dan Pantai Kelanang–Morib.

Di bawah RS-2, Kuala Langat disasarkan untuk berkembang sebagai pusat pertumbuhan baharu yang dinamik, berdaya huni dan mampan dalam konurbasi Klang Valley Selatan melalui pengangkutan bersepadu, industri teknologi tinggi, pertanian moden, pelancongan antarabangsa, bandar yang lestari dan berdaya tahan, pembangunan brownfield, tadbir urus sumber asli yang berkesan, pengurusan sungai bersepadu, perumahan mampu milik, infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh, konsep bandar pintar dan kerjasama strategik yang menyokong pengurusan kewangan yang berkesan.

Fokus Spatial
- Pengangkutan bersepadu
- Industri teknologi tinggi
- Pertanian moden
- Pelancongan antarabangsa
- Bandar yang berdaya huni dan berdaya tahan
- Pembangunan *brownfield*
- Tadbir urus sumber asli yang berkesan dan pintar
- Pengurusan sungai bersepadu
- Pengurusan alam sekitar yang mampan
- Perumahan yang berkualiti dan mampu milik
- Infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh
- Ruang awam yang selesa dan selamat
- Konsep bandar pintar
- Pembangunan kesejahteraan
- Pengurusan kewangan yang berkesan

10.8
Daerah: Kuala Selangor

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
298,400	119,403.00 Ha	40.40%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
340,800	251 orang/km^2	3



Projek yang dipaparkan dalam peta ini merangkumi projek tempatan yang berlangsung, dan bukan sebahagian inisiatif RS-2.

Inisiatif Utama di Kuala Selangor

Anjung Utara Selangor (dahulunya KUSDEZ)	Hab pertumbuhan ekonomi serantau baharu dalam sektor logistik, agriteknologi dan industri hijau.

10.8.1
PBT: Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)

Senarai Pekan/Bandar
- Tanjong Karang
- Bestari Jaya
- Kuala Selangor
- Saujana Utama
- Ijok
- Puncak Alam

Kekuatan Utama
- Pertanian
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Semula Jadi

Merangsang Ekonomi Daerah ke Arah Persekitaran yang Berdaya Tahan dan Komuniti yang Inklusif

Kuala Selangor adalah daerah pinggiran konurbasi nasional yang memainkan peranan penting dalam menyokong pertanian, perindustrian ringan dan logistik negeri. Melalui Anjung Utara Selangor dan inisiatif TKPM serta IADA-BLS, daerah ini membangunkan ekosistem pertanian yang merangkumi akuakultur dan penternakan, disokong oleh taman agro-pemprosesan dan nod logistik rantai sejuk sepanjang Jajaran Rel Kita Selangor, menjadikan Puncak Alam sebagai pusat industri dan pengangkutan yang semakin berkembang.


Kuala Selangor memiliki kekayaan aset semula jadi dan warisan budaya yang signifikan, daripada Hutan Simpan Raja Musa sebagai sebahagian daripada Koridor Hutan Tengah, hingga ke destinasi eko-pelancongan seperti Bukit Malawati, Taman Alam dan Sky Mirror. Keunikan tarikan seperti kelip-kelip di Kg Kuantan dan Kg Berembang, serta aktiviti pemerhatian hidupan liar, mengukuhkan kedudukan daerah ini sebagai nod pelancongan berasaskan alam semula jadi yang berdaya tarikan tinggi di Selangor.

Di bawah RS-2, Kuala Selangor disasarkan untuk berkembang sebagai daerah yang merangsang ekonomi tempatan ke arah persekitaran yang berdaya tahan dan komuniti yang inklusif dengan mengintegrasikan pengukuhan ekonomi pertanian dan perindustrian, peningkatan kesejahteraan penduduk dan pengurusan sumber asli, dengan sokongan infrastruktur pengangkutan seperti TOD dan COD Puncak Alam serta kesalinghubungan melalui ECRL.

Fokus Spatial
- Mengukuhkan infrastruktur perbandaran dan petempatan
- Mengukuhkan ekonomi pertanian
- Meningkatkan ekonomi perindustrian dan perkhidmatan
- Mengukuhkan kesejahteraan penduduk
- Pengurusan sumber asli
- Mengukuhkan sistem infrastruktur komunikasi

10.9
Daerah: Hulu Selangor

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
258,100	175,390.35 Ha	73.40%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
382,400	139 orang/km²	7



Inisiatif Utama di Hulu Selangor

Green Industrial Park (GRIP)	Kelompok pembuatan komponen automotif dan EV Tier 2-3 seluas 3,200 ekar di Bernam Jaya.
Lembah Beringin High Tech Auto Valley	Hab automotif bertaraf tinggi bagi menghidupkan semula aktiviti ekonomi daerah Hulu Selangor, dengan penyerahan tanah kepada Chery sebagai langkah awal pelaksanaan.
	Senarai Projek
Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Selangor	• Pemulihan Rumah Rehat GAP • Naik Taraf Rumah Rehat Sri Berkat dan Padang Awam
Skim Bekalan Air dan Selangor Maritime Gateway	• Loji Rasau Fasa 1

10.9.1
PBT: Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)

Senarai Pekan/Bandar
- Bukit Beruntung
- Batang Kali
- Hulu Bernam
- Kuala Kubu Bharu

Kekuatan Utama
- Pertanian
- Perindustrian
- Pengangkutan
- Infrastruktur Sosial
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Alam Sekitar

Daerah Mampan, Pintar dan Mesra Pelabur

Hulu Selangor adalah daerah pinggiran konurbasi nasional yang mempunyai asas ekonomi yang pelbagai merangkumi pertanian moden melalui Zon Perindustrian Akuakultur (ZIA), TKPM Hulu Yam, Batang Kali dan Kerling, industri E&E melalui SIRIM Smart Manufacturing di Rasa, serta hab pengangkutan dan logistik nasional di Serendah yang menghubungkan Klang ke Pantai Timur melalui ECRL dan menjadi pintu masuk utama ke Perak dan Pahang. Kehadiran Anjung Utara Selangor sebagai hab ekonomi turut memperkukuh potensi pelaburan daerah ini dalam sektor bernilai tinggi.

Daerah ini juga kaya dengan warisan dan aset semula jadi, termasuk Kuala Kubu Bharu yang dicadangkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, petempatan Orang Asli utama di Selangor, serta destinasi eko-pelancongan seperti Bukit Kutu, air terjun Sungai Chilling dan Ulu Yam. Selangor Fruit Valley urut menjadi tarikan agro-pelancongan yang unik, manakala Hutan Simpan Bukit Tarek, Hutan Simpan Gading dan Hutan Warisan Diraja Selangor melengkapkan identiti ekologi daerah ini sebagai sebahagian daripada *Central Forest Spine* (CFS).

Di bawah RS-2, Hulu Selangor disasarkan untuk berkembang sebagai daerah pintar dan mampan yang mesra pelabur melalui pengangkutan bersepadu, industri teknologi tinggi, pertanian moden, pelancongan bandar dan lestari, perumahan mampu milik, pembangunan *brownfield*, pengurusan sumber asli yang berkesan, pengurusan sungai bersepadu, infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh, pewujudan ruang awam yang selesa dan selamat, penerapan konsep bandar pintar, peningkatan kesejahteraan masyarakat serta pengurusan kewangan yang berkesan.

Fokus Spatial
- Pengangkutan bersepadu
- Industri teknologi tinggi
- Pertanian moden
- Pelancongan antarabangsa
- Bandar yang berdaya huni dan berdaya tahan
- Pembangunan *brownfield*
- Tadbir urus sumber asli yang berkesan dan pintar
- Pengurusan sungai bersepadu
- Pengurusan alam sekitar yang mampan
- Perumahan yang berkualiti dan mampu milik
- Infrastruktur dan utiliti yang menyeluruh
- Ruang awam yang selesa dan selamat
- Konsep bandar pintar
- Pembangunan kesejahteraan
- Pengurusan kewangan yang berkesan

10.10
Daerah: Sabak Bernam

Penduduk 2024 (DOSM)	Keluasan	Kadar Pembandaran
110,300	100,081.92 Ha	40.40%
Unjuran Penduduk 2030	**Kepadatan Penduduk**	**Bilangan Tapak PSB**
207,800	117 orang/km²	0



Inisiatif Utama di Sabak Bernam

	Senarai Projek
SABDA	• Sekinchan Integrated Landing Port – Pelabuhan Pendaratan Bersepadu Sekinchan • Pembangunan Semula Rumah Rehat Sabak Bernam • Anjung Utara Selangor Biosphere Reserve • Pembangunan Zon Industri Perikanan Sungai Lang • Jambatan Sungai Air Tawar – Hutan Melintang • Eko Pelancongan Ban Canal • R&R Air Manis dan Kompleks Agropolitan Sabak Bernam • Pusat Pengumpulan Hasil Tani

10.10.1
PBT: Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)

Senarai Pekan/Bandar
- Sabak Bernam
- Sekinchan
- Sungai Besar

Kekuatan Utama
- Pertanian
- Perindustrian
- Seni, Budaya & Warisan
- Aset Alam Sekitar

Daerah Agropolitan yang Mampan dan Berdaya Maju

Sabak Bernam merupakan daerah agropolitan utama Selangor yang berperanan sebagai jelapang makanan negeri dalam menyokong keterjaminan makanan melalui pembangunan pertanian moden, akuakultur dan penternakan. Melalui inisiatif seperti TKPM, IADA-BLS dan SABDA, daerah ini memacu pembangunan pertanian berskala besar yang berteraskan penyelidikan dan pembangunan, amalan terbaik serta penggunaan teknologi pintar, dengan Sekinchan dan Sungai Besar berfungsi sebagai pemangkin kepada perkembangan industri hiliran berasaskan agro.

Kekayaan semula jadi Sabak Bernam menjadikannya destinasi eko-pelancongan yang istimewa. Hutan paya bakau, Hutan Gambut Sungai Panjang, Pantai Redang dan Pusat Pemuliharaan Enggang di Sungai Panjang membentuk aset ekologi yang sangat berharga. Identiti agro-pelancongan daerah ini, terutama di Sungai Besar dan Sekinchan, turut menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan melalui tarikan pelancong domestik dan antarabangsa.

Di bawah RS-2, Sabak Bernam disasarkan untuk berkembang sebagai daerah agropolitan yang mampan dan berdaya maju dengan mengintegrasikan pengukuhan ekonomi pertanian dan perindustrian, peningkatan kesejahteraan penduduk, pengurusan sumber asli serta pemerkasaan infrastruktur komunikasi, bagi memastikan sumbangan berterusan dan signifikan kepada sistem pembangunan negeri Selangor.

Fokus Spatial
- Mengukuhkan infrastruktur perbandaran dan petempatan
- Mengukuhkan ekonomi pertanian
- Meningkatkan ekonomi perindustrian dan perkhidmatan
- Mengukuhkan kesejahteraan penduduk
- Pengurusan sumber asli
- Mengukuhkan sistem infrastruktur komunikasi

10.11
Kesimpulan Pembangunan Serantau



Kawasan Metropolitan

Petaling
Shah Alam
Subang Jaya

Memacu ekonomi berasaskan perkhidmatan, inovasi dan bandar pintar.



Gerbang Logistik Global

Klang
Sepang


Menjadi pintu masuk perdagangan global melalui pelabuhan, aeroangkasa dan rantaian bekalan.



Rangkaian Agro & Keterjaminan Makanan

Sabak Bernam
Kuala Selangor

Menjamin bekalan makanan melalui pertanian moden dan agro-ekonomi.



Koridor Industri & Pertumbuhan Baharu

Hulu Langat
Hulu Selangor
Kuala Langat

Memacu perindustrian dan teknologi tinggi sebagai enjin pertumbuhan baharu.



Zon Ekologi & Tadahan

Gombak

Melindungi sumber asli dan kawasan tadahan air sebagai aset kelestarian negeri.

RS-2 tidak sekadar menyusun pembangunan mengikut lokasi, tetapi menyelaraskan fungsi setiap daerah sebagai sebahagian daripada satu sistem negeri yang bersepadu. Melalui pendekatan berasaskan peranan daerah, pembangunan dapat dilaksanakan secara lebih tersasar, berdaya tahan dan responsif kepada konteks setempat, di samping memastikan setiap intervensi menyumbang kepada kekuatan keseluruhan negeri.

Dengan itu, masa depan Selangor akan dibentuk oleh satu sistem negeri yang terselaras, saling bergantung dan mampu berkembang secara mampan untuk jangka panjang.





Bab 11

Kerangka Tadbir Urus dan Penyampaian RS-2

11
Kerangka Tadbir Urus dan Penyampaian RS-2

Dalam landskap pembangunan yang semakin kompleks dan saling berkait, kejayaan tidak lagi ditentukan oleh keupayaan sektor bergerak secara berasingan, tetapi oleh sejauh mana seluruh ekosistem kerajaan, industri, komuniti, dan rakan strategik dapat bergerak sebagai satu kesatuan. Atas kesedaran ini, RS-2 mengangkat pendekatan penyampaian berasaskan misi sebagai asas tadbir urus pembangunan negeri. Pendekatan ini menzahirkan komitmen Selangor untuk bergerak secara lebih tangkas, bekerjasama, dan berfokuskan impak sebenar kepada rakyat.

Kerangka penyampaian RS-2 digerakkan oleh prinsip-prinsip yang mencerminkan aspirasi negeri masa hadapan:

1. Pemantauan dan Penilaian Sebagai Teras Hala Tuju Pembangunan

Setiap inisiatif bukan sahaja diukur dari segi pelaksanaan, tetapi dari segi perubahan sebenar yang dibawa kepada rakyat, ekonomi, dan alam sekitar.

---

2. Budaya Prestasi dan Penyelesaian Secara Tangkas

RS-2 membudayakan pendekatan penyelesaian masalah yang proaktif dan tangkas. Cabaran pelaksanaan tidak dilihat sebagai halangan, tetapi sebagai ruang untuk inovasi, penyelarasan semula, dan penambahbaikan berterusan.

---

3. Ketelusan Melalui Standardisasi dan Data Bersama

Melalui sistem pelaporan yang seragam dan telus, setiap misi dapat bergerak dengan kefahaman bersama terhadap kemajuan, cabaran, dan keutamaan tindakan. Ini mengukuhkan keyakinan antara agensi serta meningkatkan kecekapan membuat keputusan.

---

4. Penyelesaian Isu Secara Berstruktur dan Bertanggungjawab

RS-2 memastikan setiap isu mempunyai laluan penyelesaian yang jelas, teratur, dan responsif, sekali gus mengurangkan kelewatan pelaksanaan dan mengelakkan pertindihan tanggungjawab.

11.1
Mekanisme Tadbir Urus dan Penyampaian RS-2

Peralihan daripada pendekatan berasaskan teras kepada pendekatan berasaskan misi menandakan transformasi cara Selangor mentadbir pembangunan. Melalui pendekatan ini, penyeliaan pembangunan diperluas untuk meliputi enam misi negeri, dengan setiap misi diperkukuh melalui mekanisme tadbir urus dan penyampaian yang khusus dan tersasar.

Pendekatan ini bukan sekadar perubahan struktur, tetapi turut menuntut perubahan budaya kerja. Peralihan ini melibatkan transformasi daripada bekerja dalam silo kepada bergerak sebagai satu pasukan negeri yang berkongsi matlamat dan akauntabiliti bersama.

Struktur tadbir urus RS-2 mengekalkan kesinambungan institusi sedia ada sambil memperkukuh peranan strategik setiap komponen bagi memastikan kejelasan mandat dan keberkesanan pelaksanaan:

- **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) / Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)**
  Berfungsi sebagai pemegang amanah hala tuju strategik negeri, memastikan setiap keputusan besar pembangunan selari dengan aspirasi jangka panjang Selangor serta kepentingan rakyat secara menyeluruh.

- **Jawatankuasa Penyelarasan dan Penyelesaian (CORE)**
  Menjadi ruang penyelarasan strategik yang memastikan pelaksanaan RS-2 kekal berada pada landasan yang tepat, sambil menyediakan platform penyelesaian cabaran pelaksanaan secara bersepadu dan pantas.



- **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

  Seksyen Makro dan Penswastaan di bawah UPEN bertindak sebagai pemikir strategik negeri yang memastikan hala tuju dasar pembangunan kekal kukuh, konsisten, dan berasaskan bukti serta unjuran masa hadapan.

- **Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit (SIAP)**

  Menjadi nadi pemantauan pelaksanaan negeri, memastikan setiap inisiatif bukan sahaja dilaksanakan, tetapi berjaya mencapai hasil yang dirancang serta memberi nilai tambah kepada rakyat.

- **Selangor Research Institute (SRI)**

  SRI akan bertindak sebagai cabang penyelidikan impak yang menumpukan pada analisis data untuk menilai hasil pelaksanaan dan impak inisiatif dan projek. Ini adalah peranan baharu yang diperkenalkan dalam RS-2 untuk membolehkan analisis dipacu data yang dapat membantu dalam pemantauan dan hala tuju RS-2.

- **Kumpulan Kerja Berasaskan Misi**

  Menjadi pemacu utama pelaksanaan di lapangan, menggerakkan kerjasama antara agensi, pakar industri, dan komuniti bagi memastikan setiap inisiatif diterjemah kepada impak sebenar.

- **Jawatan Kuasa Tetap (STANDCO)**

  Sebagai peneraju portfolio sektor negeri, STANDCO memainkan peranan strategik dalam memandu keutamaan pelaksanaan, memperkukuh penyelarasan sektor, serta memastikan sokongan sumber dan pembiayaan bagi memacu kejayaan pelaksanaan misi.



Struktur Takbir Urus RS-2

Pembuat Keputusan

Pembuat Keputusan
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) / Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MES)

Sidang MTES Khas dwi-tahunan bagi Agenda RS-2

Pengawasan Pusat

Jawatankuasa Penyelarasan & Penyelesaian (CORE)
Dipengerusikan oleh SetiausahaKerajaan Negeri

Urus Setia
Sekretariat CORE (SIAP)

Peneraju Dasar:
UPEN Makro

Unit Pengawasan Pusat:
SIAP

Penyelidikan Impak & Analisis: **SRI**

Pelaksana

Misi 1 Ekonomi	Misi 2 Daerah	Misi 3 Kesejahteraan	Misi 4 Modal Insan	Misi 5 Kelestarian	Misi 6 Tadbir Urus
Peneraju utama CEO, MBI	**Peneraju utama** CEO, MBI	**Peneraju utama** Pengarah UPEN	**Peneraju utama** Pengarah UPEN	**Peneraju utama** Pengarah UPEN	**Peneraju utama** TSUK (M)
Sekretariat Invest Selangor	**Sekretariat** Invest Selangor	**Sekretariat** UPEN Sektoral	**Sekretariat** UPEN A&P	**Sekretariat** UPEN SPBT	**Sekretariat** BPSM
Mesyuarat Kumpulan Kerja JKERS	**Mesyuarat Kumpulan Kerja** SABDA IDRISS	**Mesyuarat Kumpulan Kerja** JKERS	**Mesyuarat Kumpulan Kerja** M4	**Mesyuarat Kumpulan Kerja** M5	**Mesyuarat Kumpulan Kerja** M6

STANDCOs



11.2
Kitaran Penyampaian dan Semakan RS-2

Beberapa penambahbaikan dalam struktur tadbir urus pelaksanaan RS-2 akan diperkenalkan, bagi mengukuhkan mekanisme pelaksanaan dan penyelesaian masalah yang lebih tangkas dan responsif.

- ## Mesyuarat Kumpulan Kerja / *Health Check* Bulanan

  Kumpulan Kerja berasaskan Misi akan menggerakkan permulaan, pelaksanaan, pemantauan dan penyelesaian masalah projek, program atau inisiatif di bawah misi masing-masing. Selain mesyuarat bulanan Kumpulan Kerja yang akan diketuai Ketua Misi, sesi mesyuarat *Health Check* akan diselaraskan oleh SIAP dengan Kumpulan Kerja Misi dan pemilik inisiatif dan projek untuk menyemak kemajuan dan membentangkan isu lebih awal, khususnya bagi projek dan inisiatif yang ketinggalan. Mesyuarat Kumpulan Kerja akan memantau indikator dan kemajuan inisiatif yang ketinggalan bagi mengenalpasti isu-isu pelaksanaan yang perlu ditangani atau diangkat ke peringkat pengurusan tertinggi.

- ## Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan CORE Dwi-Bulanan

  Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan & Penyelesaian (CORE) telah diperkenalkan semasa tempoh RS-1 sebagai platform bagi membincangkan kemajuan secara keseluruhan, isu pelaksanaan dan penyelesaian mitigasi. Kekerapan mesyuarat ini akan ditingkatkan daripada 4 bulan sekali kepada 2 bulan sekali dalam tempoh RS-2. Ini akan dilakukan untuk memastikan peningkatan kekerapan dapat memenuhi cabaran dinamik pelaksanaan, di mana isu yang memerlukan keputusan dapat ditangani dengan lebih kerap dan pantas.

- ## Sidang MMKN / MTES Dwi-Tahunan

  Satu sesi khas MMKN / MTES akan dijalankan dua kali setahun untuk mengemaskini pihak kepimpinan kerajaan Negeri tentang kemajuan RS-2, dan menangani sebarang isu kritikal yang menghalang kemajuan ke arah pelaksanaan inisiatif di bawah RS-2.

- ## Pelaporan Tahunan

  Diperkenalkan menerusi RS-2, laporan tahunan RS-2 akan diterbitkan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan inisiatif negeri. Lebih daripada sekadar laporan kemajuan, pelaporan ini turut merangkumi penilaian strategik terhadap cabaran yang dihadapi, peluang penambahbaikan dan perkembangan semasa. Pendekatan ini memastikan RS-2 kekal relevan dan adaptif, seterusnya memperkukuh impak pembangunan negeri secara berterusan.

- **Kajian Separuh Penggal**

  Kajian Separuh Penggal telah diperkenalkan semasa tempoh RS-1, bagi menyemak prestasi pelaksanaan dan mengemaskini dasar dan inisiatif di bawah RS-1. Mekanisme Kajian Separuh Penggal akan diteruskan dalam tempoh RS-2.

Melalui penambahbaikan terhadap sistem tadbir urus serta penyelarasan pelaksanaan yang lebih kukuh di bawah RS-2, impak terhadap inisiatif dan projek dijangka dapat memacu peningkatan ekonomi dan sosial bagi kesejahteraan rakyat Selangor.



Kesimpulan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) 2026-2030

Pada masa yang sama, RS-2 menyusun Selangor sebagai satu sistem negeri yang saling melengkapi, di mana kawasan metropolitan, zon industri, hab logistik, kawasan agro dan ekologi masing-masing memainkan peranan tersendiri dalam menyokong kekuatan negeri secara keseluruhan.

RS-2 menggariskan hala tuju pembangunan Selangor yang lebih strategik, seimbang dan berdaya tahan, dengan menekankan pendekatan berasaskan tempat serta kekuatan istimewa setiap daerah.

Dengan penyelarasan erat antara kerajaan negeri, PBT dan rakan pelaksana, setiap inisiatif RS-2 akan diterjemahkan kepada impak sebenar yang dirasai secara langsung oleh rakyat di setiap daerah. Melalui pendekatan ini, RS-2 menjadi komitmen bersama untuk memastikan Selangor terus melangkah ke hadapan sebagai Negeri Model ASEAN yang memacu pertumbuhan saksama dan meningkatkan kualiti hidup untuk semua menjelang 2030.


Eksperimen Pertama
Untuk Dunia
Ayuk, Ceritalah Lagi!
Mariam HS



Glosari

Glosari

Terma	Definisi
AgTech	*Agricultural Technology*
AI	*Artificial Intelligence*
ANIS	Anak Istimewa Selangor
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara *(Association of Southeast Asian Nations)*
B40	*Bottom 40% of household income earners*
BAYU	Bantuan Yuran Asas Universiti
BESS	*Battery Energy Storage System*
BINGKAS	Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan Komposit *(Compound Annual Growth Rate)*
CaWah	*Central Data Warehouse*
CCGT	*Combined-Cycle Gas Turbine*
CFS	*Central Forest Spine*
CO_2eq	*Carbon Dioxide Equivalent*
COD	*Cargo Oriented Development*
CORE	Jawatankuasa Penyelarasan dan Penyelesaian *(Coordination and Resolution Committee)*
CSDP	*Central Spatial Data Platform*
CSO	*Civil Society Organization*
DDI	*Domestic Direct Investment*
Deep – X	The Selangor Deep Tech Xccelerator
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia *(Department of Statistics Malaysia)*
DRT	*Demand-Responsive Transit*
DPINS	Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor 2024
E&E	Elektrik dan Elektronik
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur *(East Coast Rail Link)*
eKYC	*Electronic Know Your Customer*
EKVE	*East Klang Valley Expressway*

Terma	Definisi
ESA	*Environmentally Sensitive Area*
EV	*Electric Vehicle*
FDI	*Foreign Direct Investment*
FTZ	*Free Trade Zone*
GHG	Pelepasan Gas Rumah Hijau
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan *(Government-Linked Companies)*
GMI	German-Malaysian Institute
GRIP	Taman Perindustrian Hijau (Green Industrial Park)
HORAS	*Hybrid Off-River Augmentation System*
HPIPT	Hadiah Pengajian Intitusi Pengajian Tinggi
IADA-BLS	*Integrated Agricultural Development Area* – Barat Laut Selangor
ICT	*Information and Communication Technology*
IDRISS	Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selatan Selangor *(Integrated Devel-opment Region in South Selangor)*
IKRM	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
IKTISASS	Inisiatif Kemahiran Teknikal Ikhtisas dan Smart Selangor
IMPAK	Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Selangor
IoT	*Internet of Things*
IPO	*Initial Public Offering*
IRBM	*Integrated River Basin Management*
i-SEED	Indian Selangor Empowerment and Entrepreneurs Development
JALUR	Pelan Induk Jaringan Jalan dan Lebuhraya
JMB	*Joint Management Body*
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KAGUMN	Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Nega-ra
KASA	Kompleks Agropolitan Sabak Bernam
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KSSA	Kompleks Sukan Shah Alam
KTM	Keretapi Tanah Melayu

Terma	Definisi
LEKAS	Lebuhraya Kajang–Seremban *(Kajang–Seremban Expressway)*
LNG	*Liquefied Natural Gas*
LRT	*Light Rail Transit*
LSS5	*Large-Scale Solar 5*
LTSAAS	Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor
M40	*Middle 40% of household income earners*
MAHB	Malaysia Airports Holdings Bhd
MBI	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
MBDK	Majlis Bandaraya Diraja Klang
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MC	*Management Corporation*
MDSB	Majlis Daerah Sabak Bernam
MIP	*Managed Industrial Park*
MLD	*Million Liters per Day*
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPHS	Majlis Perbandaran Hulu Selangor
MPKL	Majlis Perbandaran Kuala Langat
MPKS	Majlis Perbandaran Kuala Selangor
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPSp	Majlis Perbandaran Sepang
MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad
MRT	*Mass Rapid Transit*
MSC	Multimedia Super Corridor
MSU	Management and Science University
MTES	Majlis Tindakan Ekonomi Selangor

Terma	Definisi
MVP	*Minimum viable products*
MW	*Municipal Waste*
MYSA	Malaysian Space Agency
NBS	*Nature-based Solutions*
NDC	*Nationally Determined Contribution*
NGO	*Non-Governmental Organization*
NPE	New Pantai Expressway
OKU	Orang Kurang Upaya
ORS	*Off River Storage*
OUM	Open University Malaysia
PBK	Pengangguran Berkaitan Kemahiran
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PeBS	Penggerak Belia Selangor
PEKERTI	Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLATS	Platform Selangor
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PNSB	Permodalan Negeri Selangor Berhad
PPP	Kerjasama Awam-Swasta *(Public-Private Partnership)*
PPR	Program Perumahan Rakyat
PSUKSEL	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
QIAS	*Quality Improvement Accreditation System*
RFN	Rancangan Fizikal Negara
R&D	*Research and Development*
R&R	*Rest and Relaxation Area*
Retail-X	The Selangor Retail Tech Xccelerator
RoRo	*Roll-on/Roll-off*

Terma	Definisi
RS–1	Rancangan Selangor Pertama (2021–2025)
RS–2	Rancangan Selangor Kedua (2026–2030)
RSN	Rancangan Struktur Negeri
RSTU	Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor
RT	Rancangan Tempatan
SABDA	Kawasan Pembangunan Sabak Bernam *(Sabak Bernam Development Area)*
SAS	Selangor Aerospace Summit
SCAC	Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor *(Selangor Climate Adaptation Centre)*
SCOUT	Selangor Career Outreach
SelFMiP	Selangor Flood Mitigation Plan
SEL–CREATE	Hubs – Selangor Creative Economic Development Hub
SELKita	Program Selangor Kitar Semula
SGKV	Selangor Greater Klang Valley
SIAP	Selangor Implementation and Performance Unit
SIBS	Selangor International Business Summit
SILK	Kajang Dispersal Link Expressway
SIP	Selangor Intelligent Parking
SISGE	Sultan Idris Shah Green Energy
SISPRO	Selangor Internship Student Programme
SIWANIS	Sidang Wanita Selangor
SJMC	Subang Jaya Medical Centre
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SMG	Selangor Maritime Gateway
SPB–PBT	Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRI	Selangor Research Institute
SSAP	Selangor Smart Agro Park
STANDCO	*Standing Committee*
STEM	*Science, Technology, Engineering, and Mathematics*

Terma	Definisi
SUKE	Sungai Besi–Ulu Kelang Elevated Expressway
SUKMA	Sukan Malaysia
SUO	*Selangor Urban Observatory*
TBG	Terminal Bersepadu Gombak
TBS	Terminal Bersepadu Selatan
TBU	Terminal Bersepadu Utara
TEU	*Twenty-foot Equivalent Unit*
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TKWBNS	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor
TM KJDC	Telekom Malaysia Kelana Jaya Data Centre
TOD	*Transit Oriented Development*
TSA	Terminal Shah Alam
TUNAS	Skim Bantuan Tadika Selangor
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional *(Technical and Vocation-al Education and Training)*
UCCN	UNESCO Creative Cities Network
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNISEL	Universiti Selangor
UNITEN	Universiti Tenaga Nasional
UNSDG	Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations Sustainable Development Goals)*
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
UPM	Universiti Putra Malaysia
VC	Modal Teroka *(Venture Capital)*
WCE	Lebuhraya Persisiran Pantai Barat *(West Coast Expressway)*
W.P	Wilayah Persekutuan
WTE	*Waste-to-Energy*
YAWAS	Yayasan Warisan Anak Selangor
ZPE-SMG	Zon Pembangunan Ekonomi – Selangor Maritime Gateway

Hak Cipta Terpelihara © 2026

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

www.selangor.gov.my

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran daripada penerbit.